



**DR 14 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGKAL KELIMA**



LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA DAN
KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

**PENYATA MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN
KHAS HAL EHWAL WANITA DAN KANAK-KANAK DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 1 – 9 / 2021, BIL. 1 – 2 / 2022**

KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
• Kandungan	i
• Lampiran	ii - iii
• Glosari	iv - vi
• Ringkasan Eksekutif	vii - xix
<u>BAHAGIAN I</u> <i>Pengenalan</i>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1 - 3
• Pendekatan Tugas Kerja	4 - 6
<u>BAHAGIAN II</u> <i>ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA</i>	
• Mesyuarat JKPK Bil. 1 / 2021	7 – 13
• Mesyuarat JKPK Bil. 2 / 2021	14 – 20
• Mesyuarat JKPK Bil. 3 / 2021	21 – 29
• Mesyuarat JKPK Bil. 4 / 2021	30 – 32
• Mesyuarat JKPK Bil. 5 / 2021	33 – 35
• Mesyuarat JKPK Bil. 6 / 2021	36 – 40
• Mesyuarat JKPK Bil. 7 / 2021	41 – 44
• Mesyuarat JKPK Bil. 8 / 2021	44 – 48
• Mesyuarat JKPK Bil. 9 / 2021	49 – 56
• Mesyuarat JKPK Bil. 1 / 2022	57 – 58
• Mesyuarat JKPK Bil. 2 / 2022	59 – 62
<u>BAHAGIAN III</u> <i>PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA</i>	
• Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	64 - 72
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>PENGHARGAAN</i>	
• Penghargaan	73

LAMPIRAN

- Lampiran A: Pembentangan Penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak (SBKK), 30 September 2021
- Lampiran B: Status Perluasan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak ke Seluruh Malaysia, 30 September 2021.
- Lampiran C: Laporan dan Pelan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga, 30 September 2021
- Lampiran D: Laporan Tindakan Di Bawah Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga, 30 September 2021
- Lampiran E: Nota Pembentangan 6: Cadangan Penambahbaikan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JMKRT), 7 Oktober 2021
- Lampiran F: Rang Undang-Undang (RUU) Berkaitan Gender yang Tertangguh, 7 Oktober 2021
- Lampiran G: *Draft Proposal (For Comments) Child Right Commission*, 7 Oktober 2021
- Lampiran H: *Children Commission: Proposed Terms of Reference*, 7 Oktober 2021
- Lampiran I: *Standing with Sexual Crime Victims: WCC Support Services Reference*, 7 Oktober 2021
- Lampiran J: Rumusan Isu-isu yang Telah Dibentangkan, 28 Oktober 2021
- Lampiran K: Pindaan Perlembagaan bagi Memastikan Wanita Malaysia Mempunyai Hak Sama Rata untuk Memberikan Kewarganegaraan Automatik Kepada Anak Merdeka, 3 November 2021
- Lampiran L: Perkara 14 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan: Kewarganegaraan Kanak-kanak yang Lahir di Luar Negara oleh Ibunya yang Berwarganegara Malaysia dan Ayah Berwarganegara Asing, 3 November 2021
- Lampiran M: Penggubalan Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual, 3 November 2021
- Lampiran N: *Stalking*, 3 November 2021
- Lampiran O: Cadangan Pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265], 3 November 2021

- Lampiran P: *Proposal: Constituency-Level Action Research on Strengthening Access to Social Protection and Social Services*, 10 November 2021
- Lampiran Q: *Overview of UNICEF Malaysia Country Programme 2022-2025*, 10 November 2021
- Lampiran R: *Children in Detention in Malaysia*, 10 November 2021
- Lampiran S: Pembentangan oleh UNHCR, 16 November 2021
- Lampiran T: Perkhidmatan Institusi Kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 25 November 2021
- Lampiran U: Pembentangan Jabatan Penjara Malaysia, 25 November 2021
- Lampiran V: Taklimat PDRM Statistik Kanak-kanak dalam Kes Jenayah, 25 November 2021
- Lampiran W: Cadangan Pindaan Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual 2021, 8 Mac 2022
- Lampiran X: Cadangan Rang Undang Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (Pindaan)
- Lampiran Y: Pelan Hala Tuju untuk Mengukuhkan Sokongan untuk Mangsa dan Saksi Kanak-Kanak dalam Sistem Keadilan Jenayah: 2022-2027

E-Risalat

Laporan Prosiding Mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial

GLOSARI

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
AGC	<i>Attorney General Chambers</i>
AIRSRAP	<i>Australian Institute of Suicide Research and Prevention</i>
Akta 26	Akta Bantuan Guaman 1971 [<i>Akta 26</i>]
Akta 611	Akta Kanak-kanak 2001 [<i>Akta 611</i>]
Akta 676	Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [<i>Akta 676</i>]
Akta 792	Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [<i>Akta 792</i>]
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
AWAM	<i>All Women's Action Society</i>
BRG	Bajet Responsif Gender
CEDAW	<i>Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women</i>
CLE	<i>Continuing Legal Education</i>
CMS	<i>Case Management System</i>
CPTPP	<i>Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership</i>
CRC	<i>Convention on the Rights of the Child</i>
CSEA	<i>Child Sexual Exploitation and Abuse</i>
CSO	<i>Civil Society Organisation</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
D11	Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak
DELIMa	Digital Educational Learning Initiative Malaysia
DPP	<i>Deputy Public Prosecutor</i>
EPO	<i>Emergency Protection Order</i>
FBI	<i>Federal Bureau of Investigation</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
ILO	<i>International Labour Organization</i>
IPO	<i>Interim Protection Order</i>
JAG	<i>Joint Action Group for Gender Equality</i>

JBG	Jabatan Bantuan Guaman, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU),
JCI	<i>Jeffrey Cheah Institute</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JMKRT	Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPN	Jabatan Peguam Negara
JSKK	Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPI	<i>Key Performance Index</i>
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KRT	Keganasan Rumah Tangga
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MAMPU	<i>The Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit</i> , Jabatan Perdana Menteri
MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran
MEDAC	<i>Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives</i>
MKN	Majlis Keselamatan Negara
NCA	<i>National Crime Agency, United Kingdom</i>
NGO	<i>Non-Governmental Organizations</i>
NHMS	<i>National Health & Morbidity Survey</i>
NKRA	<i>National Key Result Areas</i>

OCC	<i>Office of the Children’s Commissioner, Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)</i>
OKT	Orang Kena Tuduh
OKU	Orang Kurang Upaya
OSCC	Pusat Krisis Bersepadu, Kementerian Kesihatan Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PO	<i>Protection Order</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPMPM	Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
PPRT	Program Perumahan Rakyat Termiskin
RUU	Rang Undang-Undang
SCAN	Pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak yang Disyak, Kementerian Kesihatan Malaysia
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SIS	<i>Sisters in Islam</i>
SPT	<i>Special Team Project</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
UNHCR	<i>United Nations High Commissioner for Refugees</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
VAS	<i>Victim Assistance Service</i>
WAJA	Skuad Wanita Antijenayah atau Wanita Berjaya
WAO	<i>Women’s Aid Organization</i>
WSS	<i>Witness Support Service</i>
WSSP	<i>Witness Support Service Programme, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat</i>

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial (selepas ini dirujuk sebagai Jawatankuasa) ditubuhkan bertujuan memperkukuh dan melengkapkan sistem Jawatankuasa di Parlimen yang berfungsi sebagai salah satu mekanisme semak dan imbang yang berkesan di antara Badan Eksekutif (Kerajaan) dan Badan Perundangan (Legislatif) dalam negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan orang asli dan pembangunan sosial di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta agensi-agensi di bawahnya. Jawatankuasa telah mengadakan sembilan mesyuarat pada tahun 2021 dan dua mesyuarat pada tahun 2022.

Perkara-perkara yang telah di bantangkan di Mesyuarat Jawatankuasa:

- (a) **26 Julai 2021** - terma rujukan dan garis masa pelaksanaan Jawatankuasa; dan isu berkaitan hal ehwal wanita, kanak-kanak dan pembangunan sosial di negara ini bagi tempoh semasa dan selepas penularan wabak Covid-19.
- (b) **15 September 2021** - impak Covid-19 kepada kumpulan sasar; isu berkaitan masalah keciciran pelajaran kanak-kanak dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dan isu yang berkaitan dengan insiden bunuh diri dan cubaan bunuh diri melibatkan kanak-kanak.
- (c) **30 September 2021** - isu yang melibatkan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak dan pembentangkan cadangan untuk merealisasikan penubuhan sebuah Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak Kebangsaan dan

pembentangan berkaitan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JMKRT) oleh KPWKM.

- (d) **7 Oktober 2021** - bertujuan mendapatkan pandangan daripada pihak NGO berkaitan penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak Kebangsaan, dan JMKRT.
- (e) **28 Oktober 2021** - bertujuan membincangkan rumusan isu-isu yang telah dibentangkan sepanjang mesyuarat diadakan seperti pertindihan bidang kerja di antara OCC dan SUHAKAM, garis panduan pencegahan jenayah seksual kanak-kanak, keganasan rumah tangga yang semakin meningkat.
- (f) **3 November 2021** - pembentangan daripada *Family Frontiers* dan taklimat oleh Pejabat Peguam Negara (AGC) berkaitan: 1) Perkara 14(1)(b) dalam Perlembagaan Persekutuan, kewarganegaraan kanak-kanak yang lahir di luar negara oleh ibunya yang berwarganegara Malaysia dan ayah berwarganegara asing; 2) Rang Undang-undang Antigangguan Seksual; 3) Penambahan perkataan 'menghendap' (*stalking*) dalam Kanun Keseksaan, dan 4) Pindaan kepada Akta Kerja 1955 termasuk pindaan untuk melarang diskriminasi terhadap pekerja, mewujudkan cuti paterniti tiga hari (dilanjutkan kepada tujuh hari), memanjangkan tempoh paterniti, melarang pemberhentian kerja atas sebab kehamilan dan memperkenalkan waktu kerja fleksi.
- (g) **10 November 2021** - taklimat daripada UNICEF mengenai perkara berkaitan program yang akan dijalankan, kedudukan kanak-kanak dalam tahanan serta penjanaan data dan maklumat mengenai pengalaman kanak-kanak/keluarga dan penyedia perkhidmatan untuk memahami cabaran di lapangan.
- (h) **16 November 2021** - taklimat dan soal jawab bersama Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) mengenai wanita dan kanak-kanak pelarian serta pemohon suaka dalam tahanan.

- (i) **25 November 2021** - taklimat dan soal jawab bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan di Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri dan Rumah Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang.
- (j) **8 Mac 2022** – perbincangan mengenai Rang Undang-undang Antigangguan Seksual 2021.
- (k) **21 Julai 2022** – perbincangan mengenai “*Roadmap for Strengthening Support for Child Victims and Witnesses in the Criminal Justice System 2022 – 2027*”.

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa bersetuju untuk memberi tumpuan utama kepada hal ehwal kanak-kanak terlebih dahulu. Dengan itu, Jawatankuasa mengemukakan penemuan dan syor seperti yang berikut:

A. PENINGKATAN KES PENDERAAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK

1. Terdapat cadangan agar talian bantuan khusus bagi kanak-kanak secara 24 jam diperkenalkan di seluruh negara. Hal ini kerana Talian Kasih 15999 merupakan talian umum yang turut menerima panggilan daripada pelbagai peringkat umur. Cadangan juga dibuat agar nombor Talian Kasih khusus untuk kanak-kanak mengguna pakai nombor yang mesra atau mudah diingati oleh kanak-kanak.
2. Cadangan dikemukakan agar kategori kumpulan sasar diasingkan antara kanak-kanak dan remaja, di mana remaja dicadangkan diletakkan dalam kategori umur antara 13 hingga 18 tahun.
3. Terdapat cadangan untuk menambah jumlah Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak bagi memastikan pengurusan kes berkaitan penderaan kanak-kanak dapat ditangani secara berkesan. Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hanya meluluskan seramai 224 Pegawai/Pembantu Pelindung dan Pegawai Akhlak sahaja. KPWKM memerlukan pertambahan seramai seribu lagi Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak.

4. Cadangan agar Kerajaan meneliti semula dan memberi peruntukan yang sewajarnya dalam usaha penambahan perjawatan dan pengoperasian Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (D11). Hal ini termasuklah pertambahan perjawatan dan pengoperasian D11 di negeri-negeri dan daerah bagi mengendalikan kes-kes berkaitan jenayah seksual dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.
5. Cadangan juga dikemukakan agar Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak wajar diperluas ke setiap negeri dalam memastikan usaha yang berimpak tinggi dan memberi kesan yang ketara.
6. Terdapat cadangan yang mahukan Garis Panduan Khas untuk mengendalikan kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia yang disediakan oleh Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia digunakan sebagai bahan rujukan utama oleh setiap pihak penguatkuasa.
7. Cadangan juga dikemukakan untuk membentuk satu Pasukan Petugas Kebangsaan Peringkat Tertinggi (*High-Level National Taskforce*) yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dan agensi penguatkuasa untuk menyelaraskan pelaksanaan undang-undang secara bersepadu.
8. Cadangan-cadangan terperinci serta garis masa bagi setiap sasaran seperti yang disenaraikan dalam Pelan Hala Tuju Untuk Mengukuhkan Sokongan Bagi Mangsa dan Saksi Kanak-kanak dalam Sistem keadilan Jenayah: 2022 – 2027 (rujuk kepada **Lampiran Y**).

B. KANAK-KANAK BERKONFLIK DENGAN UNDANG-UNDANG

1. Terdapat cadangan yang mahukan kanak-kanak yang ditahan reman hendaklah dibebaskan dengan jaminan terutamanya apabila perbicaraan terpaksa ditunda dalam tempoh yang lama. Hal yang sama juga melibatkan kanak-kanak yang ditahan di bawah undang-undang imigresen.

2. Cadangan agar program *diversion* yang diperkenalkan KPWKM diperluaskan pemakaiannya untuk memanfaatkan lebih ramai kanak-kanak yang sedang berkonflik dengan undang-undang.
3. Cadangan juga dikemukakan agar projek perintis berasaskan keluarga yang diperkenalkan KPWKM untuk membolehkan kanak-kanak di bawah tahanan imigresen dibesarkan oleh keluarga angkat atau saudara terdekat diperluaskan pemakaiannya.

C. KEBAJIKAN KANAK-KANAK KETIKA IBU BAPA SEDANG DALAM PROSES PERCERAIAN

1. Terdapat cadangan agar kelonggaran diberikan kepada ibu bapa untuk mendapat hak penjagaan secara bergilir-gilir dengan pasangan sementara proses perbicaraan berjalan.
2. Cadangan untuk mengenal pasti wanita yang menjadi ketua keluarga ketika proses perceraian berjalan. Hal ini untuk memastikan bantuan dapat disalurkan kepada wanita yang menjadi ketua keluarga agar kebajikan anak-anak terus terjaga dalam tempoh proses perceraian.

D. KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN, PELARIAN DAN DALAM TAHANAN IMIGRESEN

1. Cadangan agar KDN, KPM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberi perhatian utama ke atas kebajikan kanak-kanak dalam kategori ini. Hal ini adalah kerana, walau apa pun status kanak-kanak tersebut, Malaysia mempunyai reservasi terhadap Artikel 28 dalam *Convention on the Rights of the Child* (CRC) yang menyebut, “*States Parties recognize the rights of the child to education, and with a view to achieving this right progressively and on the basis of equal opportunity, they shall in particular: (a) make primary education compulsory and available free to all*”.

2. Terdapat cadangan agar KPM mempertimbangkan untuk membenarkan kanak-kanak Rohingya mendapat akses kepada pembelajaran di sekolah awam serta diberi peluang menduduki peperiksaan awam memandangkan perkara ini telah dilaksanakan di peringkat ASEAN yang melibatkan negara seperti Thailand dan Indonesia.
3. Bagi memastikan bantuan sampai kepada kanak-kanak dalam kategori ini secara inklusif, cadangan dikemukakan agar agensi kerajaan yang berkaitan bekerjasama dengan pihak NGO atau pekerja sukarela yang menyelenggarakan misi bantuan.
4. Cadangan agar kewarganegaraan diberi melalui kuatkuasa undang-undang kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing, serta membatalkan tafsiran awal yang menetapkan kewarganegaraan kanak-kanak yang diberikan berasaskan status bapa warganegara Malaysia sahaja. Hal ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk memelihara dan melindungi hak golongan lelaki dan wanita serta menjamin hak dan masa hadapan kanak-kanak berkenaan. Hasrat ini akan menyemarakkan lagi semangat Keluarga Malaysia selari dengan polisi kerajaan "*no one is left behind*".

E. KES BUNUH DIRI DAN CUBAAN BUNUH DIRI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

1. Terdapat cadangan yang mahukan perkongsian data berkaitan insiden bunuh diri dibuat secara merentas Kementerian dan agensi yang melibatkan PDRM, KKM dan KPWKM agar koordinasi dapat dibuat dengan lebih berkesan.
2. Cadangan agar satu Prosedur Operasi Standard (SOP) dibentuk untuk menangani isu melibatkan kanak-kanak. Umpamanya kes bunuh diri yang diterima KKM harus diserahkan kepada KPWKM untuk mendapat tindakan selanjutnya oleh pihak kaunselor atau Pegawai Psikologi.

3. Cadangan juga dibuat agar PDRM memberi kelulusan kepada pegawai JKM untuk mendekati ahli keluarga yang terlibat supaya tindakan susulan berupa khidmat kaunseling dapat dilakukan dengan segera.

F. PENINGKATAN KES KEGANASAN RUMAHTANGGA

1. Cadangan agar peranan dan fungsi Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JMKRT) diperkasa agar penyelarasan dan pemantauan dapat dibuat di setiap negeri secara lebih berkala dan efisien.
2. Cadangan juga dikemukakan agar dana yang diperuntukkan untuk hal ehwal pentadbiran dan pengurusan rumah perlindungan diteliti semula dan ditambah bersesuaian dengan keperluan semasa.
3. Terdapat cadangan yang mahukan perkhidmatan yang disalurkan oleh pihak hospital dan PDRM dikaji dan dibuat penambahbaikan, terutamanya mempertingkatkan usaha untuk memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga.

G. PENUBUHAN SEBUAH SURUHANJAYA BEBAS KANAK-KANAK

1. Cadangan agar meneliti semula fungsi Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan peranannya yang kini berada di bawah SUHAKAM. Sebuah Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak perlu ditubuhkan di negara ini untuk menangani pelbagai isu yang melibatkan kanak-kanak dan memastikan kebajikan mereka dapat dilindungi dan diperkasa.
2. Bagi memastikan pembelaan terhadap kanak-kanak lebih berfokus, komprehensif dan efisien, satu Akta Suruhanjaya Kanak-Kanak perlu diwujudkan. Suruhanjaya ini akan menjadi satu badan yang bebas dan tidak tertakluk di bawah mana-mana Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan yang lain serta memiliki bidang kuasa khusus bagi melindungi hak dan kebajikan kanak-kanak di Malaysia.

3. Terdapat cadangan agar laporan oleh Pesuruhjaya Kanak-kanak hendaklah dibentangkan di Parlimen oleh Pesuruhjaya sendiri dan tidak terangkum mengikut Akta SUHAKAM.
4. Cadangan juga dikemukakan agar isu berkaitan kanak-kanak diselaraskan oleh Suruhanjaya Bebas Kanak-Kanak yang diberi lebih kuasa untuk menyuarakan hal ehwal kanak-kanak.
5. Cadangan agar skop Suruhanjaya harus berfokus kepada perlindungan kanak-kanak dari aspek mencegah kanak-kanak daripada terlibat dalam konflik perundangan. Suruhanjaya ini juga boleh dilihat lebih proaktif jika boleh membincangkan setiap insiden yang berlaku terhadap kanak-kanak dalam media sebagai pengajaran serta penambahbaikan untuk mengelakkan berlakunya kes berulang. Naratif perundangan berkaitan kanak-kanak wajar diwar-warkan kepada masyarakat untuk membolehkan masyarakat memahami hak kanak-kanak di Malaysia.

H. PEMERKASAAN GENDER

1. Cadangan agar Dasar Keterangkuman Gender diselaraskan di semua negeri di Malaysia selari dengan komitmen Kerajaan dalam usaha pemerkasaan gender seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Cadangan ini mengambil kira iltizam politik untuk mengguna pakai piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* dan *Convention on the Rights of the Child (CRC)*.
2. Terdapat cadangan agar Belanjawan Responsif Gender (BRG) dilaksanakan sepenuhnya di setiap Kementerian dan agensinya untuk memastikan Malaysia mencapai Matlamat 5: Kesaksamaan Gender seperti yang ditetapkan dalam aspirasi global 2030, iaitu Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) (SDG).

I. RANG UNDANG-UNDANG ANTIGANGGUAN SEKSUAL

1. Cadangan dan pandangan yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa telah diambil kira oleh KPWKM dalam usaha menambah baik RUU ini yang telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 20 Julai 2022.

J. AKTA MENGHENDAP

1. Cadangan bagi mewujudkan akta yang khusus bagi undang-undang yang berkaitan dengan isu menghendap. Buat masa ini terdapat Kanun Keseksaan seperti termaktub dalam Seksyen 336, 350, 351, 383, 503, 507 dan 509.
2. Terdapat penubuhan jawatankuasa dari 2013 hingga 2015 untuk merangka RUU Akta Menghendap. Pada tahun 2016, terdapat cadangan mengenai seksyen baharu diwujudkan dalam Kanun Keseksaan untuk dijadikan sebagai kesalahan jenayah. Isu ini mula diambil perhatian oleh pihak Kementerian pada tahun 2019.
3. Libat urus melibatkan agensi-agensi kerajaan dan NGO telah menghasilkan sebuah draf akhir iaitu dengan memperkenalkan seksyen 50A Kanun Keseksaan yang menyatakan menghendap sebagai kesalahan. 50A Kanun Keseksaan akan menakrifkan gangguan sebagai seorang individu yang melakukan gangguan sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga sehingga menyebabkan mangsa mengalami ketakutan dan kesusahan. Manakala bagi Seksyen 507B, kesalahan menghendap, terdapat keperluan penetapan terma yang tepat bagi mengelakkan daripada berlakunya perselisihan antara penggubal undang-undang.

K. KEWARGANEGARAAN KANAK-KANAK

1. Terdapat kesan undang-undang berkaitan isu kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia dan bapa warga asing mengikut Perkara 14(1)(b), Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c), Perlembagaan Persekutuan.

2. Terdapat juga isu di mana kanak-kanak yang dilahirkan di negara ketiga (bukan negara kelahiran ibu atau bapa) susah untuk mendapat kerakyatan Malaysia walaupun ibu adalah warganegara Malaysia. Namun terdapat kes yang berjaya membuat rayuan permohonan kewarganegaraan di negara kelahiran bapa (bukan warganegara Malaysia).
3. Terdapat kesan negatif isu kewarganegaraan ini terhadap kanak-kanak iaitu kesukaran mendapat akses pendidikan seperti pendaftaran sekolah, kesihatan yang melibatkan akses kepada vaksin. Bagi wanita pula, isu kewarganegaraan kanak-kanak ini menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan kes keganasan rumah tangga. Kebarangkalian untuk hilang hak ke atas anak mereka juga adalah tinggi kerana suami (warganegara Malaysia) mempunyai hak terhadap kanak-kanak tersebut.
4. Terdapat juga isu kes penceraian dan kematian yang menyukarkan ibu untuk membawa anak-anak pulang bermastautin di Malaysia disebabkan kanak-kanak tersebut tidak mempunyai status kewarganegaraan.
5. Kadar permohonan yang lulus bagi kewarganegaraan kanak-kanak telah menurun. Bagi tempoh lima tahun, 2013 hingga 2018, hanya 142 daripada 4,112 iaitu 3.45 peratus permohonan sahaja telah diluluskan. Lebih membimbangkan kadar peratusan kelulusan permohonan semakin menurun. Bagi tahun 2019 hingga 2021, hanya 21 daripada 2,352 permohonan diluluskan iaitu hanya 0.89 peratus permohonan kewarganegaraan kanak-kanak diluluskan.

L. KANAK-KANAK PELARIAN DAN PEMOHON SUAKA

1. Terdapat isu peningkatan pelarian berdaftar dengan UNCHR iaitu menghampiri 180,000 orang di mana majoritinya adalah dari Myanmar iaitu sebanyak 86 peratus. Daripada jumlah ini, 32 peratus adalah golongan wanita manakala 26 peratus lagi kanak-kanak. Sebanyak 1,625 kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya dan 770 kanak-kanak merupakan kanak-kanak yang terpisah dan tidak ditemani oleh penjaga mereka manakala 220 kanak-kanak pula telah menjadi buruh kanak-kanak.

2. Tiada pelan undang-undang dalam isu berkaitan dengan pelarian di Malaysia. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai hak untuk bekerja dan mendapat pendidikan serta menghadapi beberapa kekangan sama ada dari sudut keadilan, kesihatan dan perkhidmatan awam.
3. Status undang-undang yang lemah telah mengakibatkan golongan pelarian berhadapan dengan tahanan polis dan tempoh tahanan pula mengambil masa yang lama.

M. KANAK-KANAK DALAM TAHANAN

1. Terdapat pandangan bahawa data mengenai kanak-kanak dalam tahanan tidak direkodkan secara sistematik, malahan tiada agensi yang mempunyai data lengkap berkaitan hal ini. Hal ini mengakibatkan langkah komprehensif dalam memberi keadilan kepada kanak-kanak sukar untuk dilakukan. Penahanan kanak-kanak masih juga berlaku di Malaysia walaupun di seluruh dunia telah mula berhenti dari membuat penahanan.
2. Cadangan untuk melakukan kerjasama antara KPM dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam aspek pendidikan. Hal ini kerana terdapat kanak-kanak yang tidak mendapat akses kepada pendidikan terutamanya dalam tempoh penularan Covid-19. Dua sekolah yang terkesan ialah Sekolah Henry Gurney Telok Mas dan Sekolah Integriti Puncak Alam.
3. Namun demikian wujud kerjasama antara Google dan *Digital Education Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) untuk menyediakan platform pembelajaran alternatif dan pembangunan kemahiran kanak-kanak dalam tahanan.
4. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang terlibat dengan dadah perlu ditempatkan dalam program komuniti dan bukannya dalam penahanan, untuk memberi lebih perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak.

N. LAIN-LAIN ISU BERBANGKIT

1. Cadangan dikemukakan untuk melanjutkan cuti paterniti dari tiga hari kepada tujuh hari, memanjangkan tempoh cuti materniti, melarang pemberhentian kerja atas sebab kehamilan, dan memperkenalkan waktu kerja anjal.
2. Terdapat cadangan agar perlindungan dari segala bentuk diskriminasi diberikan kepada OKU, dan definisi diskriminasi mesti meliputi diskriminasi langsung dan tidak langsung.
3. Cadangan bahawa satu rangka kerja dibuat untuk menganalisis pengurusan kewangan awam agar bersifat lebih responsif kepada hal ehwal kanak-kanak. Satu dialog perlu diadakan untuk membicarakan mengapa *public resources* sangat diperlukan dalam memastikan kebajikan dan perlindungan terhadap kanak-kanak sentiasa diberi keutamaan.
4. Terdapat pandangan yang mahukan isu kemiskinan kanak-kanak ditangani dengan lebih efektif. Pada tahun 2019, kadar kemiskinan meningkat sehingga 8.4 peratus dan menganggarkan bahawa sebanyak 1 dari 10 kanak-kanak di Malaysia adalah di bawah kadar kemiskinan.
5. Sepanjang sesi mesyuarat, pihak JKPK telah beberapa kali menghadapi isu kesukaran mendapatkan maklumat serta keterangan daripada agensi-agensi kerajaan tentang isu-isu berkepentingan di bawah terma rujukan pihak JKPK. Dengan itu, pihak JKPK berharap supaya Peraturan Mesyuarat boleh dibaca dengan tafsiran bermotif (*purposive interpretation*) bagi memperkasakan fungsi-fungsi eksklusif JKPK dalam memainkan peranan semak dan imbang terhadap eksekutif secara berkesan. Ini turut boleh dicapai dengan pindaan dalam beberapa peraturan dalam Peraturan Mesyuarat serta klausa-klausa dalam Terma Rujukan JKPK.
6. Semasa lawatan sambil belajar ke Parlimen United Kingdom di London, pihak JKPK juga mengambil maklum bahawa kemampuan JKPK United Kingdom untuk berfungsi dengan baik adalah disebabkan sokongan kukuh oleh sistem sokongan yang disediakan Parlimen United Kingdom. Sistem sokongan ini

meliputi kekuatan sumber manusia (tenaga pakar, staf sokongan, setiausaha) dan juga peruntukan kewangan yang mencukupi, dan setiap JKPK diperuntukkan staf sokongan khas yang terdiri daripada setiausaha, pegawai penyelidik, media dan staf sokongan lainnya. Pihak JKPK mencadangkan agar amalan ini boleh dicontohi di Parlimen Malaysia bagi membolehkan setiap JKPK berfungsi dengan berkesan dan efisien.

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Peraturan Mesyuarat 81 Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik dengan perintah Majlis dan tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 81(1). Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi siapa-siapa ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak melibatkan pindaan terhadap peraturan-peraturan mesyuarat.
2. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial (selepas ini dirujuk sebagai Jawatankuasa) ditubuhkan bertujuan memperkukuh dan melengkapkan sistem Jawatankuasa di Parlimen yang berfungsi sebagai salah satu mekanisme semak dan imbang yang berkesan di antara Badan Eksekutif (Kerajaan) dan Badan Perundangan (Legislatif) dalam negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.
3. Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan orang asli dan pembangunan sosial di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta agensi-agensi di bawahnya.
4. Pengerusi bagi Jawatankuasa ini dilantik oleh ahli-ahli Jawatankuasa, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 81(2), Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

5. Keanggotaan bagi Jawatankuasa Pilihan Khas perlu mencerminkan kedudukan yang seimbang antara Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang berdasarkan Peraturan 82(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa ini dianggotai oleh sembilan ahli Dewan Rakyat termasuk seorang Pengerusi seperti yang disenaraikan di bawah:
- i. **Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said**
Ahli Parlimen Pengerang (Pengerusi)
 - ii. **Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin**
Ahli Parlimen Rompin
 - iii. **Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng**
Ahli Parlimen Lanang
 - iv. **Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh**
Ahli Parlimen Segambut
 - v. **Yang Berhormat Tuan Che Alias bin Hamid**
Ahli Parlimen Kemaman
 - vi. **Yang Berhormat Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman**
Ahli Parlimen Sik
 - vii. **Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil**
Ahli Parlimen Lembah Pantai
 - viii. **Yang Berhormat Puan Fuziah Salleh**
Ahli Parlimen Kuantan
 - ix. **Yang Berhormat Puan Rubiah binti Wang**
Ahli Parlimen Kota Samarahan
6. Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa adalah selama dua (2) tahun iaitu dua (2) penggal. Tempoh ini adalah berkuatkuasa mulai pada tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat.
7. Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran di hadapannya dari satu masa ke satu masa bagi maksud penelitian dan kajian terhadap suatu Rang Undang-undang (RUU) itu dan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-

kanak, OKU dan orang asli dan pembangunan sosial di bawah tanggungjawab KPWKM dan KPLB serta agensi di bawahnya.

8. Bagi urusan yang tersebut di atas, Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana pihak seperti Ahli-ahli Parlimen, pakar perundangan dan perlembagaan, badan bukan berkepentingan iaitu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat madani serta individu lain untuk hadir dalam persidangan Jawatankuasa dari semasa ke semasa.
9. Jawatankuasa ini berhak untuk menentukan penjadualan persidangan mereka sendiri sama ada diadakan di Parlimen ataupun di mana-mana tempat lain mengikut kesesuaian.
10. Ketua Pentadbir Parlimen perlu menyediakan perbelanjaan kewangan serta segala keperluan mesyuarat seperti penyediaan tempat, peralatan, makan minum dan sebagainya. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin sebagai Setiausaha Dewan merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas mengikut Peraturan 83(8), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
11. Peraturan Mesyuarat 86 menetapkan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut untuk menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dipersetujui atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Majlis tersebut.
12. Jawatankuasa ini dalam mesyuarat yang diadakan pada Khamis, 21 Julai 2022, telah mengambil ketetapan agar penyediaan penyata dibuat supaya dapat dibentangkan sebelum sidang Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Majlis Parlimen Ke-14 Dewan Rakyat berakhir pada 4 Ogos 2022.
13. Jawatankuasa dengan ini membentangkan penyata Jawatankuasa kepada Majlis seperti ketetapan di atas.

Pendekatan Tugas Kerja

14. Jawatankuasa telah menjemput wakil KPWK, KPLB, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan NGO yang berkaitan untuk hadir bersama dalam mesyuarat yang diadakan.
15. Jawatankuasa telah mengadakan sembilan mesyuarat pada tahun 2021 dan dua mesyuarat pada tahun 2022 (dalam tempoh Januari – Julai) seperti yang berikut:
 - (l) Mesyuarat Bilangan 1 diadakan pada hari Isnin, 26 Julai 2021 bagi membincangkan terma rujukan dan garis masa pelaksanaan Jawatankuasa. Mesyuarat juga diadakan bertujuan membincangkan isu berkaitan hal ehwal wanita, kanak-kanak dan pembangunan sosial di negara ini bagi tempoh semasa dan selepas penularan wabak Covid-19. Mesyuarat turut membincangkan strategi dan pendekatan yang akan diambil oleh Jawatankuasa dalam menangani isu yang dihadapi oleh wanita dan kanak-kanak. Pesuruhjaya Kanak-kanak Malaysia, Prof Dato' Dr. Aziah binti Mohd Awal mewakili Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) membentangkan isu yang dihadapi oleh kanak-kanak di Malaysia.
 - (m) Mesyuarat Bilangan 2 diadakan pada hari Rabu, 15 September 2021 bagi mendengar timbal balas oleh Timbalan Menteri KPWK berkenaan fokus utama impak Covid-19 kepada kumpulan sasaran. Selain itu, KPM pula membentangkan isu berkaitan masalah keciciran pelajaran kanak-kanak dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan KKM membentangkan isu yang berkaitan dengan insiden bunuh diri dan cubaan bunuh diri melibatkan kanak-kanak.
 - (n) Mesyuarat Bilangan 3 diadakan pada hari Khamis, 30 September 2021, bagi memanggil Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia untuk membentangkan isu yang melibatkan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak. SUHAKAM pula telah membentangkan

cadangan untuk merealisasikan penubuhan sebuah Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak Kebangsaan dan pembentangan berkaitan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JMKRT) oleh KPWKM.

- (o) Mesyuarat Bilangan 4 diadakan pada hari Khamis, 7 Oktober 2021, bertujuan mendapatkan pandangan daripada pihak NGO berkaitan penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak Kebangsaan, dan JMKRT.
- (p) Mesyuarat Bilangan 5 diadakan pada hari Khamis, 28 Oktober 2021 bertujuan membincangkan rumusan isu-isu yang telah dibentangkan sepanjang mesyuarat diadakan. Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai pertindihan bidang kerja di antara OCC dan SUHAKAM selain dari kekurangan kakitangan dan bajet. Seterusnya, isu mengenai garis panduan pencegahan jenayah seksual kanak-kanak.. Antara lain adalah mengenai keganasan rumah tangga yang semakin meningkat. Mesyuarat juga mengetengahkan tindakan lanjut yang akan diambil bagi menyelesaikan isu tersebut.
- (q) Mesyuarat Bilangan 6 diadakan pada hari Rabu, 3 November 2021 bertujuan mendengar pembentangan daripada *Family Frontiers* dan taklimat oleh Pejabat Peguam Negara (AGC) berkaitan: 1) Perkara 14(1)(b) dalam Perlembagaan Persekutuan, kewarganegaraan kanak-kanak yang lahir di luar negara oleh ibunya yang berwarganegara Malaysia dan ayah berwarganegara asing; 2) Rang Undang-undang Antigangguan Seksual; 3) Penambahan perkataan 'menghendap' (*stalking*) dalam Kanun Keseksaan, dan 4) Pindaan kepada Akta Kerja 1955 termasuk pindaan untuk melarang diskriminasi terhadap pekerja, mewujudkan cuti paterniti tiga hari (dilandjutkan kepada tujuh hari), memanjangkan tempoh paterniti, melarang pemberhentian kerja atas sebab kehamilan dan memperkenalkan waktu kerja fleksi.
- (r) Mesyuarat Bilangan 7 diadakan pada hari Rabu, 10 November 2021 untuk mendengar taklimat daripada UNICEF mengenai perkara

berkaitan program yang akan dijalankan, kedudukan kanak-kanak dalam tahanan serta penjanaan data dan maklumat mengenai pengalaman kanak-kanak/keluarga dan penyedia perkhidmatan untuk memahami cabaran di lapangan.

- (s) Mesyuarat Bilangan 8 diadakan pada hari Selasa, 16 November 2021 untuk mendengar taklimat dan soal jawab bersama Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) mengenai wanita dan kanak-kanak pelarian serta pemohon suaka dalam tahanan.
- (t) Mesyuarat Bilangan 9 diadakan pada hari Khamis, 25 November 2021 bertujuan mendengar taklimat dan soal jawab bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan di Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri dan Rumah Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang.
- (u) Mesyuarat Bilangan 1 bagi tahun 2022 diadakan pada hari Selasa, 8 Mac 2022 bertujuan membincangkan mengenai beberapa isu melibatkan Rang Undang-undang Antigangguan Seksual 2021. Mesyuarat juga menjemput beberapa NGO untuk meneliti pendapat dan pandangan mereka berkaitan pindaan yang dicadangkan terhadap Rang Undang-undang Antigangguan Seksual 2021.
- (v) Mesyuarat Bilangan 2 diadakan pada hari Rabu, 21 Julai 2022 bertujuan membincangkan mengenai Roadmap for Strengthening Support for Child Victims and Witnesses in the Criminal Justice System 2022 – 2027. Mesyuarat turut menjemput wakil dari KPWK, KKM, PDRM, SUHAKAM, KDN dan Mahkamah.

BAHAGIAN II

ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

Setelah mendengar cadangan dan pandangan ahli-ahli Jawatankuasa, wakil-wakil Kementerian dan agensi yang berkaitan serta NGO, isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti yang berikut:

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 1/2021

Pembentangan oleh SUHAKAM

1. Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak ditubuhkan pada September 2019 untuk membuat konsultasi berkaitan hal ehwal kanak-kanak. Namun demikian, sesi konsultasi dan perbincangan terpaksa dilakukan secara dalam talian dalam tempoh PKP. Sebuah Majlis Konsultatif Kanak-kanak yang diletakkan di bawah kawal selia SUHAKAM telah ditubuhkan untuk membincang dan mendengar perkara berkaitan hal ehwal kanak-kanak dari sudut pandangan kanak-kanak sendiri.
2. Keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak, terutama kanak-kanak OKU adalah antara isu mendesak yang perlu diberi perhatian segera. Hal ini jelas apabila panggilan yang melibatkan kes keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak secara Dalam Talian kian melalui talian *hotline* NGO dan Talian Kasih 15999 semakin meningkat. Wujud keperluan untuk memperkenalkan talian bantuan khusus bagi kanak-kanak secara 24 jam di seluruh negara. Hal ini adalah kerana Talian Kasih 15999 adalah talian umum yang turut menerima panggilan daripada pelbagai peringkat umur.
3. Kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak menurun sebanyak 8.5 peratus (546 kes) pada tahun 2020. Namun demikian, kes penderaan seksual meningkat 48 kes dan penderaan emosi meningkat 58 kes berbanding dengan tahun 2019. Menurut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat, ibu kandung merupakan individu yang paling banyak melakukan penderaan terhadap kanak-

kanak, iaitu peningkatan sebanyak 9.8 peratus (149 kes). Statistik kes penderaan melibatkan pengasuh menurun sebanyak 34 peratus pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019.

4. Trend menunjukkan penderaan seksual adalah tinggi dalam kalangan kanak-kanak berumur antara 13 hingga 18 tahun berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan jalur lebar dan pembelajaran secara Dalam Talian dalam tempoh PKP. Terdapat banyak adegan keganasan seksual dan perbuatan tidak bermoral dipaparkan. Perbuatan seperti melakukan tarian lucah dan memakai pakaian yang mencolok mata oleh kanak-kanak perempuan melalui Tik Tok umpamanya, mendedahkan mereka kepada risiko pornografi sekiranya tiada pengawasan oleh orang dewasa. Sesi konsultasi oleh Majlis Konsultatif Kanak-kanak mendapati sebahagian kanak-kanak menggunakan peluang sewaktu sesi pembelajaran dalam talian untuk melayari pelbagai laman sosial.
5. Bantuan sokongan tidak sampai kepada kanak-kanak daripada kumpulan komuniti tertinggi dan rentan seperti pelarian, pendatang, keluarga tanpa dokumen, kehilangan tempat tinggal, orang asal, OKU, B40 dan juga keluarga yang menerima upah secara harian. Agensi kerajaan yang membuat penyelarasan perlu membuat perundingan dengan NGO atau pekerja di lapangan bagi memastikan bantuan sampai kepada kanak-kanak secara inklusif.
6. Kanak-kanak seharusnya mendapat hak dan akses kepada pembelajaran tanpa mengira sama ada mereka di bandar atau luar bandar. Ramai kanak-kanak yang keciciran proses pembelajaran, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan yang tiada kemudahan jalur lebar seperti di Sabah dan Sarawak. Masalah keciciran pembelajaran meningkat apabila kanak-kanak yang tinggal di asrama diarah pulang ke rumah. Majlis Konsultatif Kanak-kanak juga mendapati, situasi ini turut mendorong kepada peningkatan kes rogol oleh ahli keluarga sendiri dan perkahwinan di bawah umur.
7. Sesi pembelajaran Dalam Talian berjalan secara tidak sistematik. Tiada arahan yang jelas berkaitan sebarang perubahan dan pertambahan kerja sekolah yang kebanyakannya disampaikan melalui *WhatsApp* membuatkan kanak-kanak berasa tertekan kerana proses pembelajaran berjalan tanpa mengikut jadual

masa.

8. Bantuan oleh syarikat tertentu dalam bentuk pemberian telefon bimbit, *iPad* dan sebagainya didapati tidak sampai kepada golongan yang memerlukan secara menyeluruh. Penubuhan TV Didik adalah satu inisiatif yang baik, namun inisiatif ini tidak dapat membantu proses pembelajaran kanak-kanak yang tiada akses kepada elektrik. Kandungan TV Didik juga tidak menyeluruh, iaitu tidak meliputi pembelajaran dari darjah satu hingga tingkatan lima.
9. Data oleh PDRM menunjukkan trend peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak berumur 15 hingga 18 tahun. Sebanyak 872 kes direkodkan dari tahun 2019 hingga Mei 2021, di mana kes didapati banyak melibatkan kanak-kanak perempuan. Majlis Konsultatif Kanak-kanak mendapati, guru dan kaunselor sekolah kurang berperanan dalam membantu mangsa. Walaupun laporan dibuat oleh mangsa, namun tiada tindakan susulan dilakukan, malahan kadangkala menjadi bualan cerita dalam kalangan guru-guru. Sebagai contoh, kes membabitkan Ain Husniza. Oleh itu, terdapat keperluan bagi sekolah untuk menyediakan guru kaunseling yang bertauliah.
10. Ibu bapa yang sedang dalam proses perceraian hendaklah diberi surat secara bertulis sementara menanti tempoh perbicaraan. Kelonggaran haruslah diberikan kepada ibu bapa untuk mendapat hak penjagaan secara bergilir-gilir dengan bekas pasangan dalam tempoh menunggu perbicaraan berakhir.
11. Bantuan juga hendaklah disalurkan kepada wanita tanpa dokumen, imigran dan pelarian untuk menyelesaikan kos melahirkan anak. Hal ini kerana wanita warga asing perlu menanggung kos perkhidmatan bersalin antara RM3000 hingga RM8000.
12. Keperluan untuk menyediakan tempat bermain yang selamat di luar rumah bagi kanak-kanak dan kanak-kanak berkeperluan khas dalam tempoh PKP. Terutamanya bagi kanak-kanak yang tinggal di rumah pangsa dan mempunyai ruang yang terhad.
13. Wanita yang berkahwin dengan pasangan warga luar negara tidak dapat

pulang ke Malaysia untuk melahirkan anak dalam tempoh PKP. Hal ini menyebabkan anak yang dilahirkan kehilangan status kewarganegaraan. Terdapat antara 20 hingga 27 kes kanak-kanak tanpa warganegara dalam rekod SUHAKAM. Oleh itu, SUHAKAM memohon pertimbangan KDN untuk membantu anak-anak ini mendapatkan kewarganegaraan.

Pembentangan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

1. KPWKM dan KKM akan mengadakan kerjasama bagi menyelesaikan isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak, di mana KPWKM akan memberi khidmat berbentuk psikososial.
2. Bagi menangani isu keciciran pembelajaran kanak-kanak, KPWKM telah mengemukakan cadangan kepada KPM untuk mengadakan sesi penerangan secara dalam talian berkaitan implikasi penyalahgunaan perkhidmatan jalur lebar.
3. Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) telah menganjurkan program keibubapaan secara digital kepada ibu bapa untuk mengawal akses kanak-kanak kepada perkhidmatan jalur lebar.
4. KPWKM memperkenalkan program *diversion* sebagai projek perintis untuk menangani kes kanak-kanak yang ditahan di dalam lokap. Melalui projek ini, pihak polis digalakkan memberi amaran kepada kanak-kanak terlebih dahulu. Sekiranya kesalahan berulang oleh kanak-kanak terbabit, KPWKM akan memberi amaran keras dan di peringkat intervensi, KPWKM akan memberi perkhidmatan kaunseling atau mengenakan hukuman melakukan kerja khidmat masyarakat mengikut kesesuaian kesalahan dan agensi yang terbabit.
5. Kanak-kanak yang berada di bawah tahanan imigresen akan dibawa keluar agar mereka dapat membesar dalam persekitaran yang lebih baik. KPWKM juga memperkenalkan projek perintis berasaskan keluarga untuk membolehkan kanak-kanak di bawah tahanan imigresen dibesarkan oleh saudara terdekat atau keluarga angkat.

Pembentangan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

1. KPM telah membentuk sistem perkhidmatan sokongan psikososial terhadap murid-murid secara individu atau berkelompok. Perkhidmatan secara dalam talian ini telah memberi manfaat kepada seramai 106,218 pelajar sejak diperkenalkan pada bulan Jun 2021. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini melibatkan sejumlah 10,200 buah sekolah, di mana sebanyak 174,586 sesi telah dilaksanakan.
2. Sesi konsultasi oleh guru kaunseling dijalankan dalam dua keadaan. Pertama, kaunselor bertauliah hanya ditempatkan di sekolah menengah, dan kedua sekolah rendah diuruskan oleh guru bimbingan dan kaunseling. Rekod oleh KPM mendapati, guru kaunseling dan bimbingan telah mengadakan beberapa sesi kaunseling yang melibatkan sebanyak 14,831 pelajar. Di samping itu, guru kaunseling dan bimbingan turut melakukan saringan profil minda sihat dan memperkenalkan modul minda sihat kepada pelajar.
3. KPM turut menganjurkan program keibubapaan secara webinar dengan Kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Sebanyak 77 aktiviti dijalankan, yang memberi manfaat kepada 38,691 ibu bapa.
4. Selain menjalankan proses pembelajaran secara Dalam Talian, KPM juga mengambil inisiatif untuk menghantar maklumat pembelajaran melalui e-mel ibu bapa, menyediakan kiosk tertentu di sekolah dan ibu bapa boleh membawa *pendrive* untuk mengakses maklumat pembelajaran tersebut. Malahan, terdapat juga sekolah yang menyediakan bahan pembelajaran secara bercetak untuk diambil oleh ibu bapa. Bagi kanak-kanak orang asal, bantuan pembelajaran secara Luar Talian disediakan di Dewan yang berhampiran dengan penempatan mereka.
5. Tahap satu pelaksanaan PdPR (20 Januari hingga 28 Februari 2021) melibatkan tiga jenis sekolah, iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan kolej vokasional. Kehadiran pelajar dalam tempoh ini adalah sangat tinggi (87.13 peratus). Kehadiran pada tahap kedua (16 Mei hingga 28 Mei 2021) pula ialah sebanyak 92.06 peratus dan tahap ketiga (13 Jun hingga 20 Jun

2021) ialah 95.47 peratus. Jumlah pelajar yang tidak dapat hadir ialah sebanyak 4.53 peratus (125,457 pelajar).

6. Penglibatan pelajar secara PdPR di peringkat sekolah menengah adalah sedikit. Dalam tempoh tahap satu PdPR, kehadiran adalah sebanyak 77.96 peratus, tempoh kedua pula ialah sebanyak 83.05 peratus, dan tahap ketiga ialah 90.99 peratus. Ketidakhadiran pelajar sehingga bulan Jun 2021 ialah sebanyak 9.01 peratus. Bagi pelajar kolej vokasional, jumlah pelajar yang tidak hadir adalah kecil, iaitu sebanyak 3.53 peratus sahaja.
7. Jumlah pelajar tahun dua yang keciciran pelajaran ialah sebanyak 11.08 peratus, tahun tiga (8.29 peratus), tahun empat (3.30 peratus), tahun lima (1.59 peratus) dan tahun enam sebanyak 0.79 peratus. Jumlah keseluruhan pelajar yang keciciran pembelajaran ialah seramai 113,000 pelajar. Sehubungan dengan itu, KPM menyasarkan untuk menyediakan program pemulihan kepada 113,667 murid.
8. KPM telah membangunkan platform *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa), video-video dan modul pembelajaran oleh guru-guru. Bagi membantu guru-guru yang tertekan dengan norma baharu pembelajaran, sebanyak 90.7 peratus khidmat sokongan dalam bentuk kaunseling, dan khidmat nasihat berkaitan PdPR telah diberikan pada tahun 2020 yang memanfaatkan sejumlah 408,148 guru.
9. Trend menunjukkan peningkatan jumlah guru-guru yang bersara pilihan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Guru-guru yang bersara apabila mencecah usia 60 tahun pada tahun 2021 ialah lebih kurang 4200 hingga 4300 orang. Pada tahun 2019 jumlah guru yang bersara pilihan ialah sebanyak 4600 orang berbanding 4300 orang pada tahun 2020.
10. Berdasarkan kajian terhadap negara-negara luar seperti New Zealand, Australia dan Korea, KPM mendapati penutupan sekolah dilakukan secara menyeluruh untuk mengawal berlakunya gelombang COVID-19 yang lebih besar.

Cadangan Jawatankuasa

1. Cadangan agar mengguna pakai amalan negara maju menyantuni kanak-kanak. Umpamanya, kes penderaan kanak-kanak jarang dilaporkan di negara Arab.
2. Memohon KPM mengemukakan data berkaitan jumlah guru yang mengalami tekanan perasaan dalam tempoh PKP. Selain itu, Ahli Parlimen Pasir Puteh juga membangkitkan isu berkaitan kanak-kanak yang keciciran daripada alam persekolahan dan sejauh mana SUHAKAM dan kerangka perundangan sedia ada membela kanak-kanak dalam kategori ini. Beliau juga mencadangkan agar kategori kumpulan sasar diasingkan antara kanak-kanak dan remaja, di mana remaja dicadang diletakkan dalam kategori umur 13 hingga 18 tahun.
3. Keperluan untuk mengubah nombor Talian Kasih menggunakan jumlah digit yang lebih sedikit dan mudah untuk diingat oleh kanak-kanak.
4. Ahli Parlimen Kuantan membangkitkan isu insiden bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak dan akses kanak-kanak kepada guru kaunselor dalam tempoh PKP. Ahli Parlimen Kuantan juga membangkitkan isu berkaitan dasar yang diambil KPM dalam menentukan penutupan sekolah, sama ada KPM boleh mengambil pendekatan untuk menutup sekolah yang berada dalam zon merah sahaja dan membenarkan pelajar untuk terus tinggal di asrama walaupun sekolah ditutup.
5. Kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang kerana mengingkari PKP seharusnya tidak didakwa, memadai dengan membuat perjanjian dengan ibu bapa untuk memberi lebih perhatian terhadap anak-anak. Kanak-kanak yang ditahan reman hendaklah dibebaskan dengan jaminan kerana perbicaraan terpaksa ditunda dalam tempoh PKP dan masih berlaku kekasaran terhadap kanak-kanak oleh pihak PDRM sewaktu melakukan soal siasat. Hal yang sama juga melibatkan kanak-kanak yang ditahan di bawah undang-undang imigresen.
6. Keperluan untuk mengenal pasti wanita yang menjadi ketua keluarga dan digantung tidak bertali dalam proses perceraian. Bantuan kerajaan hendaklah disampaikan kepada wanita yang menjadi ketua keluarga agar mereka dapat melunaskan keperluan seharian seperti sewa rumah, bayaran pembelajaran anak-anak dan perbelanjaan harian.

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 2/2021

Pembentangan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

1. Timbalan Menteri KPWKM menyifatkan Jawatankuasa ini sebagai platform untuk bersama-sama cakna, meneliti dan membincangkan isu berkaitan hal ehwal wanita dan kanak-kanak secara profesional dan terperinci. Perkara yang diberi perhatian utama meliputi aspek perlindungan, pemeliharaan dan keselamatan wanita, kanak-kanak, keluarga serta akses kumpulan sasar kepada perkhidmatan yang disediakan oleh KPWKM.
2. KPWKM telah memohon pertambahan seramai 1,122 Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak untuk dilantik secara kontrak daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memastikan pengurusan kes berkaitan penderaan kanak-kanak dapat ditangani secara berkesan. Pada masa ini JPA hanya meluluskan seramai 224 Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak sahaja. KPWKM memerlukan seramai seribu lagi Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak.
3. Pada masa ini KPWKM mempunyai 299 Pembantu Pelindung yang menyantuni masyarakat untuk membantu kanak-kanak. Namun demikian, jumlah ini adalah tidak mencukupi dan terdapat keperluan untuk menambah jumlah Pembantu Pelindung sedia ada, namun dasar yang diguna pakai JPA pada masa ini adalah untuk tidak menambah jumlah perjawatan.
4. Talian Kasih sememangnya beroperasi selama 24 jam, dan masyarakat juga boleh memohon bantuan menggunakan aplikasi *WhatsApp* Talian Kasih.
5. Pelantikan pasukan pelindung kanak-kanak dan penubuhan pusat aktiviti kanak-kanak telah diwujudkan oleh KPWKM bertujuan menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak. Penubuhan pusat ini juga bertujuan memastikan keselamatan kanak-kanak adalah terjamin.
6. KPWKM telah mengadakan satu Mesyuarat Tindakan Bersepadu Pengurusan Isu-isu Sosial Kanak-kanak di Media Sosial yang dipengerusikan oleh Menteri KPWKM pada 15 Jun 2021 untuk merangka inisiatif dan pelan tindakan bagi membendung isu ini. Hadir bersama ialah wakil PDRM dan juga Kementerian

Komunikasi dan Multimedia.

7. Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak yang juga dipengerusikan oleh Menteri KPWKM juga mengambil kira isu perlindungan terhadap kanak-kanak daripada penderaan secara Dalam Talian.
8. JKM komited memastikan kanak-kanak yang berada di institusi perlindungan di bawah JKM mendapati akses kepada proses pembelajaran secara berterusan. Ruang kemudahan berkomputer dan dipantau oleh pembantu JKM bertanggungjawab disediakan di setiap institusi. Sehingga Disember 2020, seramai 745 kanak-kanak mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Program ini dijalankan mengikut kurikulum kebangsaan dan dibiayai serta dikendalikan di luar system.
9. Satu projek perintis yang dinamakan sebagai projek *diversion* telah diperkenalkan KPWKM untuk menangani isu berkaitan kanak-kanak yang berada dalam konflik undang-undang. Inisiatif ini membolehkan kanak-kanak yang terlibat dengan kes jenayah tidak dibawa ke mahkamah, tetapi terus sampai kepada pendakwa melalui PDRM. Projek perintis ini telah dilaksanakan di daerah Sepang, Seremban dan Port Dickson.

Pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

1. Data berkaitan insiden bunuh diri yang diperolehi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih bergantung kepada maklumat yang disalurkan oleh PDRM. KKM tidak mempunyai data yang spesifik berkaitan insiden bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak berusia antara kosong hingga 15 tahun.
2. Statistik bagi insiden bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak berumur antara 15 hingga 18 tahun pada tahun 2019 ialah sebanyak tiga peratus berbanding dengan enam peratus pada tahun 2020. KKM merekodkan sebanyak 631 kes bunuh diri pada tahun 2020 berbanding dengan 609 kes pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak dua peratus. Namun demikian, KKM mendapati insiden bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak berlaku sebelum penularan pandemik COVID-19 lagi.

3. KKM juga merekodkan sebanyak 312 kes bunuh diri dalam kategori umur kosong hingga 19 tahun pada tahun 2019, sejumlah 247 kes pada tahun 2020, dan sebanyak 45 kes direkodkan dari Januari hingga Mac 2021 sahaja.
4. Pada tahun 2007, *National Suicide Registry* mendapati 30 peratus daripada punca insiden bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak adalah disebabkan oleh faktor penyalahgunaan dadah dan penderaan.
5. Menurut rekod PDRM, lebih kurang 58 peratus daripada insiden bunuh diri yang berlaku adalah melibatkan kategori umur antara 15 hingga 49 tahun dan ada juga yang melibatkan warga asing.

Pembentangan oleh Polis Diraja Malaysia

1. PDRM merekodkan sebanyak 548 kes bunuh diri pada tahun 2018 dengan pecahan jantina perempuan merangkumi 18 peratus dan lelaki lebih kurang 81 peratus. Jumlah kanak-kanak yang terlibat dengan kes juvana ialah lebih kurang 4.2 peratus (23 kes) dengan pecahan mengikut jantina perempuan sebanyak 26 peratus manakala lelaki ialah 74 peratus.
2. Bagi tahun 2019, jumlah kes bunuh diri adalah sebanyak 609 kes, iaitu melibatkan lebih kurang 15 peratus kanak-kanak perempuan dan lelaki lebih kurang 85 peratus. Jumlah kes juvana pula ialah 18 kes (lebih kurang tiga peratus).
3. Bagi tahun 2020, jumlah kes bunuh diri adalah sebanyak 631 kes, dengan pecahan jantina perempuan sebanyak lebih kurang 18 peratus dan lelaki 82 peratus. Jumlah kes juvana pula ialah 37 kes (6 peratus) yang melibatkan 12 kes (32 peratus) oleh kanak-kanak perempuan dan lelaki lebih kurang 68 peratus (25 kes).

Perkara lain yang dibincang dan dibangkitkan oleh Ahli Jawatankuasa

1. Ahli Parlimen Kemaman membangkitkan isu berkaitan permohonan Pelindung dan Pegawai Akhlak oleh KPWKM dan sejak bila permohonan ini dibuat.

2. SUHAKAM mempersoalkan status lesen pusat jagaan kanak-kanak OKU yang didera dan berpendapat bahawa tugas sebagai Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak memerlukan seseorang yang benar-benar terlatih dalam bidang berkaitan. SUHAKAM juga mencadangkan agar Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak diberi kuasa yang lebih luas melalui pindaan ke atas Akta Kanak-kanak.
3. KPWKM menyatakan, kanak-kanak OKU yang didera telah mendapat pembelaan sewajarnya dan pusat jagaan tersebut telah ditutup. Pasukan Pelindung dan Pembantu Pelindung yang dipilih secara lantikan kontrak akan diberi Latihan yang bersesuaian mengikut modul yang disediakan KPWKM.
4. KPM telah memberi kebenaran kepada kanak-kanak tanpa dokumen untuk hadir ke sekolah dan mengikuti proses pembelajaran. Namun demikian, pada masa yang sama, penjaga kanak-kanak haruslah berusaha untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri pelajar tersebut. Bagi kanak-kanak pelarian, KPM menyerahkan kepada pihak pengurusan mana-mana institusi yang bertanggungjawab ke atas kanak-kanak itu.
5. Ahli Parlimen Kuantan menyatakan kebimbangan berkaitan wujudnya kes bunuh dalam kalangan kanak-kanak berumur antara 0 hingga 19 tahun dan mahukan data serta punca insiden ini berlaku dalam kalangan kanak-kanak dikenal pasti.
6. Ahli Parlimen Lanang membangkitkan sama ada KKM ada membuat tindakan susulan seperti khidmat nasihat kaunseling ke atas mangsa atau ibu bapa mangsa yang terlibat dengan insiden cubaan bunuh diri. KKM memaklumkan tiada tindakan susulan dibuat dan memberi contoh praktis yang diamalkan oleh Australia, di mana *Australian Institute of Suicide Research and Prevention (AIRSRAP)* akan membuat tindakan susulan selepas tiga hingga enam bulan insiden tersebut direkodkan.
7. Di peringkat sekolah, KPM melaporkan bahawa kaunselor, guru bimbingan dan kaunseling serta kaunselor PPD akan menyantuni pelajar berkenaan untuk memberi khidmat kaunseling.
8. KPWKM menyediakan Skwad WAJA yang akan bergerak dalam komuniti untuk menyalurkan bantuan psikososial khususnya kepada wanita. Skwad ini diberi latihan asas sebagai pembimbing dan dibantu oleh kaunselor bertauliah yang

disediakan oleh LPPKN, JKM dan KKM.

9. SUHAKAM mencadangkan agar perkongsian data berkaitan insiden bunuh diri dibuat secara merentas kementerian dan agensi yang melibatkan PDRM, KKM, dan KPWKM agar koordinasi dapat dibuat dengan lebih berkesan.
10. Ahli Parlimen Kuantan membangkitkan berkaitan bagaimana Talian Kasih berfungsi. KPWKM menjelaskan seperti yang berikut:
 - i. Aduan akan disalurkan kepada bahagian kaunseling dan pihak berkenaan di JKM untuk melakukan tindakan lanjut.
 - ii. Aduan oleh kanak-kanak akan dikendalikan oleh kumpulan pakar yang mahir dalam menangani isu kanak-kanak.
 - iii. Adalah sukar untuk memperkenalkan nombor Talian Kasih yang lain memandangkan nombor sedia ada juga disalah guna oleh sesetengah pihak.

Cadangan Jawatankuasa

1. Terdapat keperluan menyediakan buku atau bahan pembelajaran secara fizikal bagi membantu kanak-kanak yang keciciran pembelajaran akibat tiada akses kepada perkhidmatan jalur lebar. Langkah-langkah khusus juga perlu dibangunkan untuk membantu kanak-kanak yang bakal menduduki peperiksaan dan tinggal di zon merah.
2. Bagi menangani masalah kanak-kanak pelarian, tanpa dokumen dan dalam tahanan imigresen, KPWKM mencadangkan isu ini diberi perhatian utama oleh KDN, KPM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Hal ini kerana, walau apa pun status kanak-kanak tersebut, Malaysia mempunyai reservasi terhadap Artikel 28 dalam Convention on the Rights of the Child (CRC) yang menyebut, "States Parties recognize the rights of the child to education, and with a view to achieving this right progressively and on the basis of equal opportunity, they shall in particular: (a) make primary education compulsory and available free to all".
3. Jawatankuasa mencadangkan agar KPWKM mengemukakan secara bertulis berkaitan keperluan untuk menambah jumlah Pegawai Pelindung dan

Pegawai Akhlak dan bagaimana pertambahan ini boleh membantu KPWKM menangani masalah penderaan kanak-kanak secara lebih berkesan.

4. Jawatankuasa mencadangkan agar tugas sebagai Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak diperuntukkan dalam Akta Kanak-kanak oleh kerana bukan semua individu boleh melakukan tugas ini. Jawatankuasa juga mencadangkan agar KPWKM membuat pembahagian tugas antara Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak mengikut jumlah kes yang direkodkan oleh sesebuah agensi.
5. KPM mencadangkan agar maklumat berkaitan kanak-kanak keciciran pembelajaran dan tidak mendapat akses kepada perkhidmatan jalur lebar disampaikan kepada kementerian. Oleh itu, Kementerian melalui JPN dan PPD akan dapat menggerakkan mekanisme yang bersesuaian untuk membantu kanak-kanak dalam kategori ini.
6. SUHAKAM memohon pertimbangan KPM untuk membenarkan kanak-kanak Rohingya mendapat akses kepada pembelajaran di sekolah awam serta diberi peluang untuk menduduki peperiksaan awam memandangkan perkara ini telah dilaksanakan di peringkat ASEAN yang melibatkan negara seperti Thailand dan Indonesia.
7. Jawatankuasa mencadangkan untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman berkaitan status Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak pada masa ini.
8. Berdasarkan pelbagai isu yang dibangkitkan, Jawatankuasa mendapati terdapat keperluan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak.
9. Jawatankuasa mencadangkan supaya membentuk satu Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk menangani isu membabitkan kanak-kanak. Umpamanya kes bunuh diri yang diterima KKM harus diserahkan kepada KPWKM untuk mendapat tindakan selanjutnya oleh pihak kaunselor atau Pegawai Psikologi. KKM mencadangkan untuk mendapatkan kelulusan PDRM untuk mendekati ahli keluarga yang terlibat.

10. Jawatankuasa mencadangkan untuk mengeluarkan kenyataan media yang menyatakan perkara yang berikut:
- i. Memberi kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing, serta membatalkan tafsiran awal yang menetapkan kewarganegaraan kanak-kanak yang diberikan berasaskan status bapa warganegara Malaysia sahaja. Hal ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memberi pemeliharaan dan perlindungan hak golongan lelaki dan wanita serta kanak-kanak. Hasrat ini akan menyemarakkan lagi semangat Keluarga Malaysia selari dengan polisi kerajaan "*no one is left behind*".
 - ii. Memohon perhatian daripada Kerajaan bagi meneliti semula peruntukan yang sewajarnya dalam usaha penambahan perjawatan dan pengoperasian Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (D11). Hal ini termasuklah penambahan perjawatan dan pengoperasian D11 di negeri-negeri dan daerah bagi mengendalikan kes berkaitan jenayah seksual dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Selain itu juga, Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak wajar diperluas ke setiap negeri dalam memastikan usaha yang berimpak tinggi dan memberi kesan yang ketara.
 - iii. Pesuruhjaya Kanak-kanak dari segi fungsi dan peranannya kini berada di bawah SUHAKAM. Bagi memastikan pembelaan terhadap kanak-kanak yang berfokus, komprehensif dan efisien satu Akta Suruhanjaya Kanak-kanak perlu diwujudkan. Suruhanjaya ini akan menjadi satu badan yang bebas dan tidak tertakluk di bawah mana-mana Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan yang lain serta memiliki bidang kuasa khusus bagi melindungi hak dan kebajikan kanak-kanak di Malaysia.

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 3/2021

Pembentangan oleh SUHAKAM berkaitan penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak (Lampiran A)

1. KPWKM memutuskan untuk melantik seorang pesuruhjaya khas yang akan menjadi Pesuruhjaya Kanak-kanak yang ditempatkan secara sementara di bawah SUHAKAM dan akan menjalankan kuasa seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta SUHAKAM. Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak telah dibuka pada 1 September 2019 dan diumumkan secara rasmi pada 23 Ogos walaupun surat pelantikan bertarikh April 2019.
2. Peruntukan pertama oleh KPWKM disalurkan sebanyak RM500,000 pada 2019 dan yang kedua juga pada jumlah yang sama. Pada tahun 2021, tiada peruntukan disalurkan dan terpaksa memohon melalui BHEUU. Terdapat empat kakitangan, iaitu tiga pegawai dan seorang pembantu tadbir. Pejabat Pesuruhjaya menjalankan tugas memantau dan mempromosi hak bagi 9.3 juta kanak-kanak di Malaysia. Pemantauan di buat oleh tiga unit yang berikut:
 - i. Unit Aduan dan Pemantauan;
 - ii. Unit Advokasi dan Pendidikan; dan
 - iii. Unit Dasar
3. Jika dilihat kepada amalan negara lain, Suruhanjaya Nasional untuk Melindungi Hak Kanak-kanak di India ditubuhkan pada 2007. Suruhanjaya ini juga diletakkan di bawah Kementerian Wanita dan mempunyai kuasa seperti menyemak, mengkaji bentuk perlindungan yang diperuntukkan, membuat siasatan, membuat laporan dan memantau situasi. Bersesuaian dengan konteks SUHAKAM, satu laporan telah dibentangkan di Parlimen pada tahun 2019 untuk dibahaskan.
4. Di Indonesia, Suruhanjaya Perlindungan Kanak-kanak dianggotai dan dibuat di bawah Perkara 74 Undang-undang Republik Indonesia (No. 23/2002). Ahli Jawatankuasa adalah terdiri daripada wakil kerajaan dan pemimpin agama. Keanggotaan dilantik dan dilucutkan oleh Presiden. Suruhanjaya ini diberi mandat untuk memasyarakatkan keseluruhan peruntukan undang-undang

yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak, mengumpul data dan maklumat, menerima aduan, menganalisis, memantau, menilai, dan menyelia pelaksanaan perlindungan kanak-kanak dan menyerahkan laporan, cadangan input untuk pertimbangan Presiden.

5. Di United Kingdom, Pesuruhjaya Kanak-kanak England ditubuhkan di bawah Akta Kanak-kanak 2004, Akta Kanak-kanak dan Keluarga 2014 bertujuan memperkukuh kedudukan Pesuruhjaya tersebut yang dilantik oleh Menteri/Setiausaha Negara bagi tempoh tidak melebihi enam tahun. Pesuruhjaya dibantu oleh sekumpulan kakitangan yang berfungsi sebagai Penasihat Jawatankuasa Audit atau Risiko Kumpulan Kanak-kanak Pihak Berkepentingan dan Kumpulan Pakar.
6. Pesuruhjaya ini diberi mandat untuk memahami apa yang difikirkan oleh kanak-kanak dan golongan muda, menggesa pembuat dasar mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak, dan mempunyai kemampuan unik untuk mengumpul data.
7. Di Belgium, Suruhanjaya Nasional Hak Kanak-kanak (NCRC) ditubuhkan pada tahun 2005. NCRC memberi nasihat secara bebas serta melibatkan peranan ahli masyarakat dan profesional. Terdapat dua badan yang ditubuhkan di bawah Suruhanjaya ini, iaitu badan antara kerajaan yang dianggotai oleh anggota yang ada hak mengundi dan badan penasihat yang terdiri daripada anggota dengan hak perundingan dan autonomi.
8. Suruhanjaya ini mempunyai peranan berganda dalam pelaksanaan CRC iaitu memberi bantuan dan penyediaan laporan lima tahun CRC yang wajib dihantar oleh negara, dan bertanggungjawab mewakili negara dalam pembentangan laporan dalam Jawatankuasa CRC.
9. Di New Zealand, Pesuruhjaya Kanak-kanak New Zealand ditubuhkan di bawah akta spesifik – Akta Pesuruhjaya Kanak-kanak 2003, iaitu untuk memantau, menilai dan melaporkan perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak dalam jagaan. Pesuruhjaya yang dilantik untuk tempoh lima tahun diberi mandat mengikut akta yang berikut:
 - i. Akta Pesuruhjaya Kanak-kanak 2003;

- ii. Akta Jenayah Penyeksaan 1989;
 - iii. Peraturan Kanak-kanak, Orang Muda dan Keluarga (Penjaga Kediaman) 1989; dan
 - iv. *Human Assisted Reproductive Technology Act 2004.*
10. Dalam konteks negara ini, penubuhan Pesuruhjaya Kanak-kanak dibuat mengikut model yang dipraktikkan Australia. Namun demikian, terdapat kekangan dari segi kewangan untuk memperluas dan menjayakan aktiviti yang dirancang. Kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya Kanak-kanak hendaklah meliputi pelbagai aspek berkaitan kanak-kanak supaya tidak wujud isu diskriminasi terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah.
 11. Limitasi juga wujud dari segi mendapatkan maklum balas daripada kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Pesuruhjaya Kanak-kanak. Oleh itu, adalah penting untuk menubuhkan Majlis Tindakan yang dianggotai oleh tenaga pakar untuk menangani isu berkaitan kanak-kanak.

Pembentangan oleh Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PPMPM) berkaitan status perluasan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak ke Seluruh Malaysia (Lampiran B)

1. Malaysia mengamalkan sistem perundangan bersifat adversarial, yang memerlukan kanak-kanak untuk hadir di mahkamah bagi membolehkan pihak pendakwa membuktikan kes terhadap pesalah atau Orang Kena Tuduh (OKT). Oleh itu, sememangnya terdapat keperluan untuk menubuhkan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak (JSKK) yang bersifat mesra kanak-kanak.
2. Mahkamah JSKK yang pertama telah ditubuhkan di Putrajaya pada 22 Jun 2017 dan telah mengendalikan sebanyak 57 kes, sehingga kini masih terdapat sebanyak 234 kes yang masih aktif.
3. Mahkamah JSKK yang kedua telah diperluaskan ke Borneo, iaitu Kompleks Mahkamah Kucing mula beroperasi pada 18 April 2018. Mahkamah ini telah mengendalikan sebanyak 76 kes jenayah seksual dan terdapat sebanyak 164 kes yang masih aktif.

4. Hakim Mahkamah Sesyen yang berpengalaman dengan gred jawatan Jusa C diamanahkan untuk mengendalikan Mahkamah JSKK dan hendaklah ditubuhkan di seluruh negara mengikut tiga fasa bersama dengan perjawatan. Fasa pertama melibatkan pembinaan tiga buah Mahkamah JSKK dengan kos sebanyak RM1.9 juta. Bagi merealisasikan penubuhan Mahkamah JSKK di seluruh negara, badan kehakiman bersetuju supaya PPMPM menggunakan perjawatan sedia ada.
5. Sekiranya perjawatan tambahan diperolehi selaras dengan penubuhan dan perluasan Mahkamah JSKK di seluruh negara, pengendalian kes di bawah bidang kuasa Mahkamah JSKK akan dapat mencapai objektifnya mengikut target atau timeline yang ditetapkan untuk kes-kes tersebut, iaitu kes dapat diselesaikan dalam tempoh satu tahun dari tarikh didaftarkan. Adalah sangat penting agar kes dapat diselesaikan dengan cepat untuk memulihkan kesan trauma dan gangguan mental fizikal kanak-kanak tersebut.
6. Mahkamah JSKK juga dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan terkini seperti court recording dan transcription, kemudahan video link yang memberikan akses untuk menghubungkan prosiding di bilik bicara mahkamah dengan bilik khas kanak-kanak bagi membolehkan keterangan saksi kanak-kanak ini dibuat dari bilik khas tersebut dan dapat diakses oleh hakim pendakwa raya dan peguam dari mahkamah terbuka secara langsung. Dengan adanya kemudahan ini, proses keterangan mangsa kanak-kanak semasa perbicaraan direkodkan secara teleconference, dan kanak-kanak tidak perlu bersemuka dengan tertuduh semasa perbicaraan.
7. Bagi tujuan ini, mangsa kanak-kanak juga boleh disoal melalui perantara atau fasilitator yang dilantik oleh mahkamah selaras dengan peruntukan dalam Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, yang mengehendaki supaya diwujudkan pengadang antara kanak-kanak dan OKT. Bagi mewujudkan suasana mahkamah mesra kanak-kanak, bilik menunggu saksi kanak-kanak telah disediakan di mana bilik tersebut turut dilengkapi dengan perabot, TV, komputer dan perpustakaan mini, dan juga permainan kanak-kanak.
8. Infrastruktur sokongan di bilik khas ini akan dapat mengurangkan rasa takut, tekanan, trauma, dan gelisah saksi kanak-kanak semasa proses memberikan

keterangan dan seterusnya membantu mempercepatkan pengadilan kes dibuat. Antara hal penting yang turut diberi perhatian oleh mahkamah dalam perbicaraan kes Mahkamah JSKK ini adalah sekatan ke atas laporan dan penyiaran media berkenaan kes tersebut. Perbicaraan telah diadakan secara tertutup selaras dengan Seksyen 15, Akta Kanak-kanak 2001 yang melarang sebarang publisiti dan penyiaran media terhadap identiti kanak-kanak.

9. Berhubung dengan status peluasan Mahkamah JSKK, PPMPM telah menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian dan menyediakan bilik saksi kanak-kanak dan bilik khas menunggu saksi kanak-kanak di semua negeri. Peralatan ICT serta kelengkapan *court recording* dan juga transkripsi, *voice to text*, dan juga sistem audio visual telah lengkap dipasang dan sedia untuk digunakan di lokasi tersebut. Asas pemilihan lokasi untuk keluasan ini adalah berdasarkan kepada jumlah kesalahan yang berlaku di sesuatu lokasi melalui pendaftaran kesalahan.
10. Jarak perjalanan untuk saksi hadir ke mahkamah juga diambil kira. Perluasan lokasi Mahkamah JSKK (13 lokasi) dibuat menggunakan bajet mengurus. Saiz mahkamah adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat mengikut kesesuaian. PKPMP selaku pejabat yang bertanggungjawab menyokong badan kehakiman telah melaksanakanlah peluasan Mahkamah JSKK ini di semua 13 negeri di seluruh Malaysia.
11. Pada masa ini PPMPM hanya mempunyai seorang Hakim gred Jusa C di Putrajaya, mengakibatkan kes juga terpaksa dikendalikan oleh Hakim gred 54. Mahkamah JSKK baru sahaja ditubuhkan di Klang, selain mengendalikan kes jenayah seksual kanak-kanak, Hakim di mahkamah ini juga terpaksa mengendalikan kes-kes jenayah yang lain.
12. Tiada perlantikan Hakim khusus yang berkepakaran dalam mengendalikan kes-kes berkaitan jenayah seksual. Kebanyakan Hakim tidak mendapat latihan yang sewajarnya untuk mengendalikan kes jenayah seksual. Pengadilan dibuat berdasarkan pengalaman dalam mengendalikan kes-kes jenayah dari semasa ke semasa.
13. Statistik kes jenayah seksual kanak-kanak di seluruh Malaysia yang masih aktif diperincikan dalam jadual yang berikut:

Statistik Kes Jenayah Seksual Kanak-kanak Seluruh Malaysia		
Bil.	Negeri	Kes Aktif Sehingga 31 Ogos 2021
1.	Johor	264
2.	Kedah	60
3.	Kelantan	102
4.	Melaka	116
5.	Negeri Sembilan	112
6.	Pahang	130
7.	Pulau Pinang	75
8.	Perak	266
9.	Perlis	36
10.	Selangor	363
11.	Terengganu	127
12.	Sabah	113
13.	Sarawak	164
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	0
15.	Putrajaya	234
Jumlah		2,162

Pelaporan tindakan di bawah Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (Lampiran C, D, E)

1. JMKRT ditubuhkan pada tahun 2019. Punca kuasa dan perundangan adalah melalui; 1) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], dan 2) Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga Tahun 2015.
2. JMKRT terdiri daripada 20 orang ahli yang mewakili 14 agensi kerajaan dan kerajaan negeri. Terdapat empat NGO yang dilantik sebagai ahli tetap. Fungsi utama JKRT ialah untuk mengenal pasti isu dan masalah serta membincangkan kaedah penyelesaian.
3. Mesyuarat dibuat sebanyak dua kali setahun, antaranya bersama Majlis Sosial Negara untuk membincangkan berkaitan dasar KPWKM dan KDN sekiranya ada isu-isu berbangkit yang boleh diselesaikan.
4. Sejak ditubuhkan, JMKRT melaksanakan 10 perkara yang berikut.
 - i. Menyelaras prosedur perintah perlindungan, advokasi dan bantuan perlindungan (prosedur permohonan IPO dan PO di Mahkamah melalui

Case Management System (CMS))

- ii. Memasukkan komponen keganasan rumah tangga dalam Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2021 KKM
 - iii. Meperluas pelaksanaan program pembangunan kapasiti (program kemahiran seperti Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak).
 - iv. Mengadakan Kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri (sesi libat urus di tiga negeri, iaitu Kelantan, Kedah dan Sarawak agar isu berkaitan keganasan rumah tangga dibincangkan dalam platform sedia ada/baharu).
 - v. Mempergiat hebahan berkaitan bantuan/perkhidmatan menggunakan 'banner' JMKRT (video pemahaman Perintah Perlindungan Kecemasan).
 - vi. Memastikan pengoperasian Tempat Selamat bagi menampung keperluan penempatan mangsa.
 - vii. Mendapatkan analisis penerimaan masyarakat terhadap mesej yang disampaikan (nilai tambah kepada pelaporan status hebahan) – kebanyakan respon positif menerusi media sosial dan mendapatkan maklumat.
 - viii. Menyelaras pelaporan data panggilan dan aduan dari agensi dan NGO (Talian Kasih 15999, PDRM, JKM dan NGO).
 - ix. Memperluas promosi perkhidmatan sedia ada (Talian Kasih 15999, PDRM, JKM, WAO dan AWAM).
 - x. Meningkatkan program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti (Skuad WAJA, Legal Clinic, De Stress Clinic dan Talian Khas Kaunseling).
5. Tindakan utama dalam tempoh penularan COVID-19 adalah seperti yang berikut:
- i. Mendapatkan perintah perlindungan (akses penuh mangsa kepada permohonan EPO, IPO dan PO).
 - ii. Memberi bantuan perlindungan (pengoperasian Tempat Selamat, Rumah Perlindungan Wanita, pengecualian bayaran saringan COVID-19, Masjid sebagai Pusat Transit Sementara).
 - iii. Memperluaskan hebahan dan promosi berkaitan bantuan dan

- perkhidmatan sedia ada melalui Sistem Pesanan Ringkas MKN, sesi libat urus bersama syarikat telekomunikasi, infografik berkaitan hak kumpulan yang dilindungi dan tindakan yang boleh diambil).
- iv. Mengadakan program pengupayaan diri dan khidmat nasihat kepada mangsa (bidang keusahawanan, Program Penjana Pendapatan Wanita/Kerjaya MEDAC).
 - v. Mendapatkan permit PDRM untuk memudahkan pergerakan mangsa semasa sekatan jalan raya, mengemukakan surat sokongan terhadap cadangan WAO dan NGO untuk memudahkan pengendalian kes keganasan rumah tangga.
 - vi. Menyediakan khidmat kaunseling melalui Talian Kasih 15999, Talian Sokongan Psikososial Kebangsaan COVID-19, memperluaskan program Legal Clinic, De Stress Clinic, Skwad WAJA dan khidmat kaunseling.
 - vii. Bantuan kewangan kepada mangsa melalui Tabung Bantuan Segera, Bantuan Kanak-kanak dan Bantuan Bakul Prihatin.
6. Cabaran yang dihadapi JMKRT adalah seperti yang berikut:
- i. Pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif tanpa mengoptimumkan sumber sedia ada.
 - ii. Kesukaran dalam pelaporan data secara meyeluruh.
 - iii. Penumpuan kepada kepelbagaian program berbentuk bantuan.
 - iv. Tahap akses dan kebolehcapaian penuh kepada bantuan dan perkhidmatan.
7. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menubuhkan tiga jawatankuasa kerja:
- i. Jawatankuasa Advokasi dan Pembangunan Kapasiti;
 - ii. Jawatankuasa Perlindungan, dan
 - iii. Jawatankuasa Kerja Data.

Cadangan Jawatankuasa

1. Penubuhan sebuah Suruhanjaya, badan atau ombudsman yang bebas bagi menguruskan isu berkaitan kanak-kanak adalah satu keperluan kerana bidang kuasa Pesuruhjaya kanak-kanak yang terletak di bawah SUHAKAM pada masa ini adalah terhad.

2. Pesuruhjaya Kanak-kanak hendaklah mempunyai fungsi rentas sempadan terutamanya dalam kes-kes penculikan, pemerdagangan dan kewarganegaraan.
3. Jawatankuasa mencadangkan untuk bekerjasama dengan universiti tempatan bagi melakukan kajian terperinci berkaitan keperluan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak.
4. Jawatankuasa mencadangkan untuk membenarkan mana-mana ahli yang berminat untuk menyertai JMKRT.
5. Keperluan penambahan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak di negeri-negeri yang merekodkan jumlah kes yang tinggi.
6. Mendapatkan lebih banyak peluang latihan dan kursus dalam dan luar negara berkaitan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak untuk memberi pendedahan dan perkongsian ilmu/pengetahuan.
7. Mendapatkan kerjasama pelbagai agensi untuk mempercepat penyelesaian kes seperti kehadiran pendamping dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, penyediaan pelbagai laporan dengan lebih cepat dan berkesan.
8. Menjemput NGO dan pemegang taruh untuk memberi maklum balas kepada cadangan yang dikemukakan dalam mesyuarat ini.

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA,
KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 4/2021**

Perbincangan Cadangan Penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak dan Status Perluasan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak (Lampiran G, H)

1. Rundingan meja bulat dibuat antara NGO dan SUHAKAM untuk membincangkan berkaitan pelantikan seorang Pesuruhjaya Kanak-kanak yang dinasihati oleh kanak-kanak dan dibantu oleh dua orang pembantu Pesuruhjaya.
2. Selaras dengan aspirasi NKRA, setiap pertubuhan yang berkhidmat untuk kanak-kanak dan berfokuskan pelaksanaan, Laporan Pesuruhjaya Kanak-kanak hendaklah dibentangkan di Parlimen oleh Pesuruhjaya sendiri dan tidak terangkum mengikut Akta SUHAKAM.
3. CRIB Foundation mencadangkan agar isu berkaitan kanak-kanak hendaklah diselaraskan dan diletakkan di bawah Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak yang diberi lebih kuasa untuk menyuarakan hal ehwal kanak-kanak.
4. Matlamat utama penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak adalah berfokus kepada usaha memberi perlindungan dan pemerksaan kanak-kanak.

Perbincangan mengenai Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (Lampiran F)

1. JMKRT telah bermesyuarat pada 28 November 2019, 4 Jun 2020, dan 9 September 2021 (mesyuarat rasmi) – dan pada 25 Januari 2021 (perbincangan respon KRT semasa PKP). Antara hasil JMKRT setakat ini termasuk:
 - i. Menyelaras komunikasi awam berkaitan KRT (SMS oleh MKN, kenyataan media oleh PDRM, bahan-bahan media sosial oleh KPWKM).
 - ii. Menyelaras perkongsian data (PDRM, JKM, Talian KASIH, KKM, Mahkamah, dan NGO); dan pengumpulan data (mendapatkan kebenaran Institut Kesihatan Umum untuk memasukkan soalan-soalan KRT dalam *National Health and Morbidity Survey 2022*).

- iii. Menjadi platform kepada agensi untuk menyelaraskan isu KRT semasa PKP (contohnya mengesahkan cara mendapatkan perintah perlindungan semasa PKP) dan secara amnya; dan platform penyelarasan dan komunikasi antara agensi kerajaan dan NGO.
2. Memastikan isu KRT kekal dalam agenda kerajaan. Namun, JMKRT berpotensi untuk memainkan peranan yang lebih mendalam dan proaktif.

Cadangan Jawatankuasa

1. Penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-Kanak wajar berbeza dari Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak. Skop Suruhanjaya harus berfokus kepada Perlindungan Kanak-kanak dari aspek mencegah kanak-kanak daripada terlibat dalam konflik perundangan. Suruhanjaya ini juga boleh dilihat lebih proaktif jika boleh membincangkan setiap insiden yang berlaku terhadap kanak-kanak dalam media sebagai pengajaran serta penambahbaikan untuk mengelakkan berlakunya kes berulang. Naratif perundangan berkaitan kanak-kanak wajar diwarkan kepada masyarakat untuk membolehkan masyarakat memahami hak kanak-kanak di Malaysia.
2. Menyedia dan melaksanakan plan data KRT, termasuk menaja tinjauan secara berkala. Tanpa data dan maklumat, hala tuju dan keberkesanan dasar awam tidak dapat dinilai. Data oleh (PDRM, JKM, KKM) perlu diselaraskan. JMKRT juga perlu membuat tinjauan berkala (setiap tiga / empat tahun) untuk memahami prevalen KRT dan sikap masyarakat umum terhadap KRT seperti yang diamalkan oleh beberapa negara lain.
3. Memantau dan menyelaraskan peranan JMKRT sebagai agensi penguatkuasa. Setiap agensi masing-masing melaksanakan aktiviti sendiri. Tiada maklumat untuk menentukan sama ada aktiviti ini memadai. Bukti anekdot menunjukkan masih terdapat cabaran dalam respon agensi penguatkuasa menangani KRT. JMKRT boleh menaja satu analisis untuk menentukan jurang dalam agensi penguatkuasa, dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan.

4. Mempromosikan komunikasi awam secara berterusan dan terancang, termasuk komunikasi berkaitan sikap masyarakat. Khidmat Pesanan Masyarakat (termasuk melalui SMS, media sosial, surat khabar, televisyen) tentang cara mendapatkan bantuan perlu dijadualkan secara konsisten. Selain maklumat berkaitan cara mendapatkan bantuan, komunikasi untuk menambah baik sikap dan tingkah laku masyarakat berkenaan KRT juga diperlukan. Satu tinjauan oleh WAO (yang diterbitkan pada bulan November 2021) menunjukkan pemahaman masyarakat awam tentang KRT agak baik, tetapi sikap masyarakat tentang KRT masih rendah.
5. Memastikan peruntukan dana bagi pelaksanaan respon KRT memadai, termasuk mengemukakan cadangan bersama untuk peruntukan Belanjawan tahunan. Terdapat pelbagai kekurangan sumber untuk respon KRT, termasuk rumah perlindungan KRT (perlu ditingkatkan 10 kali ganda), pekerja (perlu ditingkatkan 3 kali ganda), penyelarasan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) (jurang kualiti yang besar antara OSCC), *victim-care officer* PDRM (Cuma dua pegawai di setiap negeri), dan lain-lain. Setiap kementerian mengemukakan peruntukan belanjawan kepada Kementerian Kewangan secara berasingan. JMKRT perlu menyelaraskan peruntukan Belanjawan KRT pada setiap tahun, untuk memastikan dana KRT mencukupi dan disalurkan secara terancang.
6. Memastikan mekanisme koordinasi di peringkat negeri dilaksanakan. JMKRT (peringkat kebangsaan) perlu menerangkan hala tuju dasar. Mekanisme koordinasi peringkat negeri (dan daerah) juga perlu dilaksanakan secara berkesan. JKM di negeri Selangor menganjurkan mesyuarat antara agensi untuk KRT. Selain itu, kebanyakan negeri tidak ada mekanisme koordinasi untuk KRT. JMKRT telah meminta agar Majlis Sosial Negeri untuk memastikan KRT dimasukkan dalam agenda Majlis Sosial Negeri. JMKRT harus memantau inisiatif ini.
7. Menyedia dan menerbitkan secara terbuka laporan tahunan JMKRT. Laporan tahunan akan menambah akauntabiliti dan mengiktiraf usaha menangani KRT. Laporan ini harus merangkumi: status KRT di setiap negeri, aktiviti JMKRT, data terkini, komitmen dasar kerajaan, dan cadangan penambahbaikan dasar (peruntukan Belanjawan, penggubalan undang-undang dan dasar).

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 5/2021

Antara rumusan isu yang telah dibentangkan adalah berkaitan **(Lampiran J)**:

1. Penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-Kanak

- a) Antara isu yang dihadapi ialah:
 - i. OCC tertakluk kepada mandat dan undang-undang SUHAKAM
 - ii. Pertindihan bidang kerja di antara OCC dengan SUHAKAM, terutamanya Bahagian Pendidikan dan Latihan (ETD)
 - iii. Kekurangan kakitangan dan bajet – 4 orang pegawai dan bajet RM500 ribu/setahun sahaja

Cadangan Jawatankuasa ialah

- b) Tindakan yang diambil ialah Surat kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen & Undang-undang) untuk pertimbangkan cadangan deraf rang undang-undang penubuhan Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak.

2. Pencegahan Jenayah Seksual Kanak-kanak

- a) Antara isu yang dihadapi ialah:
 - i. Cabaran dari segi praktikal yang dihadapi oleh pelbagai pihak berkepentingan dan agensi penguatkuasaan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan hak kanak-kanak.
 - ii. Garis Panduan Khas untuk mengendalikan Kes Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak di Malaysia yang disediakan oleh Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia juga jarang dirujuk oleh pelbagai pihak penguatkuasaan.

- b) Tindakan yang akan diambil ialah
 - i. Membuat cadangan melantik Pakar perunding - untuk menjalankan penyelidikan Kajian Akses Kanak-kanak kepada Keadilan (Access to Justice) dalam Prosiding Jenayah Seksual dimana kelulusan PSSC di perlukan.
 - ii. Mengadakan “Perundingan Tahap Tinggi” yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam mengenal pasti cabaran-cabaran penguatkuasaan dan membincangkan cara penyelesaian
 - iii. Membentuk Pasukan Petugas Kebangsaan Peringkat Tinggi (High-Level National Taskforce) yang terdiri daripada pelbagai pihak.
- 3. Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi ditarik balik dan pemindaan Perlembagaan Persekutuan.
 - a) Isu yang diutarakan adalah Kerajaan Malaysia telah mengemukakan rayuan dan memfailkan permohonan untuk menangguhkan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung pemberian kewarganegaraan secara automatik kepada anak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan warga asing.
 - b) Tindakan yang akan diambil ialah menanyakan soalan di dalam Parlimen iaitu ‘Apakah proses dan jadual untuk pembentangan pemindaan Perlembagaan Persekutuan di Parlimen’
- 4. Keganasan Rumah Tangga (Domestic Violence).
 - a) Isu yang dibincangkan adalah mengenai:
 - i. Laporan keganasan rumah tangga kepada PDRM, JKM, dan NGO telah meningkat dari 2019 hingga 2021.
 - ii. 9,015 kes keganasan rumah tangga dilaporkan semenjak Mac 2020 – Ogos 2021. Peningkatan sebanyak 360% panggilan kecemasan semasa MC0 1.0 (WAO)
 - iii. Melaksanakan Dasar Keluarga Selamat sepertimana yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang

- b) Tindakan yang diambil ialah bertanyakan kepada PSC:
 - i. Peranan dan fungsi JKRT
 - ii. Penyelarasan di peringkat negeri yang tidak di pantau oleh JKRT
 - iii. Dana untuk rumah perlindungan perlu di tambah d. Perkhidmatan hospital perlu di kaji dan di kukuhkan serta latihan untuk pihak PDRM
 - iv. Kesan keganasan RT terhadap anak-anak iaitu masalah sari segi undang-undang (*multiple court orders*).

5. Keganasan terhadap wanita:

- a) Isu yang dibincangkan adalah menghendap (*stalking*)
- b) Tindakan lanjut yang diambil adalah dengan menanyakan soalan di Parlimen iaitu “Status usaha menjadikan menghendap (*stalking*) satu kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan.”

6. Cuti materniti dan cuti paterniti

- a) Antara isu adalah
 - i. Kementerian Sumber Manusia telah pun menyediakan draf pindaan kepada Akta Kerja pada tahun 2020.
 - ii. Pindaan-pindaan ini telahpun melalui proses konsultasi pelbagai pemegang taruh, termasuk agensi-agensi kerajaan, kesatuan sekerja, NGO-NGO, dan orang awam.
- b) Tindakan yang dicadangkan adalah menanyakan soalan di Parlimen iaitu “Apakah status pindaan kepada Akta Kerja 1955, termasuk pindaan untuk melarang diskriminasi terhadap pekerja, mewujudkan cuti paterniti tiga hari (dilanjutkan kepada tujuh hari), memanjangkan tempoh cuti materniti, melarang pemberhentian kerja atas sebab kehamilan, memperkenalkan waktu kerja fleksi, dan lain-lain.”

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 6/2021

Pembentangan oleh *Family Frontiers* (Lampiran K)

1. *Family Frontiers* membentangkan mengenai isu kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warga Malaysia dan bapa warga asing melalui testimoni seorang ibu yang terkesan.
2. Rujukan berkaitan isu ini dibuat mengikut tafsiran yang dibuat oleh Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bersama Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Perlembagaan Persekutuan yang mendiskriminasi terhadap wanita.
3. Terdapat beberapa halangan yang telah dikenalpasti berkaitan isu kewarganegaraan kanak-kanak. Antaranya ialah:
 - i. Masalah akses kepada pelajaran
 - ii. Masalah akses kepada kemudahan kesihatan
 - iii. *Gender based violence*
 - iv. Masalah hak penjagaan anak
4. Pada tahun 2010, YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein selaku Menteri Dalam Negeri mengumumkan bahawa proses pendaftaran anak-anak dalam situasi sebegini akan dipercepatkan untuk mengurangkan beban dan impak diskriminasi yang dialami oleh kaum ibu. Walau bagaimanapun, 11 tahun kemudian peratus kelulusan aplikasi masih rendah dan semakin rendah dan data tentang proses ini menunjukkan bahawa percubaan menambah baik proses ini secara administratif tidak berkesan. Malah, kadar kejayaan permohonan kewarganegaraan semakin jatuh. Data yang diperolehi menunjukkan seperti yang berikut:
 - i. 2013 – 2018: KDN terima 4,112 permohonan, 142 diluluskan
 - ii. 2018 – 2021: KDN terima 2,352, 21 diluluskan

Pembentangan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Lampiran L, M)

1. KPWKM membentangkan perkara yang dibangkitkan dalam proses pengubalan Rang Undang-undang Antigangguan Seksual
2. RUU Antigangguan Seksual diwujudkan sejak penubuhan *Special Project Team* (SPT) pada 6 September 2019. SPT dianggotai oleh agensi kerajaan, wakil NGO dan wakil akademik. Sepanjang tahun 2021, beberapa semakan telah dibuat dan maklum balas telah disediakan oleh Jabatan Peguam Negara.
3. Pada masa ini, tiada undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual di Malaysia. Oleh itu, pengubalan satu akta khusus berkaitan gangguan seksual adalah sangat kritikal.
4. Isu-isu yang diketengahkan oleh KPWKM adalah seperti yang berikut:
 - i. definisi yang digunakan oleh akta yang diguna pakai pada masa ini untuk mengadili kes gangguan seksual adalah terlalu luas dan tidak jelas. Contoh; Seksyen 354, 355, 377D dan 509 dalam Kanun Keseksaan.
 - ii. kesukaran pembuktian elemen *mens rea* atau niat jahat
 - iii. beban pembuktian lebih sukar dan melampaui keraguan munasabah
 - iv. undang-undang jenayah mengambil masa yang panjang dan tiada *redress* atau pun *remedy* khusus kepada mangsa
 - v. kos mahkamah terlalu tinggi
 - vi. pemakaian akta yang terhad
 - vii. kod amalan yang bukan mandatori
5. Elemen yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dibincangkan ialah:
 - i. Definisi gangguan seksual yang lebih jelas
 - ii. Standard pembuktian kesalahan
 - iii. Penambahbaikan sistem keadilan sedia ada menerusi penubuhan tribunal yang khusus
 - iv. Pemberian *remedy* kepada mangsa gangguan seksual
 - v. Pemakaian undang-undang yang lebih meluas

6. Cadangan KPWKM untuk menambah baik Rang Undang-undang Antigangguan Seksual melibatkan perkara seperti yang berikut:
 - i. tajuk ringkas dan tafsiran;
 - ii. menubuhkan tribunal bagi antigangguan seksual;
 - iii. mewujudkan pentadbir antigangguan seksual; dan
 - iv. am dan pelbagai.

Pembentangan oleh Jabatan Peguam Negara (Lampiran N)

1. Jabatan Peguam negara membentangkan perkara berkaitan status terkini Akta Menghendap.
2. Jabatan Peguam Negara merupakan ahli jawatankuasa yang sedang menyediakan draf bagi peruntukan pindaan cadangan-cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan dan juga Kanun Prosedur Jenayah.
3. Tiada hukuman khusus untuk kesalahan menghendap. Namun begitu, terdapat kesalahan sedia ada dalam Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan menghendap iaitu Seksyen 336, 350, 351, 383, 503, 507 dan 509 mengenai ugutan jenayah yang sangat hampir dengan tingkah laku menghendap. Namun begitu, tiada definisi yang spesifik bagi kesalahan yang ditafsirkan sebagai menghendap.
4. Jawatankuasa Akta Menghendap mula ditubuhkan sejak tahun 2013 hingga 2015 sebagai inisiatif untuk menjadikan perbuatan menghendap sebagai satu kesalahan. Walau bagaimanapun, jawatankuasa ini telah dimansuhkan pada 2015 dan usaha berkaitan penggubalan akta ini telah dihentikan.
5. Pada 2016, cadangan dikemukakan untuk memperkenalkan seksyen baharu dalam Kanun Keseksaan bertujuan menjadikan menghendap sebagai satu kesalahan jenayah. Pada tahun 2019-2020, Menteri Undang-undang mengumumkan bahawa kerajaan akan membentangkan undang-undang antimenghendap. Namun begitu, disebabkan PKP dan beberapa halangan lain,

penggubalan akta menghendap terpaksa ditangguh.

6. Terkini, jawatankuasa ditubuhkan sekali lagi melibatkan Jabatan Peguam Negara, NGO dan beberapa agensi kerajaan.
7. Pada 5 Ogos 2020, jawatankuasa telah berjaya mengeluarkan draf akhir mengenai Akta Anti-Menghendap yang memperkenalkan Seksyen 50A Kanun Keseksaan dimana hukumannya meliputi penjara hingga tiga tahun dan untuk kesalahan berikutnya boleh dipenjarakan selama tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

Pembentangan oleh Kementerian Sumber Manusia (Lampiran O)

1. Pembentangan adalah mengenai cadangan-cadangan pindaan di bawah Akta Kerja 1955 iaitu Akta 265 berhubung dengan Rang Undang-undang Kerja Pindaan 2021.
2. Akta Kerja 1955 merupakan akta utama di dalam undang-undang perburuhan. Akta ini mengawal selia majikan dan pekerja di sektor swasta dan menetapkan perlindungan dan faedah statutori kepada pekerja. Akta ini dikuatkuasakan mulai 1957 dan telah dipinda sebanyak 11 kali. Pindaan terakhir ialah pada tahun 2012.
3. Rang undang-undang Kerja Pindaan 2001 telah dibaca buat kali pertama di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2021 yang lalu dan Bacaan Kedua dibacakan pada sesi Disember 2021. Objektif pindaan adalah seperti yang berikut:
 - i. Mempertingkatkan dan menambah baik perlindungan dan kebajikan ke atas pekerja
 - ii. Memastikan pekerja mendapat perlindungan dan faedah yang setara dengan piawai perhubungan antarabangsa
 - iii. Usaha ke arah meratifikasi *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP)
4. Antara justifikasi bagi penggubalan RUU ini adalah seperti yang berikut:
 - i. Bertujuan membanteras amalan diskriminasi di tempat kerja

- ii. Pindaan ini dibuat selaras dengan diskriminasi *Discrimination (Employment An Occupation) Convention 1998 ILO* nombor 111 iaitu menghendaki negara anggota mempromosi dan membanteras amalan diskriminasi di tempat pekerjaan.

Cadangan Jawatankuasa

1. Jawatankuasa menyatakan hasrat untuk menyokong pindaan yang akan dibuat ke atas Perlembagaan Persekutuan, iaitu berkaitan isu kewarganegaraan kanak-kanak. Hasrat Jawatankuasa ini akan dinyatakan dengan jelas melalui kenyataan media berkaitan perkara ini.
2. Jawatankuasa turut membangkitkan beberapa isu seperti:
 - i. Hukuman penjara bagi kesalahan kecil boleh digantikan dengan khidmat komuniti atau bayaran pampasan kepada mangsa.
 - ii. Tiada klausa pengecualian bagi Akta Menghendap untuk ahli keluarga.
3. Cadangan lain yang turut dibangkitkan oleh Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:
 - i. Cuti paterniti yang diberikan pada masa ini ialah selama tiga hari. Jumlah ini didapati tidak mencukupi dan dicadangkan untuk dipanjangkan kepada tujuh hari.
 - ii. Jumlah cuti paterniti yang diperuntukkan bagi pekerja swasta perlu sama seperti pekerja awam.
 - iii. Kiraan cuti paterniti sedia ada selama tiga hari perlu dikecualikan daripada hari Sabtu dan Ahad.
4. Jawatankuasa berhasrat untuk:
 - i. Membuat kenyataan media mengenai mesyuarat pada hari ini.
 - ii. Menjemput ahli-ahli termasuk pegawai penyelidik Parlimen untuk menghadiri taklimat UNICEF mengenai isu pelarian.
 - iii. Berhubung dengan Majlis Raja-Raja untuk membincangkan isu kewarganegaraan wanita dan kanak-kanak.
5. Permohonan untuk mengetahui perkembangan terkini berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang perlu mendapat izin dari Majlis Raja-Raja.

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 7/2021

Pembentangan oleh *Chief of Social Policy* UNICEF Malaysia (Lampiran P, Q, R)

1. Taklimat oleh *Chief of Social Policy* UNICEF Malaysia ini berfokus kepada tiga agenda iaitu,
 - i. *Country programme UNICEF* di Malaysia dalam tempoh tiga tahun.
 - ii. Isu penahanan (*detention*) kanak-kanak
 - iii. Potensi kerjasama peringkat *constituency*
2. Pembentangan adalah mengenai hala tuju Program Negara UNICEF di Malaysia, yang memberi fokus kepada isu kanak-kanak dalam tahanan dan potensi kerjasama dalam penyelidikan mengenai akses perlindungan sosial dan perkhidmatan perlindungan kanak-kanak.
3. UNICEF telah menyambut 75 tahun penubuhannya sejak 1953 dan merupakan salah satu cawangan bagi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. UNICEF adalah satu-satunya organisasi yang dinamakan secara khusus dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak sebagai penjaga *Convention on the Right of the Child (CRC)*. UNICEF beroperasi di 190 negara di seluruh dunia dan memulakan operasi di Malaysia pada tahun 1964 apabila Perjanjian Kerjasama Asas ditandatangani dengan Perdana Menteri ketika itu.
4. UNICEF beralih hala tuju baharu melalui beberapa proses perancangan, antaranya adalah seperti yang berikut:
 - i. Membuat analisis mengenai situasi yang melibatkan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe12) yang diterbitkan dalam *UNICEF Global Strategy Document* dan *2021-2025 Cooperation Framework for the UN*.
 - ii. Mengenalpasti impak COVID-19 ke atas kanak-kanak, terutamanya golongan rentan
 - iii. Menggerakkan aspirasi *Leave No One Behind Agenda*
5. Strategi dan langkah yang diambil UNICEF dalam menyokong peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan

sosial adalah seperti yang berikut:

- i. Menyediakan kajian atau bukti terhadap sesuatu isu yang sedang diperdebatkan
- ii. Menyediakan analisis legislatif dan polisi
- iii. Menyokong penglibatan kanak-kanak atau remaja di Parlimen
- iv. Melakukan program advokasi secara bersama
- v. Membina kapasiti sekretariat Jawatankuasa dan Bahagian Penyelidikan Parlimen

Pembentangan Berkaitan Kanak-kanak Dalam Tahanan

1. Sistem keadilan yang diguna pakai di negara ini didapati tidak sepenuhnya bersifat mesra kanak-kanak. Di samping itu, tiada pusat data yang merekodkan maklumat mengenai kanak-kanak dalam tahanan di negara ini.
2. Tiada strategi komprehensif yang menggariskan pendekatan bersepadu yang diambil oleh sektor awam dan swasta, terutamanya berkaitan usaha untuk mengukuhkan semua aspek sistem keadilan terhadap kanak-kanak.
3. Sehingga kini, Malaysia masih mempraktikkan penahanan Imigresen bagi kanak-kanak walaupun telah wujud usaha global untuk menamatkan penahanan oleh pihak imigresen terhadap kanak-kanak.
4. Terdapat beberapa buah pusat tahanan yang digunakan untuk menahan kanak-kanak. Antara lokasi tahanan kanak-kanak ialah:
 - i. Sekolah Tunas Bakti
 - ii. Hostel tahanan
 - iii. Penjara
 - iv. Sekolah Henry Gurney
 - v. Lokap Polis
5. Beberapa inisiatif yang dilakukan oleh UNICEF adalah seperti yang berikut :
 - i. Menyokong projek perintis JKM yang bertujuan untuk memperkukuh kapasiti Pegawai dan kaunselor di JKM.

- ii. Menyokong projek perintis kerajaan yang bertujuan untuk memberi bantuan kepada kanak-kanak tanpa menggunakan prosiding kehakiman.
 - iii. Menyokong Jabatan penjara dan kementerian pendidikan mengenai pengembangan platform/kandungan pembelajaran dalam talian untuk memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran masa depan untuk 500-800 kanak-kanak dalam tahanan.
 - iv. Menyokong penilaian terancang institusi JKM terhadap kapasiti dan operasi
6. Antara alternatif kepada tahanan imigresen kanak-kanak ialah:
- i. Tindakan untuk menghentikan tahanan Imigresen adalah selari dengan CRC dan undang-undang antarabangsa yang lain.
 - ii. Kanak-kanak yang terdiri daripada pelarian, pemerdangan manusia dan pemohon suaka seharusnya tidak ditahan tetapi diberikan perlindungan dan penjagaan.
 - iii. Antara contoh negara ASEAN bagi alternatif kepada penahanan kanak-kanak adalah Thailand, di mana *Alternative to Immigration Detention (ATD) model Preventing Child Immigration Detention* dilakukan melalui pembaharuan undang-undang dan polisi.

Penjanaan Data dan Maklumat

1. COVID-19 telah meningkatkan kadar kemiskinan dan risiko keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Selain itu, wabak ini juga mengakibatkan berlakunya masalah kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak.
2. Cabaran kepada penyasaran perlindungan sosial sedia ada adalah apabila kajian UNICEF mendapati terdapat kesilapan pengecualian dalam bantuan sosial. Kajian Bank Dunia pula mendapati 35 peratus isi rumah dengan pendapatan kurang dari RM4000 sebulan tidak mempunyai akses kepada bantuan COVID-19.

Cadangan Jawatankuasa

1. Cadangan dikemukakan agar kerajaan membangunkan satu projek penyelidikan untuk menentukan tindakan yang perlu di ambil ke atas permasalahan ini. Penyelidikan ini dicadangkan dibuat berasaskan kawasan pilihan raya.
2. Berdasarkan analisis situasi yang dilakukan oleh UNICEF, beberapa perkara yang berikut perlu diberi penekanan oleh pihak Kerajaan dan agensi yang berkaitan:
 - i. sistem perlindungan sosial yang saksama, pemakanan berkualiti, kesihatan mental, pendidikan dan campur tangan perubahan iklim
 - ii. pencegahan dan tindak balas terhadap keganasan, pengabaian, eksploitasi dan amalan berbahaya kepada kanak-kanak dan wanita.

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 8/2021

Pembentangan oleh UNHCR (Lampiran S)

1. Menghampiri jumlah 180,000 orang – majoritinya adalah daripada Myanmar iaitu sebanyak 86 peratus, iaitu 32 peratus adalah golongan wanita manakala 26 pertaus lagi kanak-kanak. Sebanyak 1,625 kanak-kanak didapati terdedah kepada bahaya, iaitu 80 peratus daripadanya adalah dari Myanmar. Sejumlah 770 kanak-kanak didapati dari kumpulan kanak-kanak yang terpisah dan tidak ditemani oleh penjaga mereka. Seramai 220 kanak-kanak pula didapati menjadi buruh kanak-kanak.
2. Tiada pelan undang-undang dalam isu berkaitan dengan pelarian di Malaysia. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai hak untuk bekerja dan mendapat pendidikan serta menghadapi beberapa kekangan sama ada dari sudut keadilan, kesihatan dan perkhidmatan awam.

3. Status undang-undang (*legal status*) yang lemah telah mengakibatkan golongan pelarian berhadapan dengan tahanan polis dan tempoh tahanan yang lama.
4. Kebanyakan pelarian didapati menetap di Lembah Klang. Terdapat juga pelarian yang tinggal di Johor dan Pulau Pinang. Mereka kebiasaannya akan menetap di kawasan yang kerap memberikan bantuan kepada pelarian.
5. Sebahagian pelarian datang ke Malaysia untuk memohon suaka dan tidak mempunyai sebarang dokumen. Mereka akan datang sama ada melalui jalan darat atau laut.
6. Kebanyakan pelarian kanak-kanak datang ke Malaysia tanpa ditemani ibu bapa. Ibu bapa mereka telah menghantar mereka untuk menaiki bot bagi menyelamatkan nyawa anak mereka. Ibu bapa kepada pelarian kanak-kanak ini kebanyakannya telah meninggal dunia dan mereka dijaga oleh jiran tetangga.

Cabaran Terhadap Pelarian Wanita dan Kanak-Kanak

1. Golongan wanita berhadapan dengan keganasan berasaskan gender (*gender-based violence*) seperti keganasan seksual. Mereka juga turut menjadi mangsa kepada pemerdagangan manusia.
2. Dasar atau undang-undang kanak-kanak sedia ada turut meliputi pelarian.

Pembentangan Berkaitan Pusat Tahanan

1. UNHCR mempunyai akses ke pusat tahanan sehingga Ogos 2019 sebelum dihalang. Sebanyak 646 *Persons of Concerns* (PoCs) masih berada di pusat tahanan setakat 15 November 2021. Jumlah ini mungkin lebih besar daripada jumlah yang direkodkan.
2. Sebanyak 1,475 kanak-kanak berada di pusat tahanan setakat Oktober 2021. Namun begitu, timbul keraguan mengenai jumlah antara pelarian dan penuntut suaka.

3. Tempoh penahanan PoCs adalah panjang. Contohnya, terdapat warga Palestin yang telah ditahan lebih daripada enam tahun.
4. Persekitaran pusat penahanan yang tidak kondusif terutamanya kepada golongan kanak-kanak, bayi dan ibu yang menyusukan. Terdapat sebahagian kanak-kanak dan bayi turut berada di pusat tahanan. Pusat tahanan tidak mempunyai fasiliti untuk kanak-kanak.
5. Tempoh penahanan – Akta Imigresen tidak memperuntukkan sebarang tempoh penahanan. Kemungkinan untuk seorang pelarian seperti Rohingya untuk ditahan lebih lama adalah tinggi disebabkan mereka tidak mempunyai sebarang tempat untuk pergi atau pulang. Perkara ini juga turut melibatkan golongan wanita dan kanak-kanak.
6. Cabaran utama UNHCR adalah untuk mendapatkan akses ke penjara. Akses ke penjara hanya berkaitan dengan kes individu. Selain itu, cabaran lain adalah apabila pelarian yang telah menghabiskan hukuman penjara akan ditahan pula oleh pihak imigresen dan diletakkan di pusat tahanan.
7. Kekangan bahasa – menyebabkan pelarian tidak mengetahui hak mereka dari segi perundangan. Sebahagian pelarian dikenakan Perintah Tahan Usir yang menyebabkan berhadapan dengan risiko diusir. Pada bulan Februari, pengusiran secara besar-besaran telah dilakukan ke Myanmar dan sebahagiannya berdaftar di bawah PoCs.

Pembentangan Berkaitan Usaha UNHCR

1. Komited terhadap CEDAW, CRC dan CRPD. Walaupun terdapat Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521) dan Akta Kanak-Kanak 2001 tetapi undang-undang ini hanya mampu memberikan perlindungan yang sedikit dan tidak konsisten kepada pelarian wanita dan kanak-kanak.
2. UNHCR telah memberikan bantuan guaman kepada pelarian sekiranya mereka dirujuk oleh pelarian. Bantuan dalam membuat laporan polis juga turut dibantu. Hampir 600 laporan polis melibatkan keganasan berasaskan gender telah dibuat.

3. UNHCR akan memberikan bantuan guaman. Sekiranya tidak mampu untuk mengendalikan kes tersebut, maka UNHCR akan meminta bantuan daripada Majlis Peguam.

Pembentangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat

1. *Pilot project* – meletakkan kanak-kanak pelarian di bawah jagaan NGO tertentu.
2. *Alternative to Immigration Detention (ATD)* merupakan *pilot project* yang melibatkan lima pelarian kanak-kanak yang diletakkan di bawah NGO.
3. Saranan kepada JKM untuk memperkukuh dasar yang dijalankan dengan memperbanyak kerjasama dengan NGO lain untuk menjaga pelarian kanak-kanak.
4. Jabatan Imigresen pula hanya akan melepaskan kanak-kanak yang kecil sahaja dan mempunyai prospek untuk dilepaskan ke negara lain. Jabatan Imigresen juga mahu JKM dan NGO menanggung segala kos.
5. *Pilot project* secara dasarnya telah dipersetujui tapi pelaksanaan di peringkat bawah belum dilaksanakan. Fasa pertama ATD ini dilakukan pada tahun pertama hanyalah melibatkan lima pelarian kanak-kanak tanpa melibatkan kanak-kanak Rohingya.

Cadangan Jawatankuasa

1. Cadangan agar satu rangka sistematik disediakan untuk menyantuni kanak-kanak pelarian dan pemohon suaka.
2. Perlu diberi akses kepada kanak-kanak yang berada dalam tahanan imigresen untuk membantu mereka.
3. Kanak-kanak tidak seharusnya diletakkan dalam tahanan, dan mohon menggunakan amalan negara lain untuk menangani isu ini.

4. Memisahkan kanak-kanak daripada keluarga bukanlah satu langkah bijak. Perlu ada penyelesaian yang munasabah untuk membantu kumpulan ini.
5. Jawatankuasa meminta UNHCR mengemukakan laporan secara bertulis berkaitan dapatan kajian yang dilakukan terhadap kanak-kanak di Malaysia.
6. Mengenalpasti tahap pemahaman dan kesedaran kementerian dan agensi di bawahnya berkaitan *Convention on the Rights of the Child (CRC)*, dan keperluan bagi UNHCR mengemukakan langkah untuk mempertingkatkan pemahaman terhadap CRC.
7. Mohon UNHCR berbincang dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi berkaitan isu hak asasi wanita dan keluarga.
8. Mempersoalkan pendirian UNHCR, dan keperluan untuk menghantar pulang kanak-kanak pelarian bersama keluarga.
9. Mohon UNHCR mencadangkan langkah bersesuaian kepada Jawatankuasa untuk menangani isu kanak-kanak pelarian.
10. Mencadangkan kanak-kanak pelarian ditempatkan di rumah perlindungan kanak-kanak JKM.
11. Mempersoalkan status projek *diversion* oleh KPWKM yang diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak pelarian.
12. Jawatankuasa akan mengemukakan saranan secara bertulis kepada Perdana Menteri untuk memohon agar kanak-kanak tidak ditempatkan dalam tahanan.
13. Jawatankuasa bersetuju dengan usaha KPWKM untuk memberi fokus kepada kanak-kanak tanpa penjaga terlebih dahulu.
14. Jawatankuasa mempersoalkan peranan kedutaan negara asal kanak-kanak dalam membantu kanak-kanak ini.
15. Jawatankuasa mencadangkan KPWKM menambah jumlah kanak-kanak yang ditempatkan dalam projek *diversion*.

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 9/2021

Pembentangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Lampiran T)

1. Tujuan pembentangan ialah untuk memberi makluman mengenai perkhidmatan yang dilaksanakan di Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri dan juga Rumah Perlindungan Mangsa Pemerdangan Orang yang berada di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
2. Dokumen utama yang menjadi rujukan Jabatan Kebajikan Masyarakat:
 - i. Akta Kanak-Kanak 2001
 - ii. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)
 - iii. Akta Anti Permerdangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007
 - iv. Dasar yang diguna pakai sekarang ialah Dasar Kanak-Kanak Negara dan Dasar perlindungan Kanak-kanak Negara. Pada masa yang sama dasar ini turut dikaji semula kerana tamat tempoh.
3. Institusi yang memberi perlindungan terhadap kanak-kanak adalah seperti yang berikut:
 - i. Sekolah Tunas Bakti
 - ii. Asrama Akhlak
 - iii. Taman Seri Puteri
 - iv. Rumah Perlindungan
4. Pada keseluruhannya, jumlah institusi yang terdapat di seluruh Malaysia ialah sebanyak 24 institusi.
5. Sekolah Tunas Bakti
 - i. Tujuan penubuhan adalah untuk memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang berkonflik melalui pendekatan psikososial yang komprehensif

- ii. Ditubuhkan mengikut peruntukan Akta Kanak-kanak 2001, Perenggan 91(1)(f).
- iii. Tempoh keberadaan kanak-kanak di institusi ini ialah selama tiga tahun tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan kelulusan oleh kuasa Menteri atau Lembaga Pelawat.
- iv. Kanak-kanak yang ditempatkan di institusi ini pada kebiasaannya terbabit dengan kes jenayah yang melibatkan harta benda, dadah, sabitan dengan manusia dan juga kesalahan lalu lintas.
- v. Statistik pada tahun 2020 menunjukkan seramai 5342 kanak kanak telah disantuni, manakala pada tahun 2019 seramai 4833 kanak kanak disantuni. Daripada jumlah tersebut, tidak semua dimasukkan, kerana institusi ini adalah jalan terakhir. Oleh itu, jumlah yang berada di dalam institusi Tunas Bakti ialah sebanyak 453 (62 perempuan dan 392 lelaki)
- vi. Apabila kanak kanak ini telah keluar, sokongan diberikan oleh Lembaga Pelawat, pasukan kebajikan kanak-kanak, agensi kerajaan dan sektor korporat serta NGO untuk membantu kanak-kanak diintegrasikan ke dalam masyarakat.

6. Asrama Akhlak:

- i. Institusi ini ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 61, Akta Kanak-kanak 2001 untuk membantu memulihkan kanak-kanak yang tidak terkawal dan memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, iaitu pemulihan menerusi pendekatan psikososial yang komprehensif.
- ii. Kemasukan penghuni ke institusi ini adalah mengikut peruntukan di bawah Seksyen 91(1)(e) dan Seksyen 46
- iii. Tempoh pemulihan bagi setiap penghuni ialah kurang dari 12 bulan dari tarikh perintah mahkamah bagi kanak-kanak, iaitu mengikut Seksyen 98(4)(c), dan bergantung kepada mahkamah bagi kanak-kanak.
- iv. Terdapat seramai 116 kanak-kanak (54 perempuan dan 62 lelaki) yang menetap di institusi ini.

7. Taman Seri Puteri

- i. Institusi perlindungan dan pemulihan bagi kanak-kanak yang ditubukan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 55
- ii. Tujuan penubuhan ialah untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang terdorong melakukan perlakuan seksual dan pelacuran
- iii. Kemasukan kanak-kanak ke institusi ini ialah melalui perenggan 40(1) Akta Kanak-kanak 2001
- iv. Tempoh keberadaan setiap penghuni di institusi ini ialah selama tiga tahun dan boleh dikurangkan mengikut pertimbangan Menteri
- v. Terdapat seramai 34 kanak-kanak yang berlindung di empat buah institusi.

8. Rumah Perlindungan ATIP

- i. Terdapat 37 kes penghuni yang dimasukkan mengikut Akta Anti Antipermerdagangan Orang.
- ii. Terdapat duah buah rumah perlindungan yang diangunkan di negeri Johor dan Negeri Sembilan.

9. Aktiviti dan Program JKM

- i. JKM memperkenalkan sekolah aliran perdana yang mana memfokuskan pendidikan di sekolah yang telah ditetapkan.
- ii. JKM melaksanakan program sukan rekreasi, psikologi, kebudayaan, pengintegrasian, keagamaan dan kerohanian.
- iii. JKM juga membekalkan latihan dan juga kemahiran, program persijilan kemahiran Malaysia dan juga GIATMARA.
- iv. JKM menekankan kesihatan dan program pendidikan kesihatan. Jururawat yang bertanggungjawab dibekalkan untuk menjaga kesihatan di institusi tersebut.
- v. JKM memperkenalkan persijilan kemahiran yang diiktiraf industri institusi kanak-kanak melalui bengkel-bengkel, makmal-makmal, salon-salon latihan untuk mereka.

- vi. JKM memperkenalkan modul penyediaan makanan, kimpalan fabrikasi, perabot, automatif, binaan bangunan dan juga jahitan yang dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran JPK.
10. JKM turut melakukan kerjasama dengan syarikat luar seperti McDonald, Amway, Zetron dan Perodua. Sementara itu, kerjasama dengan agensi Kerajaan melibatkan agensi-agensi Giatmara, CIDB, IKBN, SKM dan politeknik.
 11. Inisiatif yang sedang dilaksanakan melibatkan Program Pemeliharaan Berasaskan Keluarga yang bermula sejak tahun 2019 lagi. Program ini memperkenalkan 22 orang kanak-kanak supaya ditempatkan dengan keluarga supaya boleh menjalani kehidupan seperti kanak-kanak normal di luar.
 12. Inisiatif seterusnya melibatkan usaha menjalankan projek perkhidmatan akhlak, iaitu kerjasama yang dilakukan antara JKM dan UNICEF. Projek Rintis Diversion turut diperkenalkan, iaitu projek alternatif untuk mengendalikan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang tanpa melalui sistem keadilan.
 13. Hala tuju dan fokus lima tahun akan datang:
 - i. Pemantapan panduan pengurusan institusi dan penjagaan kanak-kanak yang lebih komprehensif
 - ii. Pemantapan modul pemerksaan rohani.
 - iii. Peluasan pengintegrasian kanak-kanak JKM dalam masyarakat.

Pembentangan oleh Jabatan Penjara Malaysia (Lampiran U)

1. Terdapat seramai 2,021 penghuni yang ditempatkan di penjara kanak-kanak yang berikut:
 - i. 7 buah Sekolah Integriti
 - ii. 3 buah Sekolah Henry Gurney
2. Pendidikan korektif merupakan gabungan pemulihan yang dilaksanakan oleh pihak penjara dan program yang berkaitan penghuni muda.

3. Terdapat lima kluster iaitu:

i. Kluster Akademik

- Program Akademik dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 102 guru dikader ke Jabatan Penjara Malaysia.

ii. Kluster TVET

- Semua program TVET adalah secara bersijil SLDN atau SKM. Bidang yang dikhususkan dalam bidang jahitan, pertukangan, kenderaan, landskap pasteri, kimpalan, paip, automotif dan penyelenggaraan elektrik.

iii. Kluster Agama

- Dilaksanakan di beberapa buah institusi seperti di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri. Seramai 12 orang tenaga pengajar dihantar untuk mengendalikan kelas KAFA dan juga kelas UPKK.

iv. Kluster Seni Budaya

- Kerjasama bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian sama ada di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri, di mana tenaga pengajar daripada jabatan tersebut akan dihantar ke institusi-institusi berkaitan untuk melaksanakan beberapa program antaranya ialah *rhythm ensemble performing*, *band* dan buskers serta tarian.

v. Kluster Sukan

- Sukan yang dititikberatkan adalah Muay Thai, tinju dan angkat berat. Kluster sukan mampu mempositifkan sifat kanak-kanak itu kepada bidang-bidang yang lebih membawa makna dalam hidup mereka. Sukan seumpama ini diperkenalkan supaya membawa kepada kecemerlangan. Sering kali mereka yang tamat pengajian daripada kluster ini diambil oleh persatuan-persatuan sukan negeri.

4. Pelepasan besar-besaran dibuat kepada dua syarikat; Sate Kajang Haji Samuri dan BOH Plantations. Latihan industri diberikan terlebih dahulu dengan kerjasama PERKESO.
5. Jumlah tahanan kanak-kanak adalah sebanyak 2,270 orang dan tidak ditampung oleh sekolah sedia ada.
6. Bagi menampung tahanan yang tercicir daripada sekolah arus perdana, Jabatan Penjara Malaysia menggunakan banduan dewasa yang mempunyai kelayakan untuk mengajar tahanan kanak-kanak yang berada di institusi negara yang tiada zon sekolah.
7. Kertas kerja telah di angkat oleh Jabatan Penjara Malaysia di dalam Majlis Sosial Negara untuk mengadakan lokasi atau fasiliti sekolah bagi penempatan semua penghuni muda, termasuk kumpulan yang tercicir. Melalui kertas kerja itu, cadangan diutarakan untuk membina fasiliti di luar kawasan penjara supaya pelaksanaan pembelajaran kepada semua kumpulan dapat dilaksanakan. Kertas kerja ini telah dibenteng kepada perdana menteri dan Majlis Sosial Negara telah bersetuju dengan cadangan yang di bentangkan.

Pembentangan oleh Polis Diraja Malaysia (Lampiran V)

1. Statistik penglibatan dan tangkapan kanak-kanak dalam jenayah indeks seluruh Malaysia (2018 – 2021)
 - i. Kes jenayah, 75 peratus kanak-kanak tercicir, umur di antara 13 -15 tahun dan 16 -18 tahun
 - ii. Tahanan kanak-kanak tidak akan direman kecuali untuk kes yang serius dan tidak dicampur dengan tahanan dewasa.
 - iii. Tahanan kanak-kanak akan dirujuk kepada pegawai psikologi. Pendekatan psikologi digunakan bagi tahanan kanak-kanak yang berumur 15 tahun ke bawah untuk kes yang melibatkan seksual dan mencuri.
 - iv. 95 peratus tangkapan adalah lelaki manakala 5 peratus adalah perempuan di mana majoriti bagi tangkapan ini adalah bangsa Melayu.

2. Statistik penglibatan dan tangkapan kanak-kanak dalam kes-kes narkotik seluruh Malaysia (2018-2021)
 - i. Kategori yang terlibat adalah bekalan (membekalkan dadah, pengedaran dan sebagainya) dan memiliki (kes yang menggunakan dadah)
 - ii. Kes penagihan adalah di bawah AADK tetapi PDRM masih membuat tangkapan di bawah seksyen 31.
 - iii. Majoriti tangkapan yang dilakukan PDRM adalah melibatkan tangkapan kanak-kanak bersama keluarga. Namun kanak-kanak ini tidak ditempatkan di lokap tetapi akan ditempatkan di rumah perlindungan.
 - iv. 20 peratus kes rogol adalah berkaitan dengan penggunaan dadah.
3. Isu kekurangan lokap telah dibangkitkan di mana kebanyakan balai tidak mempunyai lokap khas untuk penahanan kanak-kanak. Keadaan lokap juga dalam keadaan yang daif.
4. PDRM telah membuat kerjasama di peringkat sekolah, agensi kerajaan dan kementerian. Dari segi kesedaran pula, terdapat platform yang diguna pakai melalui jawatankuasa di peringkat daerah, negeri dan kontinjen. Namun begitu, kerjasama ini perlu mengikut peredaran masa. Platform digital perlu ditubuhkan terutamanya bagi menghadapi kekangan yang timbul disebabkan pandemik COVID-19.

Cadangan Jawatankuasa

1. Pengerusi akan mengadakan perbincangan lanjut mengenai isu yang dibangkitkan oleh SUHAKAM yang mempersoalkan mengapa kanak-kanak yang terlibat tidak diberikan pendidikan akademik yang mempunyai kelulusan sekolah menengah seperti Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran SPM.
2. Ahli Parlimen Lembah Pantai mempersoalkan kajian mengenai pelaksanaan JKM terhadap kanak-kanak yang ditempatkan di bawah penyeliaan JKM terutamanya semasa pandemik COVID-19.

3. Wakil JKM membangkitkan isu kekurangan tenaga pengajar sebanyak 21 orang yang telah dilaporkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi masih tiada maklum balas.
4. Wakil JKM juga membangkitkan isu kekurangan peranti untuk melakukan PdPR bagi sesi pembelajaran semasa pandemik.
5. SUHAKAM mempersoalkan mengenai kanak-kanak yang tidak diasingkan daripada kumpulan tahanan berumur 18 tahun ke atas di blok penjara.
6. SUHAKAM turut mempersoalkan sekolah integriti, di mana tahanan yang mengambil SPM adalah berumur lebih dari 18 tahun dan peruntukan KPM adalah bagi tahanan bawah 18 tahun.
7. Ahli Parlimen Kuantan meminta penjelasan bagi status tahanan kanak-kanak yang tercicir iaitu sebanyak 38.5 peratus.
8. SUHAKAM membangkitkan beberapa isu seperti:
 - i. Tahanan kanak-kanak yang digari
 - ii. Lokap sedia ada yang perlu ditambah baik.
 - iii. Isu pengasingan antara tahanan dewasa dan kanak-kanak
 - iv. Tiada lokap khas yang disediakan untuk tahanan kanak-kanak.
 - v. Pemakluman kepada ibu bapa dan pegawai akhlak terhadap tangkapan kanak-kanak yang dibuat.
 - vi. Bantuan Guaman mempunyai peruntukan untuk *child companion* tetapi tiada permohonan dibuat kerana tidak diuar-uarkan.
 - vii. Khidmat kaunseling juga tidak diuar-uarkan kepada tahanan kanak-kanak.

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 1/2022

Pembentangan oleh NGO (Lampiran W)

1. Cadangan dan pandangan oleh beberapa NGO seperti *Joint Action Group for Gender Equality (JAG)*, *Women's Aid Organization (WAO)*, *ENGENDER*, *All Women's Action Society (AWAM)*, *Sisters in Islam (SIS)*, *Young Women Making Change Malaysia* dan *Jeffrey Cheah Institute (JCI)* diambil kira untuk menambah baik Rang Undang-undang (RUU) Antigangguan Seksual.
2. Terdapat cadangan daripada pihak NGO bahawa RUU ini perlu ditambahbaik dengan memasukkan tafsiran yang lebih jelas berkaitan gangguan seksual. Peruntukan untuk melindungi mangsa dari dianiayai dan larangan ke atas perbuatan gangguan seksual atau membantu berlakunya gangguan seksual juga dicadangkan dinyatakan dengan jelas dalam RUU ini.
3. Terdapat pandangan bahawa undang-undang sedia ada mencukupi dalam menangani gangguan seksual seperti Kanun Keseksaan, Akta Kerja dan Akta Komunikasi dan Multimedia.
4. Undang-undang bagi gangguan seksual dibahagikan kepada sektor awam dan swasta. Bagi sektor swasta, terdapat kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual. Manakala sektor awam, terdapat Peraturan-Peraturan Pegawai Awam dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22, Tahun 2005. Namun begitu, undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual di Malaysia masih tiada. Pekeliling Perkhidmatan (Sektor Awam) hanya terpakai di sektor awam dan tidak mengikat daripada segi perundangan kecuali telah disabit kesalahan dan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
5. Terdapat isu dan kekangan perundangan bagi kanun keseksaan seperti definisi yang digunakan terlalu luas dan tidak jelas bagi gangguan seksual. Antara contoh kekangan ini adalah seperti yang berikut:

- b. Seksyen 354 iaitu kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan dan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat mencabul kehormatan yang tidak menyentuh langsung mengenai gangguan seksual.
 - c. Seksyen 355 iaitu kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas perasaan marah.
 - d. Seksyen 377D iaitu melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian.
 - e. Seksyen 509 iaitu mengaibkan kehormatan seseorang sama ada dengan perkataan atau isyarat.
6. Terdapat kesukaran untuk membuktikan elemen *mens rea* atau niat jahat dalam kes gangguan seksual kerana sering dianggap sebagai gurauan. Beban pembuktian yang lebih sukar dan melampaui keraguan munasabah.
7. Terdapat Akta Kerja bagi menangani isu gangguan seksual tetapi hanya terhad bagi perlakuan yang dibuat di tempat kerja dan di Semenanjung Malaysia. Mekanisme untuk menangani gangguan seksual ini bergantung kepada pertimbangan dan budi bicara majikan sama ada untuk meneruskan siasatan atau pun tidak. Kod amalan hanyalah panduan bagi majikan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja tetapi tidak mengikat dari segi perundangan dan pelaksanaannya kurang mendapat sambutan. Oleh kerana kod amalan ini bukan mandatori bagi pihak majikan, hanya 400 daripada 450,000 buah syarikat swasta ataupun 0.08 peratus mengguna pakai dan mematuhi kod ini.
8. Cadangan bagi penubuhan Tribunal agar prosiding tidak perlu diwakili oleh peguam. Hal ini membolehkan kes jenayah seksual di peringkat individu boleh terus dilaporkan ke Tribunal. Pihak majikan yang gagal menyediakan persekitaran yang selamat turut akan dikenakan tindakan undang-undang. Cadangan juga dikemukakan supaya klausa remedi diwujudkan sebagai hukuman seperti denda, permohonan maaf, dan perlu menghadiri program kemasyarakatan. Penubuhan Tribunal ini akan terpakai kepada semua golongan termasuk gadis yang berumur di bawah 18 tahun.

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL BIL. 2/2022

1. Satu mesyuarat diadakan bertujuan untuk membincang dan meluluskan perkongsian pelan hala tuju (*roadmap*) (**Lampiran Y**) yang disampaikan oleh UNICEF supaya Jawatankuasa dapat membentangkannya di Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pembentangan tersebut diberikan oleh wakil dari UNICEF. Pembentangan ini memfokuskan tentang enam hasil akhir pelan hala tuju ini.

2. **Hasil yang pertama** adalah melihat kepada pengkhususan dalam aspek pengurusan kes kanak-kanak yang berfokus kepada Pegawai Mahkamah dan Pendakwaraya melalui latihan dan kursus-kursus tertentu. Sebagai contoh, satu kursus dan latihan akan diberikan oleh D11 mengenai cara dan prosedur untuk menjalankan temubual atau penyiasatan yang sesuai dan betul terhadap kanak-kanak.
 - i. **Isu** yang diketengahkan adalah mengenai pertukaran dan pemindahan tenaga kerja yang kerap telah menyukarkan untuk membuat bahagian atau jabatan yang khusus mengenai perkara ini.
 - ii. **Cadangan** yang diletakkan adalah untuk mengkaji semula penukaran dan pemindahan sesuatu polisi bagi meningkatkan keberadaan seseorang Pegawai yang terlatih tersebut.

3. **Hasil yang kedua** adalah melihat kepada peningkatan, keberkesanan, dalam menjalankan penyiasatan dan temubual melibatkan kes jenayah yang sensitif dengan kanak-kanak. Aspek ini melihat terus kepada keupayaan unit D11 menjalankan siasatan mengenai kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak.
 - i. **Isu** yang disuarakan adalah kekurangan peralatan, terutamanya alat digital khususnya bagi memperoleh bukti digital mengenai buli atau penderaan siber. Selain itu, isu mengenai tahap kualiti video dan audio rakaman yang dijadikan sebagai kenyataan dalam sesuatu kes.
 - ii. **Cadangan** yang dibincangkan adalah untuk menilai semula peranan D11 dalam menyediakan khidmat kaunseling, dan psikologi kepada kanak-kanak.

4. **Hasil yang ketiga** adalah memfokuskan kepada cara untuk meningkatkan akses kepada bantuan sokongan sepanjang tempoh perbicaraan mahkamah berlaku terhadap kanak-kanak. Sebagai contoh, kanak-kanak perlu diberikan maklumat tentang apa yang sedang berlaku, bagaimana mereka boleh membantu dan sebagainya. Hal ini memudah dan memberi keselesaan bagi kanak-kanak di sepanjang proses perbicaraan mahkamah berlangsung:
 - i. **Isu** yang diketengahkan adalah berbeza di Malaysia, Wales dan England menggunakan khidmat orang tengah/*intermediaries* untuk menilai keperluan komunikasi dan cara yang paling sesuai bagi pihak polis berurusan dengan kanak-kanak. *Intermediaries* adalah orang yang berkecualan sebagai contoh pakar dalam patologi ucapan, psikologi kanak-kanak dan kerja sosial.
 - ii. **Cadangan** yang diutarakan adalah mencadangkan kertas kerja tentang bagaimana caranya untuk menguatkan peranan *intermediaries*.
5. **Hasil yang keempat** adalah semasa perbicaraan mahkamah berlangsung.
 - i. **Isu** yang diketengahkan adalah menggunakan konsep “*ground rules hearing*” dan apakah langkah yang wajar diambil bagi membantu kanak-kanak memberikan bukti. Sebagai contoh, menggunakan konsep “*pre-recordings*”.
 - ii. **Cadangan** yang diketengahkan adalah tentang bagaimana caranya untuk memperkenalkan konsep baru ini ke dalam sistem Malaysia.
6. **Hasil yang kelima** adalah meningkatkan koordinasi dan pengurusan maklumat di antara agensi. Hal ini kerana, banyak agensi yang terlibat dengan kes-kes yang berkaitan dengan kanak-kanak. Agensi ini sering bergerak secara bersendirian dan bebas.
 - i. **Isu** yang sering diutarakan adalah bagaimana untuk memastikan keperluan maklumat ini mencukupi dari segi holistik.
 - ii. **Cadangan** yang diketengahkan adalah untuk melihat kepada model seperti di negara UK iaitu ‘*Lighthouse*’ model.

7. **Hasil yang keenam** adalah memfokuskan kepada kerangka perundangan berkaitan perlindungan saksi kanak-kanak.
 - i. **Isu** yang dikeluarkan adalah mengenai percanggahan berkaitan dengan penderaan siber dan eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak.
 - ii. **Cadangan** yang diketengahkan adalah untuk mengambil langkah yang sama seperti di negara UK iaitu meminda *Evidence of Child Witness Act*.

CADANGAN MENGENAI PEMBENTANGAN ROADMAP

1. KKM menyatakan bahawa konsep *Lighthouse* seperti di UK adalah lebih kurang sama dengan model yang telah diguna pakai di Malaysia iaitu *One Stop Crisis Centre (OSCC)* dan *Suspected Child Abuse and Neglect (SCAN)*. OSCC lebih memfokuskan kepada hal yang berkaitan orang dewasa manakala SCAN mengutamakan hal berkaitan kanak-kanak. Kedua-dua model ini telah diguna pakai di dalam sistem hospital di setiap negeri. Oleh itu, satu lawatan diperlukan untuk melihat dan memahami model yang diketengahkan oleh KKM ini.
2. Jawatankuasa membincangkan mengenai badan pelaksana yang akan meneruskan pelan hala tuju yang dicadangkan ini (2022 hingga 2027) kerana Ahli Jawatankuasa yang ada hanya dilantik selama dua tahun sahaja. Ahli mesyuarat memutuskan bahawa tugas dan peranan hanyalah sekadar memberikan cadangan dan pengesyoran dan terpulang kepada Kementerian yang terlibat untuk mengambil tindakan tersebut.
3. SUHAKAM menyuarakan pandangan bahawa dalam aspek mendapatkan bahan bukti, prosedur di UK adalah berbeza dengan di Malaysia. Hal ini kerana, di UK segala bukti soal siasat kanak-kanak dikumpul melalui rakaman video dan audio. Proses tersebut pula memakan masa yang sangat singkat bagi memastikan maklumat tidak hilang. Rakaman tersebut dijadikan sebagai bahan bukti yang digunakan di mahkamah semasa perbicaraan. Berbeza dengan di Malaysia, satu tempoh masa yang panjang diambil bagi mendapatkan soal siasat dan keterangan. Tambahan lagi, video dan audio yang diambil tidak pula digunakan

sebagai bahan bukti oleh peguam di mahkamah. Hal ini menunjukkan terdapat kekurangan dari segi praktikal dan pengendalian yang lebih berkesan.

4. Jawatankuasa mengemukakan cadangan bahawa satu latihan dan praktikal yang seragam sebagai contoh penggunaan bahasa dan terma yang sama perlu diberikan kepada semua agensi dan Kementerian yang berkaitan bagi memastikan pengurusan isu ini dapat ditangani dengan lebih baik.
5. Jawatankuasa menyuarakan bahawa satu polisi yang lebih baik diperlukan khususnya mengenai cara pengendalian kes melibatkan kanak-kanak. Hal ini juga melibatkan kekurangan tenaga kerja di Unit D11 dengan pertambahan laporan polis berkaitan jenayah seksual melibatkan kanak-kanak. Satu badan atau agensi diperlukan untuk mengetuai rangka kerja yang dikeluarkan ini bagi memastikan pelan ini berhasil seperti yang dbincangkan iaitu dari 2022-2027.

BAHAGIAN III

PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa bersetuju untuk memberi tumpuan utama kepada hal ehwal kanak-kanak terlebih dahulu. Dengan itu, Jawatankuasa mengemukakan penemuan dan syor seperti yang berikut:

A. PENINGKATAN KES PENDERAAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK

1. Terdapat cadangan agar talian bantuan khusus bagi kanak-kanak secara 24 jam diperkenalkan di seluruh negara. Hal ini kerana Talian Kasih 15999 merupakan talian umum yang turut menerima panggilan daripada pelbagai peringkat umur. Cadangan juga dibuat agar nombor Talian Kasih khusus untuk kanak-kanak mengguna pakai nombor yang mesra atau mudah diingati oleh kanak-kanak.
2. Cadangan dikemukakan agar kategori kumpulan sasar diasingkan antara kanak-kanak dan remaja, di mana remaja dicadangkan diletakkan dalam kategori umur antara 13 hingga 18 tahun.
3. Terdapat cadangan untuk menambah jumlah Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak bagi memastikan pengurusan kes berkaitan penderaan kanak-kanak dapat ditangani secara berkesan. Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hanya meluluskan seramai 224 Pegawai/Pembantu Pelindung dan Pegawai Akhlak sahaja. KPWKM memerlukan pertambahan seramai seribu lagi Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak.
4. Cadangan agar Kerajaan meneliti semula dan memberi peruntukan yang sewajarnya dalam usaha penambahan perjawatan dan pengoperasian Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (D11). Hal ini termasuklah pertambahan perjawatan dan pengoperasian D11 di negeri-negeri dan daerah bagi mengendalikan kes-kes berkaitan jenayah seksual dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

5. Cadangan juga dikemukakan agar Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak wajar diperluas ke setiap negeri dalam memastikan usaha yang berimpak tinggi dan memberi kesan yang ketara.
6. Terdapat cadangan yang mahukan Garis Panduan Khas untuk mengendalikan kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia yang disediakan oleh Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia digunakan sebagai bahan rujukan utama oleh setiap pihak penguatkuasa.
7. Cadangan juga dikemukakan untuk membentuk satu Pasukan Petugas Kebangsaan Peringkat Tertinggi (*High-Level National Taskforce*) yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dan agensi penguatkuasa untuk menyelaraskan pelaksanaan undang-undang secara bersepadu.
8. Cadangan-cadangan terperinci serta garis masa bagi setiap sasaran seperti yang disenaraikan dalam Pelan Hala Tuju Untuk Mengukuhkan Sokongan Bagi Mangsa dan Saksi Kanak-kanak dalam Sistem keadilan Jenayah: 2022 – 2027 (**Lampiran Y**).

B. KANAK-KANAK BERKONFLIK DENGAN UNDANG-UNDANG

1. Terdapat cadangan yang mahukan kanak-kanak yang ditahan reman hendaklah dibebaskan dengan jaminan terutamanya apabila perbicaraan terpaksa ditunda dalam tempoh yang lama. Hal yang sama juga melibatkan kanak-kanak yang ditahan di bawah undang-undang imigresen.
2. Cadangan agar program *diversion* yang diperkenalkan KPWKM diperluaskan pemakaiannya untuk memanfaatkan lebih ramai kanak-kanak yang sedang berkonflik dengan undang-undang.
3. Cadangan juga dikemukakan agar projek perintis berasaskan keluarga yang diperkenalkan KPWKM untuk membolehkan kanak-kanak di bawah tahanan imigresen dibesarkan oleh keluarga angkat atau saudara terdekat diperluaskan pemakaiannya.

C. KEBAJIKAN KANAK-KANAK KETIKA IBU BAPA SEDANG DALAM PROSES PERCERAIAN

1. Terdapat cadangan agar kelonggaran diberikan kepada ibu bapa untuk mendapat hak penjagaan secara bergilir-gilir dengan pasangan sementara proses perceraian berjalan.
2. Cadangan untuk mengenal pasti wanita yang menjadi ketua keluarga ketika proses perceraian berjalan. Hal ini untuk memastikan bantuan dapat disalurkan kepada wanita yang menjadi ketua keluarga agar kebajikan anak-anak terus terjaga dalam tempoh proses perceraian.

D. KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN, PELARIAN DAN DALAM TAHANAN IMIGRESEN

1. Cadangan agar KDN, KPM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberi perhatian utama ke atas kebajikan kanak-kanak dalam kategori ini. Hal ini adalah kerana, walau apa pun status kanak-kanak tersebut, Malaysia mempunyai reservasi terhadap Artikel 28 dalam *Convention on the Rights of the Child* (CRC) yang menyebut, *“States Parties recognize the rights of the child to education, and with a view to achieving this right progressively and on the basis of equal opportunity, they shall in particular: (a) make primary education compulsory and available free to all”*.
2. Terdapat cadangan agar KPM mempertimbangkan untuk membenarkan kanak-kanak Rohingya mendapat akses kepada pembelajaran di sekolah awam serta diberi peluang menduduki peperiksaan awam memandangkan perkara ini telah dilaksanakan di peringkat ASEAN yang melibatkan negara seperti Thailand dan Indonesia.
3. Bagi memastikan bantuan sampai kepada kanak-kanak dalam kategori ini secara inklusif, cadangan dikemukakan agar agensi kerajaan yang berkaitan bekerjasama dengan pihak NGO atau pekerja sukarela yang menyelenggarakan misi bantuan.

4. Cadangan agar kewarganegaraan diberi melalui kuatkuasa undang-undang kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing, serta membatalkan tafsiran awal yang menetapkan kewarganegaraan kanak-kanak yang diberikan berasaskan status bapa warganegara Malaysia sahaja. Hal ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk memelihara dan melindungi hak golongan lelaki dan wanita serta menjamin hak dan masa hadapan kanak-kanak berkenaan. Hasrat ini akan menyemarakkan lagi semangat Keluarga Malaysia selari dengan polisi kerajaan "*no one is left behind*".

E. KES BUNUH DIRI DAN CUBAAN BUNUH DIRI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

1. Terdapat cadangan yang mahukan perkongsian data berkaitan insiden bunuh diri dibuat secara merentas Kementerian dan agensi yang melibatkan PDRM, KKM dan KPWKM agar koordinasi dapat dibuat dengan lebih berkesan.
2. Cadangan agar satu Prosedur Operasi Standard (SOP) dibentuk untuk menangani isu melibatkan kanak-kanak. Umpamanya kes bunuh diri yang diterima KKM harus diserahkan kepada KPWKM untuk mendapat tindakan selanjutnya oleh pihak kaunselor atau Pegawai Psikologi.
3. Cadangan juga dibuat agar PDRM memberi kelulusan kepada pegawai JKM untuk mendekati ahli keluarga yang terlibat supaya tindakan susulan berupa khidmat kaunseling dapat dilakukan dengan segera.

F. PENINGKATAN KES KEGANASAN RUMAHTANGGA

1. Cadangan agar peranan dan fungsi Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JMKRT) diperkasa agar penyelarasan dan pemantauan dapat dibuat di setiap negeri secara lebih berkala dan efisien.

2. Cadangan juga dikemukakan agar dana yang diperuntukkan untuk hal ehwal pentadbiran dan pengurusan rumah perlindungan diteliti semula dan ditambah bersesuaian dengan keperluan semasa.
3. Terdapat cadangan yang mahukan perkhidmatan yang disalurkan oleh pihak hospital dan PDRM dikaji dan dibuat penambahbaikan, terutamanya mempertingkatkan usaha untuk memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga.

G. PENUBUHAN SEBUAH SURUHANJAYA BEBAS KANAK-KANAK

6. Cadangan agar meneliti semula fungsi Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan peranannya yang kini berada di bawah SUHAKAM. Sebuah Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak perlu ditubuhkan di negara ini untuk menangani pelbagai isu yang melibatkan kanak-kanak dan memastikan kebajikan mereka dapat dilindungi dan diperkasa.
7. Bagi memastikan pembelaan terhadap kanak-kanak lebih berfokus, komprehensif dan efisien, satu Akta Suruhanjaya Kanak-Kanak perlu diwujudkan. Suruhanjaya ini akan menjadi satu badan yang bebas dan tidak tertakluk di bawah mana-mana Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan yang lain serta memiliki bidang kuasa khusus bagi melindungi hak dan kebajikan kanak-kanak di Malaysia.
8. Terdapat cadangan agar laporan oleh Pesuruhjaya Kanak-kanak hendaklah dibentangkan di Parlimen oleh Pesuruhjaya sendiri dan tidak terangkum mengikut Akta SUHAKAM.
9. Cadangan juga dikemukakan agar isu berkaitan kanak-kanak diselaraskan oleh Suruhanjaya Bebas Kanak-Kanak yang diberi lebih kuasa untuk menyuarakan hal ehwal kanak-kanak.
10. Cadangan agar skop Suruhanjaya harus berfokus kepada perlindungan kanak-kanak dari aspek mencegah kanak-kanak daripada terlibat dalam konflik

perundangan. Suruhanjaya ini juga boleh dilihat lebih proaktif jika boleh membincangkan setiap insiden yang berlaku terhadap kanak-kanak dalam media sebagai pengajaran serta penambahbaikan untuk mengelakkan berlakunya kes berulang. Naratif perundangan berkaitan kanak-kanak wajar diwar-warkan kepada masyarakat untuk membolehkan masyarakat memahami hak kanak-kanak di Malaysia.

H. PEMERKASAAN GENDER

1. Cadangan agar Dasar Keterangkuman Gender diselaraskan di semua negeri di Malaysia selari dengan komitmen Kerajaan dalam usaha pemerkasaan gender seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Cadangan ini mengambil kira iltizam politik untuk mengguna pakai piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* dan *Convention on the Rights of the Child (CRC)*.
2. Terdapat cadangan agar Belanjawan Responsif Gender (BRG) dilaksanakan sepenuhnya di setiap Kementerian dan agensinya untuk memastikan Malaysia mencapai Matlamat 5: Kesaksamaan Gender seperti yang ditetapkan dalam aspirasi global 2030, iaitu Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) (SDG).

I. RANG UNDANG-UNDANG ANTIGANGGUAN SEKSUAL

1. Cadangan dan pandangan yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa telah diambil kira oleh KPWKM dalam usaha menambah baik RUU ini yang telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 20 Julai 2022.

J. AKTA MENGHENDAP

1. Cadangan bagi mewujudkan akta yang khusus bagi undang-undang yang berkaitan dengan isu menghendap. Buat masa ini terdapat Kanun Keseksaan seperti termaktub dalam Seksyen 336, 350, 351, 383, 503, 507 dan 509.

2. Terdapat penubuhan jawatankuasa dari 2013 hingga 2015 untuk merangka RUU Akta Menghendap. Pada tahun 2016, terdapat cadangan mengenai seksyen baharu diwujudkan dalam Kanun Keseksaan untuk dijadikan sebagai kesalahan jenayah. Isu ini mula diambil perhatian oleh pihak Kementerian pada tahun 2019.
3. Libat urus melibatkan agensi-agensi kerajaan dan NGO telah menghasilkan sebuah draf akhir iaitu dengan memperkenalkan seksyen 50A Kanun Keseksaan yang menyatakan menghendap sebagai kesalahan. 50A Kanun Keseksaan akan menakrifkan gangguan sebagai seorang individu yang melakukan gangguan sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga sehingga menyebabkan mangsa mengalami ketakutan dan kesusahan. Manakala bagi Seksyen 507B, kesalahan menghendap, terdapat keperluan penetapan terma yang tepat bagi mengelakkan daripada berlakunya perselisihan antara penggubal undang-undang.

K. KEWARGANEGARAAN KANAK-KANAK

1. Terdapat kesan undang-undang berkaitan isu kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia dan bapa warga asing mengikut Perkara 14(1)(b), Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c), Perlembagaan Persekutuan.
2. Terdapat juga isu di mana kanak-kanak yang dilahirkan di negara ketiga (bukan negara kelahiran ibu atau bapa) susah untuk mendapat kerakyatan Malaysia walaupun ibu adalah warganegara Malaysia. Namun terdapat kes yang berjaya membuat rayuan permohonan kewarganegaraan di negara kelahiran bapa (bukan warganegara Malaysia).
3. Terdapat kesan negatif isu kewarganegaraan ini terhadap kanak-kanak iaitu kesukaran mendapat akses pendidikan seperti pendaftaran sekolah, kesihatan yang melibatkan akses kepada vaksin. Bagi wanita pula, isu kewarganegaraan kanak-kanak ini menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan kes keganasan rumah tangga. Kebarangkalian untuk hilang hak ke atas anak mereka juga adalah tinggi kerana suami (warganegara Malaysia) mempunyai

hak terhadap kanak-kanak tersebut.

4. Terdapat juga isu kes penceraian dan kematian yang menyukarkan ibu untuk membawa anak-anak pulang bermastautin di Malaysia disebabkan kanak-kanak tersebut tidak mempunyai status kewarganegaraan.
5. Kadar permohonan yang lulus bagi kewarganegaraan kanak-kanak telah menurun. Bagi tempoh lima tahun, 2013 hingga 2018, hanya 142 daripada 4,112 iaitu 3.45 peratus permohonan sahaja telah diluluskan. Lebih membimbangkan kadar peratusan kelulusan permohonan semakin menurun. Bagi tahun 2019 hingga 2021, hanya 21 daripada 2,352 permohonan diluluskan iaitu hanya 0.89 peratus permohonan kewarganegaraan kanak-kanak diluluskan.

L. KANAK-KANAK PELARIAN DAN PEMOHON SUAKA

1. Terdapat isu peningkatan pelarian berdaftar dengan UNCHR iaitu menghampiri 180,000 orang di mana majoritinya adalah dari Myanmar iaitu sebanyak 86 peratus. Daripada jumlah ini, 32 peratus adalah golongan wanita manakala 26 peratus lagi kanak-kanak. Sebanyak 1,625 kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya dan 770 kanak-kanak merupakan kanak-kanak yang terpisah dan tidak ditemani oleh penjaga mereka manakala 220 kanak-kanak pula telah menjadi buruh kanak-kanak.
2. Tiada pelan undang-undang dalam isu berkaitan dengan pelarian di Malaysia. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai hak untuk bekerja dan mendapat pendidikan serta menghadapi beberapa kekangan sama ada dari sudut keadilan, kesihatan dan perkhidmatan awam.
3. Status undang-undang yang lemah telah mengakibatkan golongan pelarian berhadapan dengan tahanan polis dan tempoh tahanan pula mengambil masa yang lama.

M. KANAK-KANAK DALAM TAHANAN

1. Terdapat pandangan bahawa data mengenai kanak-kanak dalam tahanan tidak direkodkan secara sistematik, malahan tiada agensi yang mempunyai data lengkap berkaitan hal ini. Hal ini mengakibatkan langkah komprehensif dalam memberi keadilan kepada kanak-kanak sukar untuk dilakukan. Penahanan kanak-kanak masih juga berlaku di Malaysia walaupun di seluruh dunia telah mula berhenti dari membuat penahanan.
2. Cadangan untuk melakukan kerjasama antara KPM dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam aspek pendidikan. Hal ini kerana terdapat kanak-kanak yang tidak mendapat akses kepada pendidikan terutamanya dalam tempoh penularan Covid-19. Dua sekolah yang terkesan ialah Sekolah Henry Gurney Telok Mas dan Sekolah Integriti Puncak Alam.
3. Namun demikian wujud kerjasama antara Google dan *Digital Education Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) untuk menyediakan platform pembelajaran alternatif dan pembangunan kemahiran kanak-kanak dalam tahanan.
4. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang terlibat dengan dadah perlu ditempatkan dalam program komuniti dan bukannya dalam penahanan, untuk memberi lebih perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak.

N. LAIN-LAIN ISU BERBANGKIT

1. Cadangan dikemukakan untuk melanjutkan cuti paterniti dari tiga hari kepada tujuh hari, memanjangkan tempoh cuti materniti, melarang pemberhentian kerja atas sebab kehamilan, dan memperkenalkan waktu kerja anjal.
2. Terdapat cadangan agar perlindungan dari segala bentuk diskriminasi diberikan kepada OKU, dan definisi diskriminasi mesti meliputi diskriminasi langsung dan tidak langsung.

3. Cadangan bahawa satu rangka kerja dibuat untuk menganalisis pengurusan kewangan awam agar bersifat lebih responsif kepada hal ehwal kanak-kanak. Satu dialog perlu diadakan untuk membicarakan mengapa *public resources* sangat diperlukan dalam memastikan kebajikan dan perlindungan terhadap kanak-kanak sentiasa diberi keutamaan.
4. Terdapat pandangan yang mahukan isu kemiskinan kanak-kanak ditangani dengan lebih efektif. Pada tahun 2019, kadar kemiskinan meningkat sehingga 8.4 peratus dan menganggarkan bahawa sebanyak 1 dari 10 kanak-kanak di Malaysia adalah di bawah kadar kemiskinan.
5. Sepanjang sesi mesyuarat, pihak JKPK telah beberapa kali menghadapi isu kesukaran mendapatkan maklumat serta keterangan daripada agensi-agensi kerajaan tentang isu-isu berkepentingan di bawah terma rujukan pihak JKPK. Dengan itu, pihak JKPK berharap supaya Peraturan Mesyuarat boleh dibaca dengan tafsiran bermotif (*purposive interpretation*) bagi memperkasakan fungsi-fungsi eksklusif JKPK dalam memainkan peranan semak dan imbang terhadap eksekutif secara berkesan. Ini turut boleh dicapai dengan pindaan dalam beberapa peraturan dalam Peraturan Mesyuarat serta klausa-klausa dalam Terma Rujukan JKPK.
6. Semasa lawatan sambil belajar ke Parlimen United Kingdom di London, pihak JKPK juga mengambil maklum bahawa kemampuan JKPK United Kingdom untuk berfungsi dengan baik adalah disebabkan sokongan kukuh oleh sistem sokongan yang disediakan Parlimen United Kingdom. Sistem sokongan ini meliputi kekuatan sumber manusia (tenaga pakar, staf sokongan, setiausaha) dan juga peruntukan kewangan yang mencukupi, dan setiap JKPK diperuntukkan staf sokongan khas yang terdiri daripada setiausaha, pegawai penyelidik, media dan staf sokongan lainnya. Pihak JKPK mencadangkan agar amalan ini boleh dicontohi di Parlimen Malaysia bagi membolehkan setiap JKPK berfungsi dengan berkesan dan efisien.

BAHAGIAN IV

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuk Kementerian dan agensi kerajaan, NGO, pakar akademik, aktivis masyarakat, dan parti politik yang telah memberi kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan berkaitan hal ehwal wanita, kanak-kanak dan pembangunan sosial.

2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial dan Kementerian serta agensi yang berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 - iii. Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
 - iv. Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - v. Kementerian Dalam Negeri;
 - vi. Jabatan Perdana Menteri;
 - vii. Polis Diraja Malaysia;
 - viii. Jabatan Penjara Malaysia;
 - ix. Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan
 - x. Jabatan Peguam Negara

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

3. Jawatankuasa juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua delegasi yang mengikuti lawatan kerja ke London, United Kingdom kerana membantu memberi pandangan yang efektif demi menjayakan usaha dan fungsi Jawatankuasa ini sebagai mekanisme semak dan imbang yang berkesan di antara Badan Eksekutif (Kerajaan) dan Badan Perundangan (Legislatif) dalam negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA DAN KANAK-KANAK
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL PARLIMEN KE-14, BIL. 3 TAHUN 2021**

PEMBENTANGAN PENUBUHAN SURUHANJAYA BEBAS KANAK-KANAK (SBKK)

***Oleh Prof. Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal
Pesuruhjaya Kanak-kanak, SUHAKAM***

30 September 2021 (Khamis), 9.00pagi

**Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**



LATAR BELAKANG

- Pada 6 Julai 2018, YB Hannah Yeoh telah mengumumkan hasrat untuk menubuhkan satu **Suruhanjaya Bebas Kanak-kanak Kebangsaan (SBKK)**. Bermula dari situ, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dilibatkan untuk memberi input bagaimana ia dapat dilaksanakan; dimana SUHAKAM telah mencadangkan agar SBKK ditubuhkan secara berasingan di bawah aktanya sendiri dengan 16 orang kakitangan. Walaubagaimanapun, atas isu praktikaliti, KPWKM memutuskan untuk melantik seorang pesuruhjaya khas yang akan menjadi Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC) yang ditempatkan secara sementara di bawah SUHAKAM. CC akan menjalankan kuasanya sepertimana yang diperuntukkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597).
- Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) telah diletakkan di bawah struktur organisasi SUHAKAM dan mempunyai ciri-ciri serta fungsi yang sama. OCC adalah bebas daripada Kerajaan dan, secara idealnya, bertanggungjawab kepada Parlimen. Oleh kerana CC berkuatkuasa berdasarkan Akta 597; CC menjalani proses pelantikan yang sama, terma fungsi dan keperluan untuk melapor sama seperti Pesuruhjaya SUHAKAM yang lain. OCC telah diberi geran sebanyak RM500,000.00 masing-masing pada tahun 2019 dan 2020 oleh KPWKM.
- Selepas hampir 2 tahun OCC beroperasi dengan jumlah kakitangan seramai 4 orang (3 orang pegawai dengan 1 pembantu tadbir) dengan bidang tugas yang besar berhubung promosi dan pemeliharaan hak asasi 9.3 juta kanak-kanak di Malaysia (termasuk kanak-kanak pelarian, migran dan tanpa dokumen), OCC berdepan kekangan dari sudut kekurangan kakitangan dan kewangan yang stabil untuk menjalankan mandatnya memperkasa dan melindungi hak semua kanak-kanak di Malaysia.



PENDAHULUAN

- Berhubung cadangan pertimbangan semula untuk menubuhkan SBKK, kewujudan satu Suruhanjaya, badan atau *ombudsman* yang bebas bagi menguruskan isu berkaitan kanak-kanak adalah bukan sesuatu yang baru di negara luar. Kanak-kanak adalah individu yang tergolong dalam kumpulan paling rentan justeru, perlindungan yang mencukupi hendaklah diberikan kepada mereka.
- Di Malaysia, hak kanak-kanak adalah dilindungi oleh pelbagai Akta termasuklah Akta Kanak-kanak 2001 dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai isu hak kanak-kanak yang masih belum dapat ditangani seperti kanak-kanak tanpa dokumen; perkahwinan kanak-kanak; buli di sekolah, keganasan terhadap kanak-kanak; kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang; eksploitasi kanak-kanak dalam talian dan luar talian; dan buruh kanak-kanak.
- SBKK di negara luar **secara keseluruhannya mempunyai bidang kuasa “*check and balance*” yang sangat luas**. Pesuruhjaya Kanak-kanak yang berada di bawah SUHAKAM sekarang adalah terhad kuasanya setakat pada:
 - (i) **menyebarkan kesedaran dan memberi pendidikan** berhubung dengan hak kanak-kanak;
 - (ii) **memberi nasihat dan membantu Kerajaan dalam merumuskan undang-undang** dan arahan pentadbiran dan prosedur serta mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil;
 - (iii) **mengesyorkan kepada Kerajaan** berkenaan dengan langganan atau penyertaan perjanjian (dan Protokol Pilihan) dan instrumen antarabangsa yang lain, di samping penyingkiran reservasi dalam CRC; dan
 - (iv) **menyiasat aduan** mengenai pelanggaran hak kanak-kanak, selaras dengan Akta 597.

**AMALAN TERBAIK DARI NEGARA LAIN
(*BEST PRACTICES FROM OTHER COUNTRIES*)**



INDIA



PENUBUHAN

- **Suruhanjaya Nasional untuk Perlindungan Hak Kanak-kanak (NCPCR)** ditubuhkan pada bulan Mac 2007 di bawah Akta Suruhanjaya untuk Perlindungan Hak Kanak-kanak (CPCR) 2005. NCPCR berada di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita dan Kanak-kanak India.

KOMPOSISI

- Seorang Pengerusi; dan
- 6 anggota, sekurang-kurangnya 2 adalah wanita yang memiliki kelayakan/kemahiran dalam bidang berikut:
 - a) Pendidikan;
 - b) Kesihatan, penjagaan, kesejahteraan atau perkembangan kanak-kanak;
 - c) Keadilan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang; atau penjagaan kanak-kanak yang diabaikan atau ditinggirkan dan kanak-kanak kurang upaya.
 - d) Penghapusan buruh kanak-kanak atau kanak-kanak dalam kemiskinan;
 - e) Psikologi atau sosiologi kanak-kanak; dan
 - f) Undang-undang yang berkaitan dengan kanak-kanak.



INDIA




MANDAT:

- **Mengkaji dan menyemak bentuk perlindungan yang telah diperuntukkan** dalam undang-undang supaya perlindungan hak kanak-kanak adalah berkesan, dan mengesyorkan langkah-langkah untuk pelaksanaannya yang efektif;
- Menyediakan **laporan** berhubung operasi/kerja perlindungan tersebut setiap tahun atau apabila diperlukan;
- **Menyiasat pelanggaran hak kanak-kanak** yang diadakan, dan mengesyorkan tindakan prosiding Mahkamah;
- **Mengkaji semua faktor yang menghalang pelaksanaan hak kanak-kanak** dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan yang sesuai;
- **Memantau situasi berhubung yang kanak-kanak** yang memerlukan penjagaan dan perlindungan khas, dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan yang sesuai;
- **Mengkaji triti dan instrumen antarabangsa berkaitan kanak-kanak**, dan melakukan semakan berkala terhadap dasar, program dan aktiviti yang wujud berhubung hak kanak-kanak; dan membuat pengesyoran untuk pelaksanaannya yang berkesan demi kepentingan terbaik kanak-kanak;
- **Menjalankan dan mempromosikan penyelidikan dalam bidang hak kanak-kanak;**
- **Menyebarkan dan mempromosikan kesedaran hak kanak-kanak** kepada semua lapisan masyarakat;
- **Menyiasat** atau menyebabkan mana-mana **rumah jagaan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang**, atau tempat kediaman atau institusi yang menempatkan kanak-kanak, yang berada di bawah kawalan Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa lain untuk disiasat, dan mengesyorkan tindakan penambahbaikan, jika perlu;
- **Menyiasat aduan** yang berkaitan dengan hak kanak-kanak.



INDONESIA



PENUBUHAN


- **Suruhanjaya Perlindungan Kanak-kanak Indonesia** ditubuhkan berdasarkan Perkara 74 Undang-Undang Republik Indonesia No.23, 2002 berhubung Perlindungan Kanak-kanak untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan perlindungan anak; secara asasnya adalah bebas (***independent in nature***).

KOMPOSISI

- Keanggotaan Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, dua Timbalan Pengerusi, seorang setiausaha, dan 5 anggota.
- Keanggotaan jawatankuasa hendaklah terdiri daripada kelayakan/pengalaman kerja seperti berikut:
 - a) Ahli kerajaan;
 - b) Pemimpin agama;
 - c) Organisasi sosial, organisasi awam;
 - d) Organisasi profesional;
 - e) Badan bukan kerajaan,
 - f) Entiti perniagaan, dan kumpulan masyarakat.



INDONESIA



KOMPOSISI


- Keanggotaan dilantik dan dilucutkan oleh Presiden setelah mendapat pertimbangan dari Dewan Perwakilan Republik Indonesia, selama tempoh 3 tahun, dan layak dilantik semula selama 3 tahun lagi.
- Ketetapan berhubung kelengkapan organisasi, cara kerja, dan peruntukkan adalah dirangka oleh dikri Presiden.

MANDAT

- Suruhanjaya mempunyai peranan yang berikut, selaras dengan Perkara 76 Undang-Undang Republik Indonesia No.23, 2002 berhubung Perlindungan Kanak-kanak:
 - a) **Memasyarakatkan seluruh peruntukkan undang-undang yang berkaitan** dengan perlindungan kanak-kanak; **mengumpulkan data dan maklumat**; **menerima aduan** orang ramai; **menganalisis**; **memantau**; **menilai**; dan **menyelia pelaksanaan perlindungan kanak-kanak**; dan
 - b) Menyerahkan **laporan, cadangan, input**, dan **pertimbangan kepada Presiden** dalam rangka (*framework*) perlindungan kanak-kanak.



UNITED KINGDOM



PENUBUHAN


- Peranan **Pesuruhjaya Kanak-kanak England** telah dirangka berdasarkan Akta Kanak-kanak 2004, yang memberi tanggungjawab kepada Pesuruhjaya untuk mempromosikan kesedaran berhubung kepentingan pandangan dan minat kanak-kanak.
- Akta Kanak-kanak dan Keluarga 2014 mengukuhkan lagi tanggungjawab, kuasa dan kebebasan Pesuruhjaya, dan memberinya tanggungjawab khas untuk hak kanak-kanak yang berada dalam atau luar jagaan, tinggal jauh dari rumah atau menerima perkhidmatan penjagaan sosial.
- Beliau juga diberi mandat untuk bercakap bagi pihak kumpulan kanak-kanak untuk isu yang lebih unik contohnya isu imigresen (untuk seluruh UK) dan keadilan belia (untuk England dan Wales).

KOMPOSISI

- Pesuruhjaya Kanak-kanak dilantik oleh Setiausaha Negara untuk tempoh tidak melebihi 6 tahun .
- Pesuruhjaya dibantu oleh sekumpulan kakitangan yang berfungsi sebagai penasihat, jawatankuasa audit dan risiko, kumpulan kanak-kanak, pihak berkepentingan dan kumpulan pakar.




UNITED KINGDOM



MANDAT

- Tanggungjawab statutori Pesuruhjaya merangkumi **memahami apa yang difikirkan oleh kanak-kanak dan golongan muda** berhubung perkara-perkara yang mempengaruhi mereka; dan **menggesa pembuat dasar/keputusan** untuk selalu **mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak** dalam setiap keputusan.
- Mempunyai **kemampuan unik dalam pengumpulan data** dan kebolehan untuk **berkomunikasi dengan kanak-kanak** untuk memperoleh bukti, yang membolehkan beliau membawa perubahan untuk jangka masa panjang, dan penambahbaikan untuk kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak yang paling rentan.

BELGIUM



PENUBUHAN


- **Suruhanjaya Nasional Hak Kanak-kanak (NCRC)** ditubuhkan pada tahun 2005 bertujuan mewujudkan dasar hak kanak-kanak yang komprehensif selaras dengan obligasi Belgium di bawah CRC.
- Suruhanjaya berfungsi sebagai satu platform koordinasi yang mengumpulkan 90 agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang bekerja merealisasikan hak kanak-kanak.

KOMPOSISI

- Suruhanjaya mempunyai dua peranan (*dual role*) iaitu sebagai "memberi sokongan kepada kerajaan" dan "memberi nasihat bebas (*independent*)", serta peranan pelbagai anggota-anggotanya (masyarakat sivil, profesional, wakil pentadbiran, menteri dan kerajaan).
- Terdapat dua badan yang ditubuhkan di bawah Suruhanjaya:
 - a) Badan antara kerajaan yang dianggotai oleh anggota yang ada hak mengundi; dan
 - b) Badan penasihat yang terdiri daripada anggota dengan hak rundingan dan autonomi.
- Pejabat Eksekutif Suruhanjaya terdiri daripada anggota kedua-dua badan, memastikan perundingan yang lebih baik.



BELGIUM



MANDAT

- Suruhanjaya mempunyai peranan berganda dalam pelaksanaan CRC:
 - a) Memberi bantuan dalam penyediaan laporan lima tahun CRC** yang wajib dilapor Negara Belgium selaras dengan Perkara 44 CRC.
 - b) Bertanggungjawab mewakili Negara Belgium**, dalam pembentangan laporan tersebut kepada Jawatankuasa CRC (*Committee on the Rights of the Child*).
- Suruhanjaya juga turut menyumbang terhadap penyediaan dokumen lain yang berkaitan dengan hak kanak-kanak yang wajib dilapor oleh Negara Belgium kepada badan-badan antarabangsa.



NEW ZEALAND



PENUBUHAN

- Pesuruhjaya Kanak-kanak NZ adalah satu entiti bebas.
- Pesuruhjaya mempunyai tiga fungsi utama di bawah Akta Pesuruhjaya Kanak-kanak 2003 iaitu **pemantauan**, **penilaian** dan **pelaporan perkhidmatan** yang diberikan kepada kanak-kanak dalam jagaan.

KOMPOSISI

- Tempoh pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak adalah selama 5 tahun atau tempoh yang lebih pendek, tertakluk tempoh dinyatakan dalam surat pelantikan.

MANDAT

- Pesuruhjaya memperjuangkan kepentingan, hak dan kesejahteraan kanak-kanak dan golongan muda berkaitan undang-undang, dasar, amalan, dan memantau perkhidmatan yang diberikan di bawah Akta Kanak-kanak, Orang Muda dan Keluarga New Zealand (*NZ Children, Young Persons, and their Families Act*).
- Pesuruhjaya Kanak-kanak mempunyai fungsi statutori yang luas merujuk kepada Akta-Akta yang berikut:
 - a) Akta Pesuruhjaya Kanak-kanak 2003;
 - b) Akta Jenayah Penyeksaan 1989;
 - c) Peraturan Kanak-kanak, Orang Muda dan Keluarga (Penjagaan Kediaman) 1989;
 - d) *Human Assisted Reproductive Technology Act 2004*



SURUHANJAYA KANAK-KANAK DALAM KERANGKA INSTITUSI HAK ASASI KEBANGSAAN / NEGARA



AUSTRALIA



PENUBUHAN

- Portfolio seorang Pesuruhjaya Kanak-kanak Kebangsaan diletakkan di dalam kerangka **Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia (AHRC)** pada tahun 2013 - Seksyen 8 (1) (g) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia 1986.

KOMPOSISI


- Dilantik oleh *Governor-General* sebagai anggota sepenuh masa.

MANDAT

- Pesuruhjaya Kanak-kanak hanya menumpukan pada hak dan kepentingan kanak-kanak, dan undang-undang, dasar dan program yang mempengaruhi kanak-kanak.
- Sebagai sebahagian dari mandatnya, Pesuruhjaya Kanak-kanak hendaklah **menyerahkan laporan kepada Parlimen persekutuan** setiap tahun berhubung dapatan Pesuruhjaya tentang pandangan kanak-kanak dan golongan muda di Australia berhubung pelaksanaan hak kanak-kanak yang samada dapat dinikmati sepenuhnya kanak-kanak atau sebaliknya.




CADANGAN



- CC berpandangan bahawasanya **SBKK New Zealand adalah yang paling ideal**. Walaubagaimanapun, sekiranya Kerajaan mempunyai kekangan dari sudut peruntukkan untuk mencontohi New Zealand, **SBKK Australia** yang diletakkan dalam kerangka Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia juga adalah **pilihan ke-2**.
- Begitupun, untuk melaksanakan konsep SBKK Australia di Malaysia, CC yang kini telahpun berada dalam kerangka SUHAKAM hendaklah **diberi kuasa yang lebih luas dan peruntukkan yang lebih banyak** untuk tujuan pertambahan kakitangan.
- Hal di atas boleh diusahakan dengan melakukan pindaan bagi Akta 597 seperti yang dicadangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Khas pada 21 September 2018. **Akta Kanak-kanak 2001 juga boleh dipinda** untuk memasukkan peruntukkan berhubung penubuhan SBKK.
- Untuk contoh amalan antarabangsa yang berkesan, tugas Pesuruhjaya Kanak-kanak di Australia dan New Zealand boleh digunakan sebagai modal di mana CC diberikan kuasa untuk membuat permintaan kepada pihak berkuasa, organisasi atau institusi yang kompeten bagi menjalankan tindakan yang perlu bagi menjaga kepentingan kanak-kanak. Adalah wajib bagi penubuhan ini bukan sahaja untuk bertindak sedemikian tetapi juga dengan segera memaklumkan kepada pihak *Ombudsman* Kanak-kanak, **dalam masa tidak lebih dari 30 hari**, dari hari tindakan telah diambil.

CADANGAN



- **Kuasa** yang diberikan kepada **Pesuruhjaya Kanak-Kanak** juga hendaklah **meliputi semua peringkat, termasuk institusi negara dan agama dan tidak boleh dibatasi oleh isu-isu agama atau bidang kuasa**, terutamanya dalam bidang kebimbangan bersama atau bidang kuasa bertindih (contoh: perkahwinan bawah umur atau penukaran agama kanak-kanak secara *unilateral*). Penjalanan kuasa-kuasa ini mesti diiktiraf dan disokong oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Parlimen.
- Pesuruhjaya Kanak-kanak hendaklah mempunyai **fungsi rentas sempadan**, contohnya dalam kes-kes penculikan, pemerdagangan dan kewarganegaraan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH : OCC




OCC.OFFICIAL.MY
OCCSUHAKAM



Pejabat PesuruhjayaKanak-Kanak
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
Malaysia (SUHAKAM)
Tingkat 11, MenaraTH Perdana,
1001, JalanSultan Ismail 50250,
KualaLumpur

occ@suhakam.org.my



STATUS PELUASAN MAHKAMAH JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK KE SELURUH MALAYSIA

Isi Kandungan

- 01: Latar Belakang
- 02: Prasarana Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak
- 03: Status Peluasan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak
- 04: Statistik Kes Jenayah Seksual Kanak-Kanak
- 05: Cadangan Penambahbaikan



Latar Belakang

- Mendengar kesalahan seksual melibatkan kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun (sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611))
- Kesalahan yang lazim didaftar di mahkamah ini adalah di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) seperti berikut:
 - Rogol/Liwat
 - Amang Seksual
 - Pengantunan Kanak-kanak
- Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak (JSKK) yang pertama di Malaysia ditubuhkan di Putrajaya - mula beroperasi setelah perasmian oleh mantan YAB Perdana Menteri pada 22 Jun 2017
- Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak kedua telah ditubuhkan di Kompleks Mahkamah Kuching - mula beroperasi setelah perasmian oleh mantan YAB Perdana Menteri pada 18 April 2018



Prasarana Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak

1. Dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen (gred JUSA C) yang berpengalaman dan berpengetahuan luas
2. Prasarana khusus:
 - i. Court Recording Transcription (CRT) dan Voice To Text (VTT): perbicaraan dirakam sepenuhnya dan keterangan saksi terus ditranskripsi menjadi nota prosiding
 - ii. Sistem Audio Visual: membolehkan saksi kanak-kanak lebih selesa untuk memberi keterangan dari bilik yang berasingan di luar Mahkamah terbuka
 - iii. *Visualizer*: paparan dan pengemukaan ekshibit secara *softcopy*
 - iv. Bilik Saksi Kanak-Kanak dan Bilik Menunggu Saksi Kanak-Kanak: bersifat mesra kanak-kanak dan membolehkan saksi dan mangsa kanak-kanak yang hadir perbicaraan di Mahkamah berasa lebih selesa.
 - v. Patung anatomi: membantu kanak-kanak memberi keterangan terutama apabila saksi kanak-kanak mengalami kesukaran menjelaskan kejadian kesalahan seksual kepada mahkamah

Bilik Saksi dan Bilik Menunggu Kanak-Kanak Mahkamah JSKK Putrajaya

(ALATAN MAINAN DAN KELENGKAPAN MESRA KANAK-KANAK ADALAH SUMBANGAN OLEH PERMATA NEGARA)



Bilik Bicara Mahkamah JSKK Putrajaya



Status Peluasan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak

PKPMP telah menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian dan menyediakan bilik saksi kanak-kanak dan bilik menunggu saksi kanak-kanak

Peralatan ICT seperti kelengkapan Court Recording and Transcription (CRT) , Voice To Text (VTT), Visualizer dan sistem audio visual telah lengkap dipasang dan sedia digunakan

Asas pemilihan lokasi untuk peluasan:

- i. jumlah kesalahan yang berlaku berdasarkan jumlah pendaftaran kes di mahkamah
- ii. jarak perjalanan untuk saksi hadir ke mahkamah

Lokasi peluasan Mahkamah JSKK

Bil	Negeri	Mahkamah
1	Pahang	Kompleks Mahkamah Kuantan
2	Perak	Kompleks Mahkamah Ipoh
3	Johor	Kompleks Mahkamah Muar
4		Kompleks Mahkamah Johor Bahru
5	Pulau Pinang	Kompleks Mahkamah Georgetown
6	Perlis	Kompleks Mahkamah Kangar
7	Selangor	Kompleks Mahkamah Klang
8	Terengganu	Kompleks Mahkamah Kuala Terengganu
9	Melaka	Kompleks Mahkamah Negeri Melaka
10	Kelantan	Kompleks Mahkamah Kota Bharu
11	Kedah	Kompleks Mahkamah Alor Setar
12	Negeri Sembilan	Kompleks Mahkamah Seremban
13	Sabah	Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu

Mahkamah JSKK Diperluaskan



Mahkamah JSKK Kuching

Mahkamah JSKK Klang

Mahkamah JSKK Diperluaskan



Mahkamah JSKK Kota Bharu

Mahkamah JSKK Alor Setar

Statistik Kes Jenayah Seksual Kanak-Kanak Seluruh Malaysia

(Setakat 31 Ogos 2021)

Negeri	Kes Aktif Setakat 31 Ogos 2021
Johor	264
Kedah	60
Kelantan	102
Melaka	116
Negeri Sembilan	112
Pahang	130
Pulau Pinang	75
Perak	266
Perlis	36
Selangor	363
Terengganu	127
Sabah	113
Sarawak	164
WPKL	0
Putrajaya	234
JUMLAH	2,162

Cadangan Penambahbaikan

- PKPMP sedang melihat keperluan penambahan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak di negeri-negeri yang merekodkan jumlah kes yang tinggi
- Mendapatkan perjawatan khusus pegawai Kehakiman gred JUSA C bagi Hakim Mahkamah JSKK sepertimana Hakim Mahkamah Sesyen Rasuah
- Menyediakan lebih banyak peluang latihan dan kursus dalam dan luar negara berkait kesalahan seksual terhadap kanak-kanak bagi HMS untuk memberi pendedahan dan perkongsian ilmu /pengalaman
- Mendapatkan kerjasama pelbagai agensi untuk mempercepat penyelesaian kes seperti kehadiran pendamping dari JKM, penyediaan pelbagai laporan dengan lebih cepat dan berkesan





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PELAPORAN TINDAKAN DI BAWAH JAWATANKUASA MENANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA

30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) I 9.00 PAGI

KANDUNGAN

1

Latar belakang Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT)

2

Tindakan yang dilaksanakan di bawah JKRT

3

Hala tuju tindakan JKRT

4

Cadangan kerjasama

LATAR BELAKANG JKRT



PUNCA KUASA DAN PERUNDANGAN



Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521)



- Akta yang mempunyai peruntukan bagi perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara yang bersampingan dengannya.

Dokumen Rujukan

- Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga Tahun 2015.



Kronologi Penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga



JKRT – SEJARAH PENUBUHAN & STRUKTUR

KSU KPWK

- KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
- HOSPITAL KUALA LUMPUR
- KEMENTERIAN DALAM NEGERI
- POLIS DIRAJA MALAYSIA
- JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
- JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
- JABATAN PEGUAM NEGARA
- JABATAN BANTUAN GUAMAN
- JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
- MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
- JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
- JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
- LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
- JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK
- JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH
- JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
- NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATION (NCWO)
- WOMEN'S AID ORGANISATION (WAO)
- WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE (WCC)
- ALL WOMEN ACTION SOCIETY (AWAM)

2019 - JKRT
DITUBUHKAN

20 AHLI

14 KERAJAAN
PERSEKUTUAN
2 KERAJAAN
NEGERI
4 NGO

MESYUARAT 2
KALI SETAHUN

(3 mesyuarat telah
diadakan)

Mengenal pasti isu dan masalah serta membincangkan kaedah penyelarasan yang terbaik dan sustainable bagi menangani isu berkaitan keganasan rumah tangga yang dibangkitkan melalui keterlibatan pihak-pihak berkepentingan.

Pemudah cara dan perantara bagi memastikan perundangan berkaitan keganasan rumah tangga termasuk Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], prosedur operasi standard agensi kerajaan serta garis panduan berkaitan keganasan rumah tangga dilaksanakan secara berkesan.

Membentuk persefahaman melalui jaringan kolaborasi strategik antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan berkaitan bagi memastikan kes keganasan rumah tangga dapat diselesaikan dengan baik.

TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH JKRT



TINDAKAN UTAMA



Menyelaras prosedur perintah perlindungan, advokasi & bantuan perlindungan (cth: prosedur permohonan IPO dan PO di Mahkamah melalui Case Management System (CMS)



Mengadakan kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri (cth: sesi libat urus di 3 negeri-Kelantan, Kedah dan Sarawak agar isu ini dibincangkan dalam platform sedia ada/ baharu



Menyelaras pelaporan data panggilan dan aduan dari agensi dan NGO (cth: Talian Kasih 15999, PDRM, JKM & NGO)



Memasukkan komponen keganasan rumah tangga dalam Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2021 KKM



Mempergiatkan hebahan berkaitan bantuan/perkhidmatan menggunakan 'banner' JKRT (cth: video pemahaman Perintah Perlindungan Kecemasan



Memperluaskan promosi perkhidmatan sedia ada (cth: Talian Kasih 15999, PDRM, JKM, WAO & AWAM)



Memperluaskan pelaksanaan program pembangunan kapasiti (cth: program kemahiran seperti Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak)



Memastikan pengoperasian Tempat Selamat bagi menampung keperluan penempatan mangsa



Meningkatkan program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti (cth: Skwad Waja, Legal Clinic, De Stress Clinic & Talian Khas Kaunseling)



Mendapatkan analisis penerimaan masyarakat terhadap mesej yang disampaikan (nilai tambah kepada pelaporan status hebahan) – kebanyakan respon positif menerusi media sosial dan mendapatkan maklumat

TINDAKAN UTAMA SEMASA COVID-19

PERINTAH PERLINDUNGAN

- Mendapatkan senarai penolong pendaftar kanan Mahkamah untuk rujukan dan urusan permohonan oleh agensi terlibat.
- Memastikan akses penuh mangsa kepada permohonan EPO, IPO dan PO.

BANTUAN PERLINDUNGAN

- Memastikan pengoperasian Tempat Selamat dengan sepenuhnya.
- Menggunakan 2 Rumah Perlindungan Wanita di Kota Kinabalu & Kota Bharu untuk penempatan mangsa.
- Mengemukakan permohonan kepada KKM untuk pengecualian bayaran saringan pengesahan Covid-19 untuk mangsa.
- Program Masjid sebagai Pusat Transit Sementara

HEBAHAN & ADVOKASI

- Memperluaskan hebahan berkaitan bantuan dan perkhidmatan sedia ada dalam media sosial (cth: infografik isu, hak, kumpulan dilindungi, tindakan boleh diambil).
- Mengadakan sesi libat urus bersama syarikat telekomunikasi/ agensi kerajaan (cth: Maxis, KKMM & MKN).
- Menggunakan hebahan menerusi Sistem Pesanan Ringkas MKN untuk capaian lebih luas.

PEMBANGUNAN KAPASITI

- Mengadakan program pengupayaan diri dan khidmat nasihat untuk mangsa (cth: bidang keusahawanan -: Program Penjanaan Pendapatan Wanita/ Kerjaya MEDAC).

PROGRAM KERJASAMA

- Mendapatkan kerjasama PDRM untuk memudahkan pergerakan mangsa semasa sekatan jalan raya.
- Mengemukakan surat sokongan terhadap permohonan WAO untuk mewujudkan talian bebas tol dari KKMM.
- Mengemukakan surat sokongan kepada NGO untuk memudahkan pergerakan dan pengendalian kes keganasan rumah tangga

BANTUAN SOKONGAN LAIN

- Menyediakan khidmat kaunseling menerusi Talian Kasih 15999.
- Menggunakan Talian Sokongan Psikososial Kebangsaan COVID-19 oleh KKM.
- Memperluaskan program sokongan seperti Legal Clinic, De Stress Clinic, Skwad WAJA & khidmat kaunseling.
- Memberikan bantuan kewangan kepada mangsa (cth: Tabung Bantuan Segera, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Bakul Prihatin)

ANTARA USAHA ADVOKASI KEGANASAN RUMAH TANGGA

KPWKM

JPW

JAKIM

PDRM

MESEJ MKN

LAPORKAN KEGANASAN RUMAH TANGGA

PERKHIDMATAN DAN BANTUAN YANG DIBERIKAN DI BAWAH AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1984

- Penerangan hak perlindungan
- Permohonan perintah perlindungan
- Pengangkutan ke hospital/ klinik (jika perlu)
- Menemani mengambil barang-barang peribadi
- Menyediakan tempat selamat (jika perlu)

Hubungi!
 Talian Kasih KPWKM 15999 / WhatsApp 019 261 5999 / FORM 999
 NGO: WAD Hotline 03 8008 8058 / WhatsApp 018 988 8058
 AWAM 016 237 4223

Measj di Whatsapp dan Jovabotwaas Mesasjng Keganasan Rumah Tangga

SKUAD WAJAWANITA ANTI INENAYAH

SERTAI KAMI SEKARANG!
 BERSAMA KITA HEBANTERAS JENYAH & KEGANASAN TERHADAP WANITA

BILA MBAS OR CODE UNTUK PENYERTAAN DAN PAKLIMAT LANJUT

MASJID SEBAGAI PUSAT TRANSIT MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

14 Masjid terpilih dalam WP Kuala Lumpur

- Masjid Wilayah Persekutuan
- Masjid Al-Chufuran, TTD
- Masjid Al-Imam al-Ghazali
- Masjid Al-Qurtubi
- Masjid Annu Bin Al-As
- Masjid Salahuddin Al-Ayubdi
- Masjid Al-Imam Ayy Syafie
- Masjid Ar Rahimah
- Masjid Jameel Ehsan
- Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah
- Masjid Al-Mugarrabin
- Masjid Az-Zubair Bin Awwam
- Masjid Ar-Rahman
- Masjid Al-Ikhlasiah

KEGANASAN RUMAH TANGGA: JANGAN TAKUT LAPOR KEPADA POLISI

MANGSA boleh tampil membuat laporan di mana-mana sahaja, pada waktu-pun, manapun, termasuk dalam menjalankan kesedaran. Mangsa berhak mendapat bantuan.

SMS MKN: 8 Jun 2021 - Bersama tangani keganasan rumah tangga semasa PKP. Salurkan aduan di Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019261 5999. Talian bebas tol ini beroperasi 24 jam

KEGANASAN RUMAH TANGGA

Sesialpa sahaja penduduk di Malaysia adalah dilindungi dari keganasan rumah tangga di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1984. Perukuan ini terpelagi bagi mereka yang ada hubungan perkuhanian dan hubungan keluarga sahaja.

Mangsa keganasan rumah tangga boleh melaporkan kejadian keganasan terhadappnya ke:

- Talian Polis yang berhampiran atau pengaduan boleh dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / pejabat yang berhampiran
- Menghubungi Talian Kasih 15999

Meluk teruka ke hospital yang berhampiran sekiranya diabaikan

TALIAN Kasih 15999 WhatsApp 019 26 15999

MASJID JADI PUSAT TRANSIT KEGANASAN RUMAH TANGGA

PUSAT TRANSIT

12 PUSAT ADUAN & KHIDMAT KAUINSUNG

MASJID SEBAGAI PUSAT TRANSIT MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Erti Keganasan Rumah Tangga

1. Sengaja / cuba melakkan mangsa dalam ketulutan.
2. Mencederakan secara fizikal.
3. Memaksa / mengancam mengulangi perbuatan seksual.
4. Mengurung / menahan tanpa kerelaan.
5. Khianah / merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan / keganasan.

KEGANASAN RUMAH TANGGA: JANGAN TAKUT LAPOR KEPADA POLISI!

Apas yang berlaku mansa harus? Laporkan kepada polis secepat mungkin.

Menyediakan perkhidmatan terhadap mangsa keganasan rumah tangga

SMS MKN: 20 April 2020 - Kerajaan memandang serius kes keganasan rumah tangga dan penderaan sepanjang tempoh PKP. Salurkan aduan kepada PDRM atau Talian Kasih 15999.

COVID-19: MEMBEBASAKAN DIRI DARIPADA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Wanita yang mengalami keganasan rumah tangga disarankan:

1. Menghubungi ahli keluarga & rakan-rakan yang boleh membantu
2. Memanggil badan untuk keselamatan diri memba & anak jika kesialan lebih teruk.
3. Menyimpan nombor telefon jiran tetangga, kakak-akak & ahli keluarga
4. Ada akses kepada dokumen penting, wang, barangan peribadi yang boleh dibawa bersama dengan segera
5. Menyediakan dokumen berkaitan diri & mendaftarkan barangan (jika & mampukan)
6. Menyimpan maklumat talian bantuan, pekerja sosial, pertubuhan kebajikan / badan pertubuhan, rumah perlindungan & hospital setempat

HUBUNGI nombor kecamasan

TALIAN Kasih 15999 WhatsApp 019 261 5999

HENTI DAN LAPORKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

15999 Talian Negara 999

MASJID SEBAGAI PUSAT TRANSIT MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

14 Masjid terpilih dalam WP Kuala Lumpur

- Masjid Wilayah Persekutuan
- Masjid Al-Chufuran, TTD
- Masjid Al-Imam al-Ghazali
- Masjid Al-Qurtubi
- Masjid Annu Bin Al-As
- Masjid Salahuddin Al-Ayubdi
- Masjid Al-Imam Ayy Syafie
- Masjid Ar Rahimah
- Masjid Jameel Ehsan
- Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah
- Masjid Al-Mugarrabin
- Masjid Az-Zubair Bin Awwam
- Masjid Ar-Rahman
- Masjid Al-Ikhlasiah

KEGANASAN RUMAH TANGGA

25 pilmasjntes Apas

Skuad Waja Kibangsaan

KEGANASAN RUMAH TANGGA

25 pilmasjntes Apas

Hebahan infografik KRT di semua agensi kerajaan bermula Oktober 2021



ISU DAN CABARAN



1

Pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif tanpa mengoptimumkan sumber sedia ada



2

Penumpuan kepada kepelbagaian program berbentuk bantuan



3

Kesukaran dalam pelaporan data secara menyeluruh




4

Tahap akses dan kebolehcapaian penuh kepada bantuan dan perkhidmatan

HALA TUJU TINDAKAN JKRT



PEWUJUDAN JAWATANKUASA KERJA



JAWATANKUASA MENANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA

KSU KPWKM

JAWATANKUASA KERJA ADVOKASI & PEMBANGUNAN KAPASITI

KP JPW

- **Menyelaras, melapor dan mengesyorkan maklumat mengenai program advokasi, kesedaran, intervensi, bahan hebahan** dan sebagainya yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan NGO dengan penggunaan *banner* JKRT.
- Mempertingkatkan **kolaborasi strategik** antara agensi dan NGO terlibat.

JAWATANKUASA KERJA PERLINDUNGAN

KP JKM

- **Menyelaras maklumat dan prosedur termasuk data mengenai pengeluaran perintah perlindungan (EPO, IPO & PO), penyediaan/ pengoperasian tempat selamat/ rumah perlindungan.**
- Melapor dan membuat pengesyoran berkaitan **tindakan perlindungan yang disediakan atau cadangan penambahbaikan.**

JAWATANKUASA KERJA DATA

SUB (BDPS)

- **Menyelaras maklumat dan data** merangkumi panggilan dan aduan kes dari semua agensi dan NGO.
- Melapor dan membuat pengesyoran berkaitan data keganasan rumah tangga kepada JKRT bagi memastikan **pelaporan data adalah holistik dan tepat** mengikut tafsiran di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

PENGENDALIAN ISU ATAU PERKARA BERKAITAN KEGANASAN RUMAH TANGGA SECARA BERKESAN MENERUSI *CONCERTED EFFORTS* ANTARA AGENSI KERAJAAN DAN NGO



3 JAWATANKUASA KERJA



PERKONGSIAN SUMBER/ KEPAKARAN / MELALUI KOLABORASI STRATEGIK



MEMPERLUASKAN AKSES KEPADA BANTUAN & PERKHIDMATAN



MELIPATGANDAKAN HEBAHAN DAN ADVOKASI SECARA BERSASAR



MENINGKATKAN PELUANG PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI/ PENGUPAYAAN DIRI




PENYEDIAAN PELAPORAN DATA SECARA BERSISTEMATIK

WHOLE-OF-NATION APPROACH

CADANGAN KERJASAMA

1




Menggunakan Rumah Ibadat
sebagai Pusat Transit
Sementara

2



Menjadi *champion* bagi isu
KRT dalam kalangan
komuniti

3



Menjadikan isu KRT sebagai agenda tetap
dalam platform sedia ada/ baharu
di peringkat negeri atau daerah



Sekian, terima kasih.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA
DAN KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL PARLIMEN KE-14
BILANGAN 3 TAHUN 2021**

**LAPORAN DAN PELAN JAWATANKUASA MENANGANI KEGANASAN
RUMAH TANGGA**

LATAR BELAKANG

Penubuhan JKRT

1. Isu keganasan rumah tangga adalah dikendalikan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk melindungi hak dan keselamatan mangsa keganasan rumah tangga sama ada wanita, lelaki, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan kanak-kanak.
2. Berikutan trend kes keganasan rumah tangga dan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) terlibat, sebagai langkah proaktif, Kementerian ini telah menubuhkan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT) pada November 2019.

3. Jawatankuasa ini berperanan sebagai satu *platform* utama bagi menyelaraskan serta memantau usaha dan perkara berkaitan keganasan rumah tangga.
4. Fungsi jawatankuasa ini adalah seperti berikut:
 - a) mengenal pasti isu dan masalah serta membincangkan kaedah penyelarasan yang terbaik dan *sustainable*;
 - b) sebagai pemudah cara bagi memastikan perundangan berkaitan keganasan rumah tangga, prosedur operasi standard serta garis panduan dilaksanakan dengan berkesan; dan
 - c) membentuk persefahaman melalui jaringan kolaborasi strategik antara semua agensi kerajaan dan NGO.
5. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya 2 kali dalam setahun atau mengikut keperluan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPWKMM serta dianggotai oleh 20 ahli yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan NGO seperti berikut:
 - a) Agensi kerajaan
 - i. Kementerian Dalam Negeri
 - ii. Kementerian Kesihatan Malaysia

- iii. Jabatan Peguam Negara
- iv. Polis Diraja Malaysia
- v. Mahkamah Persekutuan Malaysia
- vi. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- vii. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- viii. Jabatan Imigresen Malaysia
- ix. Jabatan Bantuan Guaman
- x. Jabatan Pendaftaran Negara
- xi. Jabatan Kebajikan Masyarakat
- xii. Jabatan Pembangunan Wanita
- xiii. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
- xiv. Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
- xv. Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah
- xvi. Hospital Kuala Lumpur

b) NGO

- i. *National Council of Women's Organization Malaysia*
- ii. *Women's Centre for Change*
- iii. *Women's Aid Organisation*
- iv. *All Women Action Society*

Tindakan Pelaksanaan di bawah Jawatankuasa

6. Pelbagai inisiatif dan tindakan pelaksanaan telah diselaraskan di bawah jawatankuasa ini, yang antaranya utama adalah seperti berikut:

- a) menyelaraskan prosedur perintah perlindungan, advokasi dan bantuan perlindungan antara agensi kerajaan dan NGO agar gerak kerja dan pengendalian kes adalah secara bersistematik termasuk *response time*. Contohnya, prosedur permohonan Perintah Perlindungan Interim – *Interim Protection Order* dan Perintah Perlindungan - *Protection Order* yang dikeluarkan oleh Mahkamah yang dibuat melalui sistem atas talian;
- b) mengadakan kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri seperti Kedah, Sarawak dan Kelantan agar isu keganasan rumah tangga dijadikan salah satu agenda dalam platform sedia ada di

peringkat negeri, contohnya Majlis Sosial Negeri, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri/ Daerah atau mana-mana platform yang bersesuaian;

- c) menyelaraskan pelaporan data panggilan dan aduan menerusi Talian Kasih 15999, PDRM, JKM, OSCC dan NGO untuk memudahkan pemetaan program advokasi dan bantuan yang lebih bersasar;
- d) memasukkan komponen keganasan rumah tangga dalam *National Morbidity Health Survey (NHMS) 2021* yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil kira kepentingan untuk melihat prevalens kes keganasan rumah tangga dalam negara. Dalam ini, *target population* adalah ibu berumur 15-49 tahun dengan kelahiran akhir kurang dari 2 tahun dan kanak-kanak;
- e) mempergiatkan hebahan mengenai bantuan dan perkhidmatan sedia ada agensi lain menggunakan 'banner' jawatankuasa agar orang awam dilengkapi dengan maklumat utama berkaitan keganasan rumah tangga serta mengelakkan mangsa tidak terus berada dalam kitaran keganasan rumah tangga yang boleh mengancam diri sendiri dan ahli keluarga lain. Contohnya, perkongsian video pemahaman Perintah Perlindungan Kecemasan – *Emergency Protection Order (EPO)* menerusi media sosial;

- f) memperluaskan usaha promosi berkaitan perkhidmatan “Talian Kasih 15999” dan aplikasi WhatsApp 019-26 15999, PDRM, JKM, WAO dan AWAM agar orang awam atau mangsa mengetahui platform aduan yang boleh diguna pakai;
- g) memperluaskan pelaksanaan program pembangunan kapasiti dalam bidang kemahiran seperti Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak- Kanak untuk membantu penjanaan pendapatan;
- h) memastikan pengoperasian Tempat Selamat bagi menampung keperluan penempatan mangsa;
- i) meningkatkan program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti khususnya bagi wanita menerusi Skwad Wanita Anti Jenayah (WAJA), *Legal Clinic*, Klinik De Stress dan Talian Khas Kaunseling KPWKM; dan
- j) mendapatkan analisis mengenai penerimaan masyarakat terhadap mesej-mesej disampaikan sebagai nilai tambah kepada pelaporan berkaitan status hebahan dan meneliti kaedah/ maklumat penyampaiannya.

Tindakan Pelaksanaan Semasa Pandemik Covid-19

7. Pandemik Covid-19 termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menuntut komitmen yang lebih tinggi daripada agensi kerajaan dan NGO berkaitan dalam memastikan kelangsungan

perkhidmatan dengan norma baharu agar ianya masih boleh terus diakses oleh pihak yang memerlukan khususnya mangsa keganasan rumah tangga. Berikut adalah ringkasan berkaitan tindakan yang diselaraskan :

a) Perintah Perlindungan

- i. mendapatkan senarai penolong pendaftar kanan Mahkamah sebagai rujukan kepada agensi penguatkuasa iaitu JKM dan PDRM untuk memudahkan urusan permohonan IPO dan PO semasa PKP.
- ii. memastikan akses penuh oleh mangsa kepada permohonan EPO, IPO dan PO.

b) Bantuan Perlindungan

- i. memastikan pengoperasian Tempat Selamat di bawah seliaan kerajaan.
- ii. mengguna pakai Rumah Perlindungan Wanita di Kota Bharu dan Kota Kinabalu bagi menempatkan mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan.
- iii. mengemukakan permohonan kepada KKM untuk mendapatkan pengecualian bayaran saringan pengesanan Covid-19 untuk mangsa sebelum ditempatkan di Tempat Selamat.
- iv. melaksanakan program kerjasama Masjid sebagai Pusat Transit Sementara bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menampung keperluan penempatan mangsa sementara.

- c) Hebahan dan Advokasi
- i. memperluaskan hebahan mengenai bantuan dan perkhidmatan yang boleh diakses dalam media sosial serta menggesa orang ramai atau mangsa tampil membuat laporan. Sebagai contoh, infografik mengenai isu, hak, kumpulan dilindungi, perkhidmatan dan tindakan yang boleh diambil.
 - ii. mengadakan sesi libat urus antara agensi kerajaan dan syarikat telekomunikasi seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Maxis.
 - iii. membuat hebahan melalui sistem pesanan ringkas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mempunyai capaian sebanyak 38.6 juta pada 29 April 2020 dan 8 Jun 2021. Ini juga termasuk hebahan infografik kepada semua agensi kerajaan menerusi KKMM.
- d) Pembangunan kapasiti
- i. mengadakan program pembangunan kapasiti dan pengupayaan diri untuk mangsa, contohnya dalam bidang keusahawanan yang mana seramai 5,634 telah menyertai Program Penjanaan Pendapatan Wanita/ Kerjaya menerusi kerjasama strategik antara KPWKM dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

e) Program Kerjasama

- i. mendapatkan kerjasama PDRM bagi membolehkan pergerakan mangsa untuk membuat laporan atau aduan semasa PKP.
- ii. mengemukakan surat sokongan bagi permohonan *Women Aid's Organisation (WAO)* untuk mewujudkan talian bebas tol daripada KKMM.
- iii. mengemukakan surat sokongan kepada NGO untuk memudahkan pergerakan dan pengendalian kes semasa sekatan jalan raya.

f) Bantuan Sokongan Lain

- i. menyediakan dan menguar-uarkan khidmat kaunseling menerusi Talian Kasih 15999 dengan menggunakan kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia;
- ii. menggunakan Talian Psikososial Kebangsaan Covid-19 yang disediakan oleh KKM yang juga melibatkan skop keganasan rumah tangga.
- iii. memperluaskan program sokongan seperti Legal Clinic, De-Stress Clinic, Skwad WAJA.
- iv. memberi bantuan kewangan kepada mangsa yang memerlukan oleh JKM tertakluk kepada syarat dan kelayakan menggunakan Tabung Bantuan Segera.

ISU DAN CABARAN DALAM MENANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA

8. Terdapat beberapa isu dan cabaran dalam tindakan pelaksanaan menangani isu keganasan rumah tangga yang menyebabkan kesukaran dalam penyelarasan dan pelaporan data keseluruhan iaitu:
- a) pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif secara berasingan tetapi hampir sama tanpa mengoptimumkan sumber sedia ada selain limitasi peruntukan dan *manpower*;
 - b) penumpuan kepada kepelbagaian program berbentuk bantuan berbanding program pencegahan yang lebih berfokuskan kepada mangsa;
 - c) kesukaran dalam pelaporan data secara menyeluruh disebabkan:
 - i. pelbagai platform panggilan dan aduan seperti Talian Kasih 15999, PDRM, JKM, *One Stop Crisis Centre* (OSCC) dan NGO yang berpotensi berlakunya pertindihan atau ketidaktepatan pelaporan data.
 - ii. perbezaan tafsiran keganasan rumah tangga antara agensi seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan OSCC.
 - iii. ketiadaan satu pangkalan data berpusat.

- d) kebolehcapaian dan tahap akses penuh kepada bantuan dan perkhidmatan disediakan seperti Tempat Selamat/ Tempat Berlindung, khidmat nasihat atau kaunseling, program pengupayaan diri dan sebagainya.

Hala Tuju Tindakan Jawatankuasa

- 9. Selari dengan hasrat penubuhan dan fungsi jawatankuasa ini, bagi memperhalusi tindakan serta mekanisme pelaksanaan dan pengendalian kes secara holistik dan efektif termasuk menambahbaik aspek advokasi, perlindungan dan pelaporan data, tiga (3) jawatankuasa kerja telah dibentuk di bawah jawatankuasa ini iaitu Jawatankuasa Advokasi dan Pembangunan Kapasiti, Perlindungan dan Data yang menjadi model yang baik dalam menampilkan sinergi antara agensi dan NGO terlibat.
- 10. Jawatankuasa kerja ini turut dianggotai oleh agensi kerajaan dan NGO yang akan bertindak dalam menyelaraskan maklumat, program dan prosedur secara bersistematik.
 - a) Jawatankuasa Kerja Advokasi dan Pembangunan Kapasiti
 - i. menyelaraskan maklumat mengenai program advokasi, kesedaran, intervensi dan bahan hebahan yang dilaksanakan dengan *banner* jawatankuasa; dan

- ii. melapor dan membuat pengesyoran berkaitan program advokasi dan kesedaran (yang dilaksanakan dan perlu dilaksanakan) bagi JKRT memastikan perancangan dan pelaksanaan program lebih bersasar termasuk mempertingkatkan kolaborasi strategik antara agensi dan NGO terlibat.

b) Jawatankuasa Kerja Perlindungan

- i. menyelaraskan maklumat dan prosedur termasuk data mengenai pengeluaran perintah perlindungan (EPO, IPO & PO) serta penyediaan/ pengoperasian tempat selamat; dan
- ii. melapor dan membuat pengesyoran tindakan perlindungan yang disediakan atau cadangan penambahbaikan kepada JKRT bagi pengendalian kes secara berkesan dan memastikan bantuan/ perkhidmatan mudah diakses oleh mangsa atau orang awam.

c) Jawatankuasa Kerja Data

- i. menyelaraskan maklumat dan data berkaitan panggilan dan aduan kes dari agensi termasuk NGO; dan
- ii. melapor dan membuat pengesyoran berkaitan data keganasan rumah tangga kepada JKRT bagi memastikan

pelaporan data adalah holistik dan tepat mengikut tafsiran di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

11. Bagi memastikan pengendalian isu atau kes keganasan rumah tangga adalah secara holistik, hala tuju jawatankuasa ini menerusi 3 jawatankuasa kerja adalah seperti berikut :

- a) perkongsian sumber dan kepakaran melalui kolaborasi strategik antara agensi kerajaan, swasta, ahli akademik dan NGO dalam pelaksanaan kursus, program, bantuan sokongan dan sebagainya;
- b) perluasan akses kepada bantuan dan perkhidmatan yang disediakan agar mangsa sama ada kawasan bandar tanpa luar bandar meliputi semua lapisan masyarakat terlibat;
- c) melipatgandakan hebahan dan advokasi secara bersasar menerusi pemetaan program mengikut trend kes mengikut lokasi, punca, kategori terlibat dan lain-lain;
- d) meningkatkan peluang program pembangunan kapasiti dan pengupayaan diri kepada mangsa secara kerjasama dengan agensi atau NGO terlibat; dan
- e) menambah baik penyelarasan dan penyediaan data yang menyeluruh ke arah hasrat untuk mewujudkan satu pangkalan data bagi keganasan rumah tangga.

12. KPWKM sentiasa memastikan kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasaran di bawah Kementerian ini dijaga dan dititikberatkan demi kelangsungan hidup dan kesejahteraan institusi keluarga. KPWKM juga positif akan hala tuju jawatankuasa ini yang akan dapat memberikan impak baik kepada mangsa dan masyarakat.

Nota Pembentangan: 6 Cadangan Penambahbaikan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT)

*Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial
Yu Ren Chung – Timbalan Pengarah Eksekutif, Women's Aid Organisation (WAO). 7 Oktober 2021*

Latar belakang JKRT

- Pelbagai pihak terlibat dalam menangani keganasan rumah tangga (KRT). Oleh itu, pelbagai negara telah mewujudkan mekanisme *multi-stakeholder* untuk menangani KRT – yang melibatkan agensi-agensi kerajaan, NGO, dan pihak lain.
- JKRT di Malaysia diwujudkan selepas kenyataan YB Hannah Yeoh (Timb. Menteri KPWK) dalam Dewan Rakyat pada tahun 2019, berikutan perbincangan dengan WAO.
- Pada mesyuarat JKRT pada 9 September 2021, JKRT telah bersetuju untuk mewujudkan tiga jawatankuasa kerja: advokasi dan pembangunan kapasiti, perlindungan, dan data.

Ringkasan aktiviti & impak JKRT

- JKRT telah bermesyuarat pada 28 November 2019, 4 Jun 2020, dan 9 September 2021 (mesyuarat rasmi) – dan pada 25 Januari 2021 (perbincangan respon KRT semasa PKP).
- Antara hasil JKRT setakat ini termasuk:
 - Menyelaraskan komunikasi awam berkaitan KRT (SMS oleh MKN, kenyataan media oleh PDRM, bahan-bahan media sosial oleh KPWK).
 - Menyelaraskan perkongsian data (data PDRM, JKM, Talian KASIH, KKM, Mahkamah, dan NGO); dan pengumpulan data (mendapatkan kerjasama Institut Kesihatan Umum untuk memasukkan soalan-soalan KRT dalam *National Health and Morbidity Survey 2022*).
 - Menjadi platform untuk agensi-agensi menyelaraskan isu-isu KRT semasa PKP (contohnya mengesahkan cara mendapatkan perintah perlindungan semasa PKP) dan secara amnya; dan platform penyelarasan dan komunikasi antara agensi kerajaan dan NGO.

Cadangan aktiviti lanjut & penambahbaikan KRT

- Kewujudan JKRT telah memastikan isu KRT kekal dalam agenda kerajaan. Namun, JKRT berpotensi untuk memainkan peranan yang lebih mendalam dan proaktif.
- Cadangan 1: Sediakan dan laksanakan **pelan data** KRT, termasuk menaja tinjauan berkala
BUNUH	127	0	1	36	126	163	47	5	42	2	40	9	0	0	1	0	16	1	0	0	163
ROGOL	2,192	3	28	669	1,661	2,361	1,891	16	105	0	56	0	1	0	11	0	239	1	41	0	2,361
SAMUN BERKAWAN BERS/API	9	0	0	0	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	1,175	0	5	179	1,007	1,191	597	33	61	2	424	21	3	0	2	0	35	6	7	0	1,191
SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	191	0	1	41	161	203	103	7	11	1	60	5	0	0	1	0	9	2	3	1	203
MENCEDERAKAN	1,445	1	15	463	1,361	1,840	824	44	294	14	500	9	7	0	3	0	115	5	22	3	1,840
JUMLAH	5,139	4	50	1,388	4,317	5,759	3,463	105	513	19	1,080	44	11	0	18	0	414	15	73	4	5,759
JENAYAH HARTABENDA :																					
CURI	3,533	30	130	1,131	2,491	3,782	2,156	228	170	40	481	67	0	0	24	1	500	54	54	7	3,782
CURI MOTOKAR	189	3	2	30	135	170	96	13	12	1	26	2	0	0	1	0	17	1	1	0	170
CURI MOTOSIKAL	4,372	3	76	1,331	2,724	4,134	3,204	109	197	3	360	4	2	0	24	1	195	6	26	3	4,134
CURI VAN/LORI/J'BERAT	32	0	0	4	27	31	11	0	3	0	16	0	0	0	0	0	1	0	0	0	31
CURI RAGUT	40	0	0	10	38	48	29	2	2	1	11	0	0	0	0	0	3	0	0	0	48
PRC	1,944	21	65	594	1,262	1,942	1,203	48	53	10	248	10	0	0	10	0	304	22	31	3	1,942
JUMLAH	10,110	57	273	3,100	6,677	10,107	6,699	400	437	55	1,142	83	2	0	59	2	1,020	83	112	13	10,107
JUMLAH JENAYAH INDEKS	15249	61	323	4488	10994	15866	10162	505	950	74	2222	127	13	-	77	2	1434	98	185	17	15866

STATISTIK PENGLIBATAN DAN TANGKAPAN KANAK-KANAK DALAM JENAYAH DADAH INDEKS SELURUH MALAYSIA

TAHUN	KATEGORI	JUMLAH (KES)	PECAHAN UMUR / KATEGORI SEKSYEN DADAH																JUMLAH TANGKAPAN	PECAHAN BANGSA JANTINA																JUMLAH (TKPAN) PELAJAR		
			UMUR 7-10 TAHUN				UMUR 11-12 TAHUN				UMUR 13-15 TAHUN				UMUR 16-18 TAHUN					MELAYU		CINA		INDIA		SIKH/P UNJABI		ASLI		SABAH & SARAWAK				LAIN-LAIN BANGSA			RA	
			BEKALAN	MEMILIKI	URIN	LAIN-LAIN	BEKALAN	MEMILIKI	URIN	LAIN-LAIN	BEKALAN	MEMILIKI	URIN	LAIN-LAIN	BEKALAN	MEMILIKI	URIN	LAIN-LAIN		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P			
2018	BERSEKOLAH	1,923		1					1		10	66	171		93	405	1,176	3	1,926	1,314	110	81	16	120	1	1		1		186	30	40	7	17	2	1,926		
	TERCICIR	1,557	1					1	10		15	68	167		75	305	915		1,557	892	89	45	22	80	2		5		114	39	32	9	190	38	1,557			
JUMLAH 2018		3,480	1	1	0	0	0	1	11	0	25	134	338	0	168	710	2,091	3	3,483	2,206	199	126	38	200	3	1	0	6	0	300	69	72	16	207	40	3,483		
2019	BERSEKOLAH	3,580	1				1	1			49	182	187		327	1,410	1,420	2	3,580	2,443	287	131	22	220	12		1	2		278	37	98	14	28	7	3,580		
	TERCICIR	3,395	1	1	2		3	1	4		56	191	247		278	1,272	1,333	6	3,395	1,852	226	120	47	224	15	1		5	4	256	47	98	8	423	69	3,395		
JUMLAH 2019		6,975	2	1	2	0	4	2	4	0	105	373	434	0	605	2,682	2,753	8	6,975	4,295	513	251	69	444	27	1	1	7	4	534	84	196	22	451	76	6,975		
2020	BERSEKOLAH	3,189	4				8	5	2		70	295	296	3	350	1,074	1,061	21	3,189	2,114	254	142	27	168	7			4		330	52	52	10	22	7	3,189		
	TERCICIR	2,256	2	4			4	2	1		23	142	125	3	175	932	823	20	2,256	1,384	206	66	16	149	3			4	6	163	29	29	12	161	28	2,256		
JUMLAH 2020		5,445	6	4	0	0	12	7	3	0	93	437	421	6	525	2,006	1,884	41	5,445	3,498	460	208	43	317	10	0	0	8	6	493	81	81	22	183	35	5,445		
2021	BERSEKOLAH	1,837					2	2			35	86	86		269	726	630	1	1,837	1,197	162	72	21	114	3	1		6	1	178	26	34	13	5	4	1,837		
	TERCICIR	1,206	1				1		1		24	62	56		150	499	411	1	1,206	703	94	37	24	111	6	2		5		83	12	25	4	88	12	1,206		
JUMLAH 2021 (JAN-OKT)		3,043	1	0	0	0	3	2	1	0	59	148	142	0	419	1,225	1,041	2	3,043	1,900	256	109	45	225	9	3	0	11	1	261	38	59	17	93	16	3,043		
JUMLAH KESELURUHAN		18,943	10	6	2	0	19	12	19	0	282	1,092	1,335	6	1,717	6,623	7,769	54	18,946	11,899	1,428	694	195	1,186	49	5	1	32	11	1,588	272	408	77	934	167	18,946		

A blurred office desk with a keyboard and mouse, overlaid with a dark horizontal band containing the text 'TERIMA KASIH'. The background shows a desk with a keyboard, mouse, and a laptop, with a window and curtains in the background. The text is centered on a dark horizontal band.

TERIMA KASIH

Pembentangan Kepada
Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak
Dan Pembangunan Sosial

CADANGAN PINDAAN RUU ANTI-GANGGUAN SEKSUAL 2021

[D.R. 18/2021]

Dibentangkan oleh:



AGENDA

1. Apakah cadangan pindaan kami?
2. Adakah cadangan peruntukan kami berkaitan “Tanggungjawab Organisasi” mengenakan **bebanan baru** kepada organisasi?
3. Adakah cadangan peruntukan berkaitan “Tanggungjawab Organisasi” **berfaedah untuk organisasi?**
4. Apakah **rasional ekonomi** yang menyokong kemasukan “Tanggungjawab Organisasi” dalam rang undang-undang?



PENDAHULUAN

Perlembagaan Persekutuan

Akta Pekerjaan 1955

**Akta Perhubungan
Perusahaan 1967**

**Akta Perlindungan
Pengguna 1999**

Akta SPRM 1999

**Akta Komunikasi dan
Multimedia 1998**

Akta Kanak-kanak 2001

**Akta Pengurusan Strata
2013**

Pekeliling No. 5 2018

Tataamalan KSM

Cadangan pindaan disokong kuat oleh undang-undang duluan (*legal precedence*) tempatan dan antarabangsa dengan lebih daripada 30 tahun penyelidikan dan perangkaan.

Singapura

Korea

Filipina

Australia

New Zealand

UK

Kanada

AS

GANGGUAN SEKSUAL ADALAH ISU NASIONAL

Kajian pada tahun 2020 yang dijalankan oleh [Jabatan Pembangunan Wanita](#) (KPWKM) mendapati bahawa:

28,852

orang awam di Malaysia yang datang dari pelbagai latar belakang sosiodemografi.

64%

18,457 orang responden menyatakan yang mereka pernah diganggu secara seksual.

24.9%

6,743 orang* melaporkan gangguan seksual berlaku di **institusi pendidikan**.

44.4%

11,993 orang* mengalami gangguan seksual di **tempat awam**.

30.7%

8,296 orang* pula mengalami gangguan seksual di **atas talian**.

*Dalam 27,032 orang yang jawab soalan ini:

GANGGUAN SEKSUAL BERLELUASA DI TEMPAT KERJA

Daripada 1,002 orang Malaysia yang di tinjau melalui [YouGov pada 2019](#), didapati bahawa::

35% wanita

dan

17% lelaki

Mengalami gangguan seksual, hanya

2.2% mangsa

melaporkan kepada pihak atasan. Tiga (3) sebab utama untuk tidak melaporkan hal tersebut adalah kerana malu, perasaan yang tiada orang akan mengambil berat dan takutkan

kesannya

Gangguan seksual memberi kesan kepada lelaki dan wanita. Seperti yang dilaporkan pada PDRM pada 2017

226 wanita

Melaporkan gangguan seksual berbanding dengan

41 lelaki

Walaupun kekurangan laporan menjadi isu, tinjauan oleh YouGov mendapati bahawa

Wanita lebih kerap membuat laporan daripada lelaki

(57% vs 44%)

Daripada 1010 wanita yang ditinjau oleh [WAO dan Vase.ai](#) pada 2020,

62%

Telah mengalami gangguan seksual di

Tempat kerja

Daripada 455 jururawat yang bekerja di hospital awam di Melaka pada 2012, penyelidikan [UKM](#) mendapati:

51.2%

telah mengalami gangguan seksual, dimana

74.7%

Daripada mereka mengalami kesan psikologi akibat pengalaman gangguan seksual yang mereka lalui.

IA PERLU DITANGANI SEKARANG DENGAN SEGERA

Peningkatan kesedaran dan perbualan dikalangan penduduk di Malaysia dalam hal gangguan seksual



Peningkatan kehendak (*demand*) ke atas satu perundangan gangguan seksual yang menyeluruh dan berkesan



Peningkatan jumlah penduduk di Malaysia yang terbabit dengan ekonomi gig.



Penelitian / *Scrutiny*



Mandat Rakyat



Pendedahan / *Vulnerability*

**APAKAH CADANGAN PINDAAN KAMI
KEPADA RANG UNDANG UNDANG?**

RUMUSAN CADANGAN PINDAAN

Secara keseluruhannya, cadangan pindaan RUU AGS 2021 boleh dikategorikan kepada dua (2) bahagian:

Penambahan Seksyen Baru

Larangan Gangguan Seksual

Larangan Membantu Gangguan Seksual

Tanggungjawab Organisasi Bagi Mencegah
& Menangani Gangguan Seksual

Penganiayaan / *Victimisation*

Jawatankuasa Pemantau

Penambahbaikan Seksyen Sedia Ada

Preamble / Mukadimah

Bahagian I - Interpretasi

Bahagian II:
Seksyen 4(1), 10, 13(3), 20(1), 25 dan 25

Nota: Sila rujuk Memorandum untuk maklumat lanjut.

PENAMBAHBAIKKAN PERUNTUKAN SEDIA ADA

Tafsiran Gangguan Seksual

“Gangguan seksual” ertinya segala perbuatan yang bersifat seksual yang tidak diinginkan, dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal kepada seseorang, ~~yang ditujukan kepada~~ terhadap seseorang yang secara munasabahnyanya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya atau membuatkan seseorang itu tersinggung atau terhina atau terancam kepada kesejahteraannya.

**Penambahbaikkan tafsiran
gangguan seksual
merangkumi keadaan
sebenar isu dan menutupkan
jurang dalam rangka
undang-undang yang sedia
ada.**

PERUNTUKAN BARU

Larangan Gangguan Seksual

Tiada seorang pun boleh melibatkan diri dalam gangguan seksual terhadap orang lain

Larangan Membantu Gangguan Seksual

- (1) Tiada seorang pun boleh meminta, mengarahkan, mendorong, menggalakkan atau membantu seseorang untuk melakukan gangguan seksual terhadap orang lain atau melibatkan orang lain dalam apa jua perbuatan yang dilarang di dalam akta ini.
- (2) Sesiapa yang dengan sengaja meninggalkan pemberian maklumat tentang gangguan seksual orang di bawah tanggungannya, boleh dipandang telah mendorong, menggalakkan dan membantu seseorang untuk melakukan gangguan seksual terhadap orang dibawah tanggungannya atau telah melibatkan di dalam perlakuan yang tidak sah di bawah akta ini

Peruntukan kepada larangan gangguan seksual menyediakan satu punca tindakan (*cause of action*) yang jelas kepada mangsa

PERUNTUKAN BARU

Penganiayaan (*Victimisation*)

- (1) Tiada seorang pun boleh menganiaya orang lain atau sesiapa yang berkaitan dengan yang kemudian dalam perhubungan dalam apa jua perlakuan gangguan seksual
- (2) Seorang yang menganiaya orang lain atau sesiapa yang berkaitan dengan yang kemudian, jika seorang itu ditakluk atau diugut untuk ditakluki yang kemudian atau sesiapa yang berkaitan dengan yang kemudian, untuk sebarang kemudaratan disebabkan oleh yang berikut:
 - a) Membuat aduan tentang gangguan seksual terhadap sesiapa;
 - b) Memulakan atau dipercayai telah memulakan prosiding di bawah akta ini;
 - c) Menolak untuk melakukan apa-apa jua yang tidak sah di bawah akta ini; atau
 - d) Melakukan sesuatu dengan niat suci dibawah peruntukan akta ini.

Peruntukan penganiayaan mangsa mengurangkan masalah tentang kekurangan laporan (*under-reporting*) pada masa yang sama, mengurangkan kemudaratan dan kos ekonomi berkaitan dengan trauma.

PERUNTUKAN BARU

Tanggungjawab Organisasi Bagi Mencegah & Menangani Gangguan Seksual

(1) Ia adalah tanggungjawab kerajaan, individu, badan dan institusi sama ada awam atau swasta, untuk mengambil langkah yang munasabah untuk menghalang gangguan seksual dan untuk menghasilkan satu persekitaraan yang bebas gangguan seksual

Nota: Organisasi juga merujuk kepada institusi pembelajaran, pengendali ruang awam dan bukan sahaja perniagaan

**Tanggungjawab organisasi
adalah berlainan
berdasarkan saiz,
perusahaan dan konteks
setiap organisasi.**

**ADAKAH CADANGAN PINDAAN
BERKENAAN “TANGGUNGJAWAB
ORGANISASI” MENGENAKAN
BEBANAN BARU UNTUK
ORGANISASI?**

Tanggungjawab Organisasi Bagi Mencegah & Menangani Gangguan Seksual

(4) Individu, badan, institusi atau pihak yang bertanggungjawab sama ada awam atau swasta yang ditetapkan di bawah (rujuk kepada subseksyen 3 di atas) boleh disabitkan atas perbuatan gangguan seksual yang dilakukan oleh pekerja, ejen, atau pihak ketiga yang dikontrak.


**Di bawah rangka
undang-undang semasa,
konsep liabiliti vikarius
(*vicarious liability*) untuk
gangguan seksual sudah
wujud. Ia tidak meletakkan
kewajipan baru.**



Selain daripada pelaku, Ain Husniza juga menamakan Kementerian Pendidikan di dalam guaman balas.



Selain daripada bekas pensyarah, pelajar tersebut juga menyaman Universiti Malaya



Dalam kes pertama yang difailkan di bawah tort gangguan seksual, mangsa juga menyaman syarikat (firma guaman)

Tanggungjawab Organisasi Bagi Mencegah & Menangani Gangguan Seksual

Dasar

Paparan (Poster)

Mekanisme Aduan dan Penyiasatan

Kaunseling & Sokongan

Kesedaran & Latihan

Pengumpulan Data, Analisis & Penerbitan

Tindakan Sewajarnya Terhadap Salahlaku

Langkah-langkah Munasabah

Perbezaannya ialah, “tanggungjawab organisasi” kini dikodkan dalam akta. Ini bukan sahaja berfaedah untuk mangsa tetapi juga untuk organisasi.

Senarai tanggungjawab positif yang dicadangkan dalam pindaan bukan luar biasa. Kebanyakan syarikat telah mewujudkan sistem tersebut. Sebagai contoh, tataamalan dan saluran pemberi maklumat

**BAGAIMANA CADANGAN
PERUNTUKAN TERHADAP
“TANGGUNGJAWAB ORGANISASI”
BERFAEDAH UNTUK ORGANISASI?**

Tanggungjawab Organisasi Bagi Mencegah & Menangani Gangguan Seksual

(5) Berkenaan dengan tanggungjawab di bawah subseksyen (2), ia menjadi satu pembelaan jika langkah munasabah yang dilakukan telah diambil untuk menghalang perbuatan yang dilarang dibawah akta ini daripada berlaku.

- 1) Menyediakan panduan yang jelas dan jangkakan yang munasabah (*reasonable*) untuk organisasi. Syarikat selalunya akan melakukan perkara yang betul kerana kebajikan pekerja memberikan kesan kewangan kepada syarikat.
- 2) Pembelaan (*legal defence*) yang jelas untuk digunapakai di mahkamah.
- 3) Satu peluang untuk menyelesaikan perkara di bawah satu platform tanpa penentangan (*non-adversarial*) di mana liabiliti maksimumnya terhad kepada RM250,000 sahaja. Tribunal juga menjimatkan kos dan tidak memerlukan yuran guaman.

**APAKAH RASIONAL EKONOMI YANG
MENYOKONG KEMASUKAN
“TANGGUNGJAWAB ORGANISASI” KE
DALAM RANG UNDANG-UNDANG?**

KOS GANGGUAN SEKSUAL BERBILION - SEKOLAH & UNIVERSITI

Kos Gangguan Seksual Terhadap Institusi Pendidikan

Penyertaan Kelas & Pelajar Tercicir

[Hill and Silva \(2005\)](#): Pelajar yang menerima gangguan seksual adalah lebih kerap untuk ponteng atau tidak menyerta dalam perbincangan dalam kelas, gugur kursus atau mengelak tempat-tempat tertentu di dalam kampus.

Kaunseling & Sokongan Kesihatan Mental

[Gender Budget Group Memorandum, analysed by AWAM](#): Jumlah anggaran tahunan kos psikoterapi minima untuk 5.3 juta pemandiri adalah RM344 juta

Aduan dan Kos Penyiasatan

Pada 2018, [Forbes](#) melaporkan bahawa serangan seksual di kampus boleh menelan belanja university berjuta-juta dalam:

Ketidakhadiran Kakitangan (Pergantungan / Penamatan)

Tuntutan Undang-Undang & Yuran Guaman

1. Kehilangan daripada pihak ketiga dan pembiayaan antarabangsa
2. Kehilangan geran akademik dan penyelidikan
3. Kehilangan sumbangan dari ahli keluarga mangsa dan alumni
4. Kehilangan sumbangan dari awam
5. Tuntutan guaman dari penuduh
6. Tuntutan guaman dari tertuduh
7. Tuntutan guaman daripada pihak berkepentingan
8. Kekurangan permohonan dan pendaftaran pelajar

Kerosakan Reputasi

KOS GANGGUAN SEKSUAL BERBILION - PERNIAGAAN



RELATE
MALAYSIA

Pada [2018](#), isu kesihatan mental di tempat kerja dianggarkan menelan perbelanjaan berjumlah

RM 14.46 billion

laitu bersamaan dengan 1% KDNK

Deloitte.

Pada [2018](#), gangguan seksual di tempat kerja menelan pembelajaran perniagaan di Australia sebanyak:

\$ 2.6 billion kerugian produktiviti

\$ 249.6 million kerugian kebajikan

\$ 0.9 billion kerugian dalam kos-kos lain seperti perolehan, kehilangan pendapatan, pengurangan cukai melalui pembayaran kepada kerajaan dan masa pengurus.

Kebajikan & Kesihatan Mental

Pokoknya: Keuntungan & Hasil

Ketidakhadiran & Produktiviti

Kos Gangguan Seksual Terhadap Majikan, Prestasi Perniagaan & Tenaga Kerja

Kerosakan Reputasi: Saham & Nilai Jenama, Kesetiaan Pelanggan

Pengambilan Bakat, Pengekalan & Perolehan

Bayaran Guaman: Prosiding Mahkamah & Penyelesaian Pertikaian

Uber

Pada [2019](#), membayar **\$20 juta** dalam penyelesaian tuntutan

Kerugian melebihi **\$ 1.5 billion** nilai saham

Pada [2021](#), disaman sebanyak **\$ 500 juta** sebagai ganti rugi




FORTUNE
500

Sejak [2000](#), **99%** daripada syarikat Fortune 500 telah membayar penyelesaian tuntutan untuk sekurang-kurangnya satu tuntutan mahkamah untuk diskriminasi atau gangguan seksual

Perniagaan yang terkesan daripada tuntutan gangguan seksual di Malaysia



KOS KEMUDIANNYA DITANGGUNG OLEH KERAJAAN



23% daripada kos bersamaan dengan lebih daripada \$650 juta dari kehilangan cukai, penjagaan kesihatan, sistem perundangan, pengangguran dan kerugian-kerugian lain.

KESIMPULAN

KESIMPULAN

1. RUU ini perlu disemak oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial berdasarkan cadangan pindaan kami, di mana cadangan pindaan perlu dilaksanakan sebelum bacaan kedua (*second reading*) di Parlimen.
2. Pihak berkepentingan lain yang patut disertakan dalam ulasan ini seperti:
 - a. Kumpulan - kumpulan kesatuan pekerja
 - b. Kumpulan kepentingan pelajar di sekolah dan institut pendidikan tinggi
 - c. Kumpulan majikan di luar kesatuan majikan
3. Cadangan kerjasama antara kumpulan guaman dan Jabatan Peguam Negara bagi memperluaskan penyelesaian undang-undang yang seimbang

**ADA SEBARANG
PERTANYAAN?**

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan

1. (1) Akta ini boleh dinamakan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2022.
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh sejeurus selepas tarikh ia diterbitkan dalam *Warta*.

Pindaan kepada Seksyen 2

2. Takrif “saksi kanak-kanak” dalam Seksyen 2 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [*Akta 676*], yang disebut “Akta Ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “enam belas” dengan perkataan “lapan belas”.

Seksyen Baru 2A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 seksyen yang berikut:

“Prinsip untuk berurusan dengan saksi kanak-kanak

2A. (1) Oleh sebab kanak-kanak cenderung berada dalam situasi rentan adalah menjadi hasrat Akta ini supaya kanak-kanak yang menjadi saksi dalam prosiding jenayah harus diberi manfaat langkah khas apabila memberi keterangan.

- (2) Prinsip am berikut terpakai apabila berurusan dengan saksi kanak-kanak:

- (a) kanak-kanak itu hendaklah dilayan dengan bermaruah, hormat dan belas kasihan;
- (b) langkah-langkah perlu diambil untuk menegahdkan, setakat yang paling praktikal, kesusahan atau trauma yang dialami oleh kanak-kanak itu semasa memberikan keterangan;
- (c) kanak-kanak itu tidak boleh digeruni dalam pemeriksaan balas; dan
- (d) prosiding itu mesti diselesaikan secepat mungkin.”

Pindaan kepada seksyen 3

4. Seksyen 3 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas klausa (c) perenggan yang berikut:

“(d) dengan merekodkan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula kanak-kanak itu.”

Seksyen Baru 6A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

“Pra-rakam pemeriksaan, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula kanak-kanak

6A.(1) Mahkamah boleh mengarahkan supaya keseluruhan keterangan saksi kanak-kanak (termasuk pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula) adalah —

(a) diambil pada pembicaraan khas sebelum prosiding perbicaraan, dengan kehadiran pegawai kehakiman, dan dirakam pada rakaman video; dan

(b) dikemukakan kepada mahkamah dalam bentuk rakaman video itu, dan saksi kanak-kanak itu tidak hadir pada prosiding perbicaraan.

(2) Dalam membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh mahkamah berhubung dengan mengambil keterangan saksi kanak-kanak itu.

(3) Tanpa menghadkan subseksyen (2), mahkamah boleh memberi arahan tentang—

(a) sama ada keterangan kanak-kanak itu hendak diambil di dalam bilik mahkamah atau di tempat lain;

(b) sama ada satu atau lebih daripada langkah di bawah Akta ini hendaklah digunakan untuk memudahkan keterangan kanak-kanak itu; dan

(c) orang yang mungkin berada di dalam bilik yang sama dengan kanak-kanak itu semasa keterangan kanak-kanak itu diambil.

(4) Jika keterangan seseorang kanak-kanak telah direkodkan terlebih dahulu mengikut seksyen ini, saksi itu tidak boleh kemudiannya diperiksa, diperiksa balas atau diperiksa semula dalam prosiding melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa—

(a) pemeriksaan yang dicadangkan itu diminta oleh suatu pihak dalam prosiding itu akibat pihak itu telah menyedari, sejak masa rakaman asal dibuat, tentang suatu perkara yang pihak itu tidak dapat memastikan dengan ketekunan yang munasabah pada masa itu; atau

(b) atas apa-apa sebab lain adalah demi kepentingan keadilan untuk membenarkan pemeriksaan lanjut ke atas kanak-kanak itu.”

Pindaan kepada seksyen 7

6. Seksyen 7 Akta ibu dipinda menggantikan perkataan “enam belas” dengan perkataan “lapan belas”.

Seksyen Baru 10A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

“Soalan yang tidak wajar

10A. (1) Mahkamah mesti tidak membenarkan soalan yang dikemukakan kepada saksi kanak-kanak jika mahkamah berpendapat bahawa soalan itu –

(a) tidak adil, mengelirukan atau membingungkan;

(b) dinyatakan dalam bahasa yang terlalu rumit untuk difahami oleh saksi kanak-kanak;

(c) berulang-ulang, mengganggu, menakutkan, menyinggung perasaan, menindas, atau memalukan; atau

(d) diberikan kepada saksi kanak-kanak itu dengan cara atau nada yang memperkecilkan, menghina atau sebaliknya tidak wajar.

(2) Kewajipan yang dikenakan ke atas mahkamah oleh seksyen ini terpakai sama ada bantahan dibangkitkan atau tidak terhadap persoalan tertentu.”

Seksyen Baru 12A

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 12 seksyen yang berikut:

“Persidangan pra-perbicaraan untuk mempertimbangkan cara keterangan saksi kanak-kanak

12A. (1) Jika seorang saksi kanak-kanak hendak memberikan keterangan dalam prosiding jenayah, mahkamah boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang dibuat oleh pihak yang memanggil saksi kanak-kanak itu, menjalankan persidangan pra-perbicaraan untuk menentukan cara memberikan keterangan oleh saksi kanak-kanak.

(2) Persidangan pra-perbicaraan mengikut seksyen ini adalah mandatori dalam mana-mana prosiding berhubung dengan kesalahan terhadap kanak-kanak di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 atau kesalahan dalam Jadual Akta itu.

(3) Persidangan pra-perbicaraan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada mahkamah seawal yang boleh sebelum kes itu dibicarakan.

(4) Pada mana-mana persidangan pra-perbicaraan di bawah subseksyen (1), mahkamah—

(a) hendaklah memberi setiap pihak peluang untuk didengari; dan

(b) boleh meminta dan menerima laporan daripada mana-mana orang yang dianggap oleh mahkamah sebagai layak untuk menasihati cara terbaik untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak itu dan langkah-langkah yang diperlukan untuk membantu kanak-kanak itu memberikan keterangan.

(5) Pada akhir persidangan pra-perbicaraan, mahkamah hendaklah—

(a) membuat perintah berkenaan cara keterangan kanak-kanak itu diberikan (menggunakan skrin, melalui pautan langsung, melalui rakaman video atau melalui keterangan pra-rakaman) dan sama ada satu atau lebih langkah di

bawah seksyen 8, 9, 10 atau 12 akan digunakan dalam memeriksa kanak-kanak itu; dan

(b) menetapkan peraturan asas bagi menjalankan penyoalan, termasuk—

- (i) arahan tentang cara dan frasa soalan;
- (ii) arahan tentang tempoh penyoalan;
- (iii) arahan tentang soalan yang mungkin ditanya atau tidak;
- (iv) arahan supaya bilangan soalan mengenai isu tertentu dihadkan;
- (v) jika terdapat lebih daripada seorang defendan, peruntukan antara mereka tentang topik yang boleh ditanyakan kepada saksi kanak-kanak;
- (vi) arahan tentang masa rehat ; dan
- (viii) arahan tentang penggunaan model, pelan, peta badan atau alat bantu yang serupa untuk membantu menyampaikan soalan atau jawapan.

(6) Dalam memutuskan perintah dan arahan yang hendak diberikan di bawah seksyen ini, Mahkamah hendaklah menimbangkan—

- (a) umur saksi kanak-kanak itu;
- (b) jenis kesalahan itu;
- (c) Sifat perhubungan antara saksi kanak-kanak dan tertuduh;
- (d) kehendak saksi kanak-kanak itu;
- (e) ketersediaan apa-apa peralatan atau kemudahan yang diperlukan; dan
- (f) langkah yang manakah berkemungkinan meminimumkan tekanan kepada saksi kanak-kanak dan memaksimumkan kualiti keterangan kanak-kanak itu.”

Pindaan kepada seksyen 13

9. Seksyen 13 Akta dipinda menggantikan perkataan “enam belas” dengan perkataan “lapan belas”.

PENYATAAN PENERANGAN

1. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (“Akta ibu”) agar lebih sejajar dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik supaya saksi kanak-kanak dalam prosiding jenayah lebih mampu memberikan keterangan terbaik mereka. Ia akan melanjutkan langkah khas untuk saksi kanak-kanak kepada semua orang di bawah umur 18 tahun dan bukannya 16 tahun; membenarkan pra-rakaman keterangan penuh saksi kanak-kanak pada pendengaran khas sebelum perbicaraan; memperkenalkan keperluan baharu untuk mahkamah menetapkan “peraturan asas” untuk cara seorang saksi kanak-kanak akan disoal siasat; dan mengukuhkan kewajipan di mahkamah untuk mengelakkan soal siasat yang tidak wajar terhadap kanak-kanak.
2. Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta Cadangan.
3. Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif “saksi kanak-kanak” di bawah Akta ibu kepada seseorang di bawah umur 18 tahun, dan bukannya 16 tahun, untuk menyelaraskan Akta ibu dengan lebih baik dengan takrifan kanak-kanak di bawah undang-undang Malaysia yang lain (contoh Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017) dan Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-kanak.
4. Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu selepas seksyen 2 Akta ibu untuk memperuntukkan prinsip panduan untuk berurusan dengan saksi kanak-kanak, dan khususnya untuk mengukuhkan bahawa kanak-kanak mesti dilayan dengan maruah, hormat dan belas kasihan; bahawa langkah mesti diambil untuk mengurangkan kesusahan atau trauma kepada kanak-kanak itu; bahawa kanak-kanak tidak boleh digeruni dalam pemeriksaan balas; dan bahawa prosiding mesti diselesaikan secepat mungkin.
5. Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu kepada seksyen 3 Akta ibu, menambah pra-rakaman keterangan penuh kanak-kanak (pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, dan pemeriksaan semula) kepada senarai kaedah bagaimana keterangan saksi kanak-kanak boleh diberikan. Ini akan membolehkan keterangan kanak-kanak diambil dan direkodkan pada perbicaraan khas lebih dekat dengan tarikh kejadian, dengan itu menangkap keterangan kanak-kanak itu sebelum ingatannya pudar dan menyelamatkan kanak-kanak itu daripada kesusahan kehadiran mahkamah yang kerap dan kelewatan.
6. Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru kepada Akta ibu untuk membimbing bagaimana keterangan seseorang kanak-kanak akan direkodkan terlebih dahulu. Ia membenarkan pra-rakaman dijalankan pada pendengaran khas sebelum perbicaraan di bilik mahkamah atau tempat lain yang lebih mesra kanak-kanak, dan memberi mahkamah budi bicara untuk memberi arahan tentang cara keterangan kanak-kanak itu akan diambil. Sebagai contoh, mahkamah boleh membenarkan kanak-kanak itu memberikan keterangan melalui

pautan langsung, dengan bantuan perantara atau orang sokongan, atau menerima rakaman video terlebih dahulu sebagai keterangan utama kanak-kanak itu. Selaras dengan amalan semasa untuk memanggil semula saksi dalam prosiding jenayah, sebaik sahaja keterangan penuh kanak-kanak telah direkodkan, mahkamah hanya boleh membenarkan mana-mana pihak memanggil semula kanak-kanak itu jika: pihak itu telah mengetahui tentang bukti baharu atau perkara lain sejak rakaman dibuat, dan mereka tidak dapat, dengan ketekunan yang munasabah memastikannya pada masa itu; atau mahkamah sebaliknya menentukan bahawa adalah demi kepentingan keadilan untuk membenarkan pemeriksaan lanjut ke atas kanak-kanak itu.

7. Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta ibu dengan menukar umur yang ditetapkan saksi kanak-kanak daripada enam belas kepada lapan belas tahun.

8. Fasal 7 bertujuan untuk meminda Akta ibu dengan menambah seksyen baru mengenai kuasa dan kewajipan mahkamah untuk mengawal cara bagaimana saksi kanak-kanak disoal, dan khususnya untuk tidak membenarkan soalan yang terlalu rumit untuk difahami oleh kanak-kanak itu, berulang-ulang, mengganggu, atau menakutkan, atau yang dinyatakan dalam cara atau nada yang memperkecilkan, menghina atau sebaliknya tidak sesuai.

9. Fasal 8 bertujuan untuk meminda Akta ibu dengan memasukkan seksyen baru selepas seksyen 12 berkenaan persidangan pra-perbicaraan dalam kes yang melibatkan saksi kanak-kanak. Adalah dicadangkan bahawa persidangan pra-perbicaraan (yang diperuntukkan pada masa ini di bawah seksyen 172A Kanun Tatacara Jenayah) menjadi mandatori dalam semua kes yang melibatkan kanak-kanak mangsa jenayah seksual, dan pilihan dalam kes lain yang melibatkan saksi kanak-kanak. Tujuan persidangan pra-perbicaraan yang dicadangkan adalah untuk memutuskan lebih awal daripada tarikh perbicaraan: tentang cara kanak-kanak itu memberikan keterangan (contoh melalui pautan langsung, dengan skrin, melalui rakaman video, atau pra- kesaksian yang direkodkan); dan sama ada untuk menggunakan langkah sokongan lain yang tersedia di bawah Akta utama (contoh. perantara, orang dewasa sokongan, mengetepikan pakaian rasmi, dan bantuan khas untuk kanak-kanak kurang upaya). Sebagai tambahan, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, adalah dicadangkan bahawa persidangan pra-perbicaraan juga digunakan untuk mahkamah menetapkan "peraturan asas" untuk bagaimana kanak-kanak itu akan disoal, termasuk sekatan pada frasa dan nada soalan, jenis soalan yang boleh dan tidak boleh ditanya, tempoh menyoal dan masa rehat, dan penggunaan lukisan, gambar rajah dan alatan lain untuk membantu kanak-kanak memberikan keterangan. Dalam menetapkan peraturan asas, mahkamah mesti mempertimbangkan umur saksi kanak-kanak; jenis kesalahan; sifat perhubungan antara saksi kanak-kanak dan tertuduh; kehendak saksi kanak-kanak itu; ketersediaan sebarang peralatan atau kemudahan yang diperlukan; dan langkah manakah yang berkemungkinan mengurangkan kesusahan kepada saksi kanak-kanak dan memaksimumkan kualiti keterangan kanak-kanak itu.

10. Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta ibu dengan menukar umur yang ditetapkan saksi kanak-kanak daripada enam belas kepada lapan belas tahun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

SULIT

A BILL

intituled

An Act to amend the Evidence of Child Witnesses Act, 2007.

[]

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Act may be cited as the Evidence of Child Witnesses (Amendment) Act 2022.

(2) This Act shall come into force on the date immediately following the date of its publication in the Gazette.

Amendment to sections 2

2. The definition of “child witness” in Section 2 of the principal Act is amended by substituting for the word “sixteen” the word “eighteen”.

New Section 2A

3. The principal Act is amended by inserting after section 2 the following section:

“Principles for dealing with a child witness

2A. (1) Because a child tends to be vulnerable, it is the intention of this Act that a child who is a witness in criminal proceedings should be given the benefit of special measures when giving evidence.

(2) The following general principles apply when dealing with a child witness:

(a) the child is to be treated with dignity, respect and compassion;

(b) measures are to be taken to limit, to the greatest practical extent, the distress or trauma suffered by the child when giving evidence;

(c) the child must not be intimidated in cross-examination; and

(d) the proceeding must be resolved as quickly as possible.”

Amendment to section 3

4. Section 3 of the principal Act is amended by inserting the following clause after clause (c):

“(d) by pre-recording the child’s examination-in-chief, cross-examination and re-examination.”

New Section 6A

5. The principal Act is amended by inserting after section 6 the following section:

“Pre-recorded examination, cross-examination and re-examination of a child

6A.(1) The Court may direct that the whole of a child’s witnesses evidence (including cross-examination and re-examination) be —

(a) taken at a special hearing in advance of the trial proceeding, in the presence of a judicial officer, and recorded on a video recording; and ^[11]_[SEP]

(b) presented to the court in the form of that video recording, and that child witness not be present at the trial proceeding.

(2) In making an order under subsection (1), the court may give such directions as the court considers appropriate in relation to taking of the child witness’ evidence.

(3) Without limiting subsection (2), the court may give directions as to—

(a) whether the child’s evidence is to be taken in the courtroom or some other place;

(b) whether one or more of the measures under this Act shall be used to facilitate the child’s testimony; and

(c) the persons who may be present in the same room as the child when the child’s evidence is being taken.

(4) Where the evidence of a child has been pre-recorded in accordance with this section, the witness may not be subsequently examined, cross-examined or re-examined in the proceedings unless the court is satisfied that —

(a) the proposed examination is sought by a party to the proceedings as a result of that party having become aware, since the time when the original recording was made, of a matter which that party could not with reasonable diligence have ascertained by then; or

(b) for any other reason it is in the interests of justice to permit further examination of the child.”

Amendment to sections 7

6. Section 7 of the principal Act is amended substituting for the word “sixteen” the word “eighteen”.

New Section 10A

7. The principal Act is amended by inserting after section 10 the following section:

“Improper questions

10A. (1) The court must disallow a question put to a child witness if the court is of the opinion that the question —

(a) is unfair, misleading or confusing;

(b) is expressed in language that is too complicated for the child witness to understand;

(c) is needlessly repetitive, harassing, intimidating, offensive, oppressive, or humiliating; or

(d) is put to the child witness in a manner or tone that is belittling, insulting or otherwise inappropriate.

(2) The duty imposed on the court by this section applies whether or not an objection is raised to a particular question.”

New Section 12A

8. The principal Act is amended by inserting after section 12 the following section:

“Pre-trial conference to consider manner of child witness testimony

12A. (1) Where a child witness is to give evidence in criminal proceedings, the court may, of its own motion or upon application made by the party calling the child witness, conduct a pre-trial conference to determine the manner of giving evidence by the child witness.

(2) A pre-trial conference in accordance with this section is mandatory in any proceedings in relation to an offence against a child under the Sexual Offences Against Children Act 2017 or an offence in the Schedule to that Act.

(3) A pre-trial conference under subsection (1) shall be made to the court as early as practicable before the case is to be tried.

(4) At any pre-trial conference under subsection (1), the court—

(a) shall give each party an opportunity to be heard; and

(b) may call for and receive a report from any persons considered by the court to be qualified to advise on the best means of communicating with the child and the measures needed to assist the child to give evidence.

(5) At the conclusion of the pre-trial conference, the court shall —

(a) make an order regarding the manner by which the evidence of the child is to be given (using a screen, by live-link, by vide-recording or by pre-recording testimony) and whether one or more measures under sections 8, 9, 10 or 12 will be used in examining the child; and

(b) set ground rules for the conduct of the questioning, including—

(i) directions about the manner and phrasing of questions;

(ii) directions about the duration of questioning;

(iii) directions about questions that may or may not be asked;

(iv) directions that the number of questions on a particular issue be limited;

(v) where there is more than one defendant, the allocation among them of the topics about which a child witness may be asked;

(vi) directions about rest breaks; and

(viii) directions about the use of models, plans, body maps or similar aids to help communicate a question or an answer.

(6) In deciding what orders and directions to give under this section, the Court shall consider –

- (a) the age of the child witness;
- (b) the nature of the offence;
- (c) the nature of any relationship between the child witness and the accused;
- (d) the child witness' wishes;
- (e) the availability of any necessary equipment or facilities; and
- (f) which of the measures would be likely to minimise distress to the child witness and maximize the quality of the child's evidence.”

Amendment to section 13

9. Section 13 of the Act is amended substituting for the word “sixteen” the word “eighteen”.

EXPLANATORY STATEMENT

1. This Bill seeks to amend the Evidence of Child Witnesses Act 2007 (the principal Act) to better align with international standards and best practices so that child witnesses in criminal proceedings are better able to give their best evidence. It would extend the special measures for child witnesses to all persons under the age of 18 years instead of 16 years; allow for the pre-recording of a child witness' full testimony at a special hearing in advance of the trial; introduce a new requirement for courts to set “ground rules” for how a child witness will be questioned; and reinforce the obligation on the court to prevent improper questioning of a child.

2. *Clause 1* provides for the short title and commencement of the Proposed Act.

3. *Clause 2* seeks to amend the definition of “child witness” under the principal Act to a person under the age of 18 years, rather than 16 years, to better align the principal Act with the

definition of a child under other Malaysia laws (e.g. the Child Act 2001, the Sexual Offences against Children Act 2017) and the UN Convention on the Rights of the Child.

4. *Clause 3* seeks to introduce a new section after section 2 of the principal Act to provide guiding principles for dealing with a child witness, and in particular to reinforce that children must be treated with dignity, respect and compassion; that measures must be taken to minimise distress or trauma to the child; that children must not be intimidated in cross-examination; and that proceedings must be resolved as quickly as possible.

5. *Clause 3* seeks to insert a new clause to section 3 of the principal Act, adding pre-recording of a child's full testimony (examination-in-chief, cross-examination, and re-examination) to the list of methods by which the evidence of a child witness may be given. This will allow a child's testimony to be taken and recorded at a special hearing closer to the date of the incident, thereby capturing the child's evidence before his/her memory fades and sparing the child the distress of frequent court appearances and delays.

6. *Clause 5* seeks to insert a new section to the principal Act to guide how the testimony of a child will be pre-recorded. It allows for the pre-recording to be conducted at a special hearing prior to the trial in a courtroom or some other more child-friendly place, and gives the court the discretion to give directions as to how the child's evidence will be taken. For example, the court may allow the child to give evidence via live-link, with the assistance of an intermediary or support person, or admit a prior video-recording as the child's evidence in-chief. In line with current practices for recalling witnesses in criminal proceedings, once a child's full testimony has been pre-recorded, the court can only permit either party to call the child again if: the party has become aware of new evidence or another matter since the recording was made, and they could not, with reasonable diligence, have ascertained it by then; or the court otherwise determines that it is in the interests of justice to permit further examination of the child.

7. *Clause 6* seeks to amend section 7 of the principal Act by changing the stipulated age of the child witness from sixteen to eighteen years.

8. *Clause 7* seeks to amend the principal Act by adding a new section on the authority and obligation on the court to control the manner in which child witnesses are questioned, and in particular to disallow questions that are too complicated for the child to understand, needlessly repetitive, harassing, or intimidating, or that are expressed in a manner or tone that is belittling, insulting or otherwise inappropriate.

9. *Clause 8* seeks to amend the principal Act by inserting a new section after section 12 regarding pre-trial conferences in cases involving a child witness. It is proposed that pre-trial conferences (currently provided for under section 172A of the Criminal Procedure Code) be mandatory in all cases involving a child victim of a sexual crime, and optional in other cases involving a child witness. The proposed purpose of the pre-trial conference would be to decide in advance of the trial date: on the manner by which the child is to give evidence (e.g. via live-link, with a screen, by video-recording, or pre-recorded testimony); and on whether to apply

other support measures available under the principal Act (e.g. an intermediary, adult support person, dispensing with formal attire, and special assistance for children with disabilities). In addition, in line with international best practice, it is proposed that the pre-trial conference also be used for the court to set “ground rules” for how the child will be questioned, including restrictions on the phrasing and tone of questions, the types of questions that can and cannot be asked, the duration of questioning and rest breaks, and the use of drawings, diagrams and other tools to assist the child to give evidence. In setting the ground rules, the court must consider the age of the child witness; the nature of the offence; the nature of any relationship between the child witness and the accused; the child witness’ wishes; the availability of any necessary equipment or facilities; and which of the measures would be likely to minimise distress to the child witness and maximize the quality of the child’s evidence.

10. *Clause 9* seeks to amend section 13 of the principal Act by changing the stipulated age of the child witness from sixteen to eighteen years.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will involve limited additional Government financial expenditure, the amount of which cannot at present be ascertained.

CONFIDENTIAL

PELAN HALA TUJU UNTUK
MENGUKUHKAN SOKONGAN
UNTUK MANGSA DAN SAKSI
KANAK-KANAK DALAM
SISTEM KEADILAN JENAYAH:
2022-2027

Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal
Wanita dan Kanak-Kanak dan
Pembangunan Sosial

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Definisi
Akta 26	Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26]
Akta 611	Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]
Akta 676	Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676]
Akta 792	Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]
CSEA	<i>Child Sexual Exploitation and Abuse</i>
CSO	<i>Civil Society Organisation</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
D11	Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM)
FBI	<i>Federal Bureau of Investigation, United States Department of Justice</i>
JBG	Jabatan Bantuan Guaman, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU),
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat,
JPN	Jabatan Peguam Negara
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
MAMPU	<i>The Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit, Jabatan Perdana Menteri</i>
MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran
NCA	<i>National Crime Agency, United Kingdom</i>
NGOs	<i>Non-Governmental Organisations</i>
OCC	<i>Office of the Children's Commissioner, Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)</i>
OSCC	Pusat Krisis Bersepadu, Kementerian Kesihatan Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
SCAN Team	Pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak Yang Disyaki, Kementerian Kesihatan Malaysia
VAS	<i>Victim Assistance Service</i>
WSS	<i>Witness Support Service</i>
WSSP	<i>Witness Support Service Programme, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat</i>

PENGENALAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mengukuhkan perlindungan kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan seksual dan menangani ancaman yang timbul terhadap kanak-kanak dalam persekitaran dalam talian:

- Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] telah meningkatkan perlindungan undang-undang kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan seksual dan penderaan dalam talian dengan ketara;
- Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676] memperuntukkan langkah khas untuk membantu kanak-kanak di bawah umur 16 tahun memberikan keterangan di mahkamah, termasuk menggunakan rakaman video saksi kanak-kanak sebagai keterangan pemeriksaan utama, keterangan melalui pautan langsung, skrin, pendamping guaman, dan penggunaan perantara;
- Prosedur Operasi Standard Khas Antara Agensi bagi Kes Melibatkan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Malaysia telah diperkenalkan pada 2017;
- mangsa kanak-kanak menerima intervensi khusus daripada pasukan Pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak Yang Disyaki (SCAN) berasaskan hospital dan Pusat Krisis Sehati Bersepadu (OSCC), Polis Diraja Malaysia (PDRM) D11 (Siasatan Seksual, Keganasan Rumah Tangga dan Penderaan Kanak-kanak) dan Pusat Temuduga Kanak-Kanak, dan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Putrajaya dan Kuching; dan
- sokongan tersedia untuk kanak-kanak dan keluarga mereka sepanjang proses keadilan jenayah daripada Program Perkhidmatan Sokongan Saksi (WSSP) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pakar Bantuan Mangsa MAPO (untuk mangsa pemerdagangan), dan pendamping guaman.

Walau bagaimanapun, beberapa jurang dan cabaran utama yang menghalang pelaksanaan inisiatif-inisiatif secara penuh dan berkesan telah dikenal pasti:

- kekurangan latihan yang mendalam dan seragam untuk semua yang terlibat dalam mengendalikan mangsa kanak-kanak;
- kakitangan yang kerap dan penggiliran pakar terlatih, sebagai contoh penyiasat D11, pakar SCAN (termasuk pakar perubatan khusus) menyukarkan pengekalan kepakaran yang diperlukan untuk menguruskan kes kanak-kanak dengan berkesan;
- pilihan untuk menggunakan rakaman video saksi kanak-kanak sebagai keterangan di mahkamah kadangkala tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peralatan rakaman video di balai polis (terutamanya di daerah yang lebih kecil), kualiti rakaman video yang rendah, atau kekurangan latihan pakar untuk polis yang memberikan keterangan yang diambil dalam rakaman tidak boleh diterima oleh mahkamah;

- D11 tidak mempunyai teknologi terkini, peralatan dan kemahiran teknikal yang penting untuk pengumpulan bukti digital yang berkesan dan seiring dengan inovasi teknologi dan trend jenayah yang berkaitan dengan penderaan dalam talian terhadap kanak-kanak;
- kekurangan penyelarasan antara agensi yang berkesan menyebabkan pegawai D11 terpaksa menjalankan pelbagai tugas dan mengambil peranan agensi lain, seperti menyediakan sokongan emosi, pertolongan cemas psiko-sosial, kaunseling dan sokongan saksi;
- Program Khidmat Sokongan Saksi di bawah JKM kurang dibiayai dan kurang digunakan kerana Pendakwa tidak mengetahui kemungkinan untuk mereka merujuk kepada yang sesuai kepada WSSP;
- Pendamping Guaman tidak selalu tersedia (terutamanya di kawasan luar bandar) dan Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] tidak mempunyai ketetapan yang jelas mengenai pengecualian yuran dan sumbangan untuk perkhidmatan pendamping guaman;
- dana terhad yang diperuntukkan untuk kemudahan dan peralatan di bilik saksi kanak-kanak di mahkamah;
- mereka yang terlibat dalam prosiding mahkamah tidak sensitif kepada fakta bahawa saksi utama adalah seorang kanak-kanak, dan persidangan pra-perbicaraan pada masa ini tidak digunakan untuk menetapkan "peraturan asas" tentang bagaimana seseorang kanak-kanak itu akan disoal siasat;
- kemudahan langsung atau persidangan video tidak tersedia di semua mahkamah; dan
- kekurangan pengantara yang berkelayakan. Jurubahasa mahkamah pada masa ini berfungsi sebagai pengantara tetapi mereka tidak mempunyai kelayakan dan latihan dalam teknik komunikasi dengan kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak kecil dan saksi kanak-kanak yang kurang upaya atau gangguan yang menjejaskan komunikasi (contohnya gangguan spektrum autisme).

Melalui lawatan sambil belajar ke England baru-baru ini (Mei 2022) yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial, beberapa amalan terbaik telah dikenal pasti untuk diterima pakai oleh Malaysia untuk meningkatkan keberkesanan dan keberkesanan kanak-kanak dalam prosiding jenayah yang melibatkan mangsa dan saksi kanak-kanak. Pelan Hala Tuju (*Roadmap*) ini menyediakan cadangan untuk rancangan lima (5) tahun untuk mencapai hasil utama berikut:

1. Pengkhususan yang dipertingkatkan dalam mengendalikan kes kanak-kanak

Pengkhususan dalam mengendalikan kes kanak-kanak akan dipertingkatkan dengan menetapkan pakar-pakar pegawai kehakiman dan timbalan pendakwa raya untuk ditugaskan dalam semua mangsa/saksi kanak-kanak, dan dengan memperluaskan

bilangan Mahkamah Khas Jenayah Kanak-kanak. Di samping itu, semua pakar pegawai kehakiman, timbalan pendakwa raya, pegawai D11, ahli pasukan SCAN, dan pendamping guaman yang ditetapkan akan dikehendaki menamatkan kursus latihan sijil standard.

